

ij£& PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUAABELAS 2012**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN: 11JUN 2012



KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO: 8 HINGGA 113)**

**NOTA : JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 12
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT SOALAN NO: 8

PERTANYAAN :LISAN

DARI PAD A :TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH :11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN :TAN SRI DATO' ABD. KHALID BINIBRAHIM minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejak bilakah Program Insentif Peningkatan Hasil Padi diperkenalkan kepada pesawah di Malaysia dan apakah mekanisme yang diguna pakai dalam pelaksanaan program ini

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Insentif Peningkatan Hasil (IPH) telah diumumkan oleh Kerajaan pada November 2006 dan keputusan ini telah dilaksanakan mulai Mac 2007. Insentif ini diperkenalkan bertujuan untuk:

- (i) meningkatkan pengeluaran beras dalam negara;
- (ii) memberi galakan kepada petani untuk meningkatkan hasil padi; dan
- (iii) mengurangkan bebanan kos yang ditanggung oleh petani.

Insentif Peningkatan Hasil diberikan kepada semua pesawah berdaftar yang dapat meningkatkan hasil musim semasa sekurang-kurangnya 1% berbanding hasil musim asas. Mekanisme yang diguna pakai dalam pelaksanaan program Insentif Peningkatan Hasil adalah berdasarkan kadar peruntukan seperti berikut:

- (i) RM650 bagi setiap tan metrik tambahan hasil akan diberikan dalam bentuk wang tunai apabila pesawah menjual padi di pintu kilang;
- (ii) bagi pesawah yang mengusahakan sawah kurang dari 2 hektar dan mampu menghasilkan tambahan hasil padi, bayaran maksimum sebanyak RM200 akan diberikan; dan
- (iii) bagi pesawah yang berjaya mencapai hasil pengeluaran padi sebanyak 10 tan metrik, bonus sebanyak RM650 akan diberikan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN ''

DARIPADA : DATO^B SHAMSUL ANUAR BIN

NASARAH

TARIKH : 11 JUN2012 (ISNIN)

SOALAN :

Date⁰ ShamsuS Anuar bio Nasarah [Lenggong] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan badan baru menggantikan Majlis Peguam Malaysia; dan
- (b) apakah Kerajaan berpuashati dengan peranan yang

dimainkan oleh Majlis Peguam Malaysia.

JAWAPAM: YB DATO⁸ SERI MOHAMED MAZRB ABDUL AZSZ
MENTERI PI JABATAN PERDAMA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia adalah mengambil kira keperluan mewujudkan sebuah badan yang boleh mewakili anggota profession undang-undang secara lebih menyeluruh termasuk dari kalangan anggota kehakiman, ahli akademik, pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara, bekas hakim, penasihat undang-undang syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Akademi yang dicadangkan ini tidak akan menyentuh perjalanan badan-badan lain seperti Majlis Peguam yang keanggotaannya terhad kepada peguam bela dan peguam cara di Semenanjung Malaysia, mahupun Persatuan Pegawai Kehakiman dan Perundangan, Persatuan Undang-Undang Sabah atau Persatuan Peguam Bela Sarawak.

Antara cadangan fungsi Akademi Undang-Undang Malaysia ini adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan *standard* yang tinggi dalam perlakuan dan pengetahuan anggota profession undang-undang di Malaysia, menggalakkan peningkatan dan penyebaran pengetahuan undang-undang serta mengadakan pendidikan undang-undang yang berterusan bagi anggotanya. Selain itu, Akademi ini akan menjadi medium bagi individu yang mempunyai pengetahuan undang-undang tetapi tidak menjadi pengamal undang-undang untuk turut memberi pandangan serta berkongsi

kepakaran dalam isu-isu berkaitan undang-undang. Ini secara tidak langsung akan menjadikan sumber rujukan undang- undang lebih meluas berbanding sebelum ini. Penubuhan Akademi ini akan dilaksanakan melalui cadangan Rang Undang- Undang Akademi Undang-Undang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, bagi pengamal undang-undang, keahlian dalam Akademi Undang-Undang Malaysia bukanlah merupakan opsyen kepada keahlian dalam Majlis Peguam. Seksyen 43, Akta Profession Undang-Undang 1976 tetap menyatakan seperti berikut:

“Peguam Bela dan Peguam Cara ialah ahli Bar
Tiap-tiap peguam bela dan peguam cara menjadi ahli Bar
Malaysia tanpa dipilih, dimasukkan atau dilantik dan
berterusan menjadi ahli di bawah seksyen ini selama dia
mempunyai suatu sijil amalan yang sah.”

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia ini juga bukanlah suatu tindak balas Kerajaan terhadap Majlis Peguam Malaysia yang tidak sehaluan dengan Kerajaan. Ini kerana cadangan penubuhan akademi ini telah dipersetujui lebih sepuluh tahun yang lalu oleh Majlis Peguam Malaysia pada masa itu. Namun begitu, pelaksanaan akademi ini tertangguh disebabkan oleh faktor kesesuaian masa.

Sekian, terima kasih.
PERTANYAAN LISAN

NO. SOALAN: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA

YB JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]

TARIKH JAWAPAN : 11 JUN 2012 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan peranan Kementerian dalam usaha membantu menyelesaikan rungutan pengguna elektrik yang dibebankan dengan tunggakan bil yang tinggi berikutan bacaan meter elektrik yang tidak dibuat setiap bulan tetapi 2 dan 3 bulan sekali.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kaedah pembacaan meter setiap dua bulan sekali telah mula dilaksanakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak bulan Januari 2009 dan seterusnya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di semua negeri di Semenanjung pada bulan Jun 2010. Walau bagaimanapun, buat masa ini kaedah pembacaan meter tiga bulan sekali tidak pernah dilaksanakan oleh TNB.

Kaedah pembacaan meter dua bulan sekali ini hanya dilaksanakan di kalangan sebilangan kecil pengguna sahaja iaitu kira-kira lima belas peratus (15%) sahaja daripada jumlah keseluruhan pengguna elektrik di Semenanjung. Semenjak ianya dilaksanakan, beberapa penambahbaikan ke atas kaedah pengiraan tersebut telah diperkenalkan khususnya dari segi butiran bil bagi meningkatkan pemahaman pengguna terhadap kaedah pembacaan bil elektrik.

Daripada aspek perundangan sedia ada, kaedah pembacaan meter dua bulan sekali tersebut adalah didapati tidak bercanggah dengan Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 yang

memperuntukkan bahawa:

“Bil-bil berkenaan dengan amaun yang kena dibayar kepada pemegang lesen akan diberikan keadaan penauna secara bulanan dan hendaklah dibayar dalam masa 30 hari selepas penyerahannya.”

Walau bagaimanapun, bagi membantu menyelesaikan masalah rungutan daripada orang awam yang masih tidak berpuashati dengan kaedah pembacaan meter secara dua bulan sekali ini, Kementerian telah mengarahkan pihak Suruhanjaya Tenaga (ST), selaku badan kawal selia industri bekalan elektrik untuk sentiasa melaksanakan pemantauan dan siasatan ke atas aduan-aduan oleh pengguna dan mengarahkan pihak TNB untuk mengkaji semula atau menambah baik kaedah pembacaan meter yang sedang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Buat masa ini, kaedah pembacaan dua bulan sekali masih lagi dilaksanakan oleh TNB memandangkan kaedah tersebut didapati dapat menjimatkan kos operasi khususnya daripada segi penggunaan tenaga kerja untuk tugas-tugas pembacaan bil yang kebiasaan dilakukan secara bulanan.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh pihak ST, bilangan aduan

pengguna berhubung kaedah pembacaan meter dua bulan sekali ini telah semakin berkurangan. Ini kerana pihak TNB telah banyak memberikan penerangan dan mengadakan dialog-dialog dengan persatuan-persatuan pengguna, persatuan-persatuan penduduk dan parti-parti politik bagi memberikan kefahaman mengenai kaedah bacaan meter setiap dua bulan.

Pembacaan meter dengan kaedah yang hampir sama juga turut dilaksanakan di negara-negara maju lain seperti Singapura, Australia, United Kingdom, Germany, Perancis dan Amerika Syarikat. Malahan, di negara-negara tersebut, pembacaan meter hanya dibuat bagi setiap tiga (3) bulan atau enam (6) bulan sekali.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
[BATANG SADONG]
TARIKH 11.06.2012 (ISNIN)

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG]minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan peranan yang dimainkan oleh Kementerian untuk mengawal Perubatan Traditional Knowledge¹ dari diciplak oleh negara asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memang sedar akan kepentingan untuk melindungi perubatan '*Traditional Knowledge*' dari diciplak oleh negara asing. Pada masa ini, peranan Kementerian ini adalah untuk mengawal Perubatan '*Traditional Knowledge*' (TK) dari diciplak oleh negara asing melalui 2 kaedah iaitu:

Kerajaan melalui Kementerian ini telah melancarkan dan membangunkan satu pangkalan data *Traditional Knowledge* yang dikenali sebagai *Malaysia Traditional Knowledge Digital Library* (MyTKDL) pada tahun 2009. MyTKDL adalah merupakan satu pangkalan data kebangsaan yang menghimpunkan semua maklumat mengenai perubatan *Traditional Knowledge* dari Malaysia yang ditransformasikan dalam bentuk digital. Pelbagai sumber iaitu dari masyarakat Orang Asli di Semenanjung, masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak serta perubatan Melayu. Selain itu, usaha

1 Membangunkan satu pangkalan data kebangsaan *Traditional Knowledge*;
dan
ii) Undang-undang pelindungan *Traditional Knowledge*.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

juga sedang dilakukan untuk mengumpulkan semua data *Traditional Knowledge* dari sumber-sumber lain seperti Perubatan Komplimentari *Traditional* Kementerian Kesihatan Malaysia, Universiti tempatan misalnya LESTARI-UKM, Institusi Penyelidikan tempatan seperti FRIM, IMR, MARDI dan lain-lain, Perpustakaan Negara Malaysia, Kerajaan Negeri dan Muzium Negeri serta masyarakat dan individu yang mempunyai maklumat *Traditional Knowledge* berkenaan. Sehingga kini, kita telah berjaya memuat naik sebanyak 1,116 data dalam MyTKDL yang merangkumi jenis ubatan dan kaedah rawatan perubatan *Traditional Knowledge* tersebut.

MyTKDL akan digunakan sebagai sumber rujukan Pegawai Pemeriksa Paten di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) apabila meluluskan sesuatu permohonan paten. Tujuan MyTKDL ini adalah untuk memberikan pelindungan defensif (perlindungan pertahanan) terhadap salahguna (*misuse*) dan salahlaku (*misappropriation*) *Traditional Knowledge*. Dengan adanya MyTKDL ini Pegawai Pemeriksa Paten dapat membuat semakan data *Traditional Knowledge* di Malaysia dan seterusnya dapat melindungi dan mengawal perubatan *Traditional Knowledge* dari diciplak oleh negara asing kerana kita telahpun mempunyai rekod terhadap pemilik perubatan *Traditional Knowledge* tersebut. Sebab itu ianya amat penting MyTKDL ini dalam bentuk digital bagi memudahkan semakan himpunan data *Traditional Knowledge* tersebut.

Pada masa ini kerajaan melalui Kementerian ini juga sedang dalam proses membuat kajian lebih terperinci mengenai kesesuaian dan keberkesanan mengenai undang-undang pelindungan *Traditional Knowledge*. Antara cadangan undang-undang pelindungan adalah melalui undang-undang pelindungan *Traditional Knowledge* yang tersendiri (*sui geris system*) atau memasukkan peruntukan pelindungan *Traditional Knowledge* dalam undang-undang harta intelek sedia ada khususnya Akta Paten 1983. Kajian ini akan mengambilkira perkembangan pelindungan *Traditional Knowledge* yang sedang hangat dibincangkan pada peringkat antarabangsa di “*Intergovernmental Committee on Intellectual Property and Genetic Resources, Traditional Knowledge and Folklore*” di *World Intellectual Property Organization* (WIPO) dan juga melihat keperluan perlindungan *Traditional Knowledge* di peringkat

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

negara. Cadangan pindaan undang-undang harta intelek ini dapat dilakukan pada tahun 2014.

\ PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DR. CHE ROSLI BIN CHE
TARIKH MAT 11 JUN 2012 (ISNIN)
SOALAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
NO. 12

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kejayaan dan kesan yang dicapai dalam program pertukaran pelajar Antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program mobiliti pelajar melibatkan pertukaran pelajar antarabangsa dilihat sebagai salah satu kaedah pembelajaran yang mampu membantu meningkatkan *soft skills* dan daya saing peserta-peserta program yang menyertainya seperti kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, penyelesaian masalah, kepemimpinan dan kemahiran lain yang diperlukan dalam pasaran kerja. Program ini turut memberi pendedahan kepada pelajar dalam aspek kepelbagaian budaya, cara hidup, teknologi, sistem sosial dan ekonomi masyarakat antarabangsa.

Selain itu, program mobiliti adalah salah satu inisiatif untuk menarik minat pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran di negara ini, di samping memprofil sektor pengajian tinggi negara sebagai destinasi pengajian tinggi pilihan antarabangsa. Program pertukaran pelajar juga memberi ruang bagi IPT untuk membina jaringan antarabangsa

dan juga

SOALAN NO.13

pengiktirafan PEMBERITAHUAN PERTANGGARAN DESENTRALISASI dengan matlamat pengantarabangsaan, seterusnya dapat membantu IPT dalam eksesais penarafaan pengajian tinggi oleh badan-badan antarabangsa. Kehadiran pelajar antarabangsa dalam sesebuah IPT dapat mempengaruhi penilaian kerana ia menunjukkan daya saing dari segi kualiti pengajaran dan pembelajaran.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

**TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING
[KULAI]**

TARIKH

11 JUN 2012

SOALAN

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah purata bilangan pengguna harian Perkhidmatan Komuter dalam lima tahun kebelakangan ini dan senaraikan 10 stesen paling sibuk. Nyatakan apakah perancangan selanjutnya untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan komuter di Lembah Kelang.

SOALAN NO.13

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, perkhidmatan KTM Komuter beroperasi di dua (2) sektor iaitu Tanjung Malim ke Sungai Gadut dan Batu Caves ke Pelabuhan Klang dengan kekerapan perkhidmatan di antara 15 minit dan 30 minit pada waktu puncak dan luar puncak.

Berdasarkan kepada prestasi perkhidmatan KTM Komuter di dalam lima tahun kebelakangan ini, jumlah purata bilangan pengguna harian adalah sebanyak 98,000 penumpang. Daripada jumlah purata tersebut, 10 stesen yang paling sibuk dengan kepadatan penumpang adalah seperti berikut:

SOALAN NO.13

Bil.	Stesen	Purata Jumlah Penumpang Harian (2011)
1	KL Sentral	19,487
2	MidValley	6,135
3	Bank Negara	5,055
4	Sg. Buloh	4,072
5	Bandar Tasik Selatan	4,061
6	Kuala Lumpur	4,021
7	Kajang	3,991
8	Serdang	3,769
9	Subang Jaya	3,524
10	Rawang	3,368

KTM Komuter telah merangka perancangan lanjut di dalam jangka pendek dan panjang bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan Komuter di Lembah Klang antaranya melalui inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) seperti berikut:

1) Perolehan 38 set Komuter enam koc (SCS)

SOALAN NO.13

Perolehan 38 set Komuter SCS ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan KTM Komuter di samping peningkatan kekerapan larian daripada 15 minit pada waktu puncak dan 30 minit pada waktu luar puncak kepada 10 minit dan 20 minit yang dijangka dapat dilaksanakan pada penghujung tahun 2012. Tren SCS ini juga berupaya menampung jumlah kapasiti penumpang sebanyak dua kali ganda daripada tren EMU sedia ada (set Komuter 3 koc).

2) Peningkatan dan penambahbaikan kepada kemudahan di stesen-stesen Komuter

Peningkatan dan penambahbaikan kepada kemudahan di stesen-stesen Komuter telah dan sedang dilakukan antaranya pemasangan sistem *Automatic Fare Collection (AFC)* yang baru, pemasangan sistem CCTV dan paparan informasi masa ketibaan (PIS) dan pembinaan kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU).

3) Meningkatkan keselamatan dan menanaani kesesakan di dalam tren dan stesen Komuter

KTMB amat memandang serius di dalam perkara ini dan telah menugaskan 31 anggota Polis Bantuan untuk bertugas di dalam tren Komuter bagi memastikan keselamatan penumpang di dalam tren. KTMB juga mengambil beberapa inisiatif jangka

SOALAN NO.13

pendek dalam usaha menangani kesesakan dan menjaga keselamatan penumpang di stesen-stesen utama ketika ini terutama di waktu puncak iaitu dari 5.00 petang hingga 8.00 malam seperti stesen Sentral Kuala Lumpur, Midvalley, Kuala Lumpur dan Bank Negara seperti berikut:

- a) Menempatkan lebih kakitangan tambahan (kakitangan operasi dan Polis Bantuan) di platform stesen;
- b) Meningkatkan penyiaran pengumuman kepada penumpang (lebih kerap dan konsisten); dan
- c) Menyediakan maklumat "status di platform" pada LCD di pintu ger Stesen Sentral Kuala Lumpur bagi tujuan rujukan kepada pelanggan KTM Komuter keadaan semasa/situasi jumlah penumpang di platform (tidak sesak/sesak).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN 14

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan tahap pelaksanaan Jawatankuasa Media yang dicadangkan oleh Kerajaan. Adakah jawatankuasa media ini hanya akan ditubuhkan setelah pemansuhan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan digazet seperti industri media.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Majlis Perundingan Media Negara masih lagi di peringkat cadangan. Kerajaan masih lagi mengkaji bagaimana struktur majlis tersebut akan dibentuk dan Kerajaan mengalu-alukan kertas cadangan daripada industri media mengenai Penubuhan Majlis Media Malaysia seperti yang dihasratkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN
DARI PADA YB. DATUK MOHD NASIR BIN
KAWASAN IBRAHIM FIKRI
TARIKH KUALA NERUS
NO. SOALAN 11.6.2012
(ISNIN) 15

YB. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah kerjasama atau langkah-langkah antara pihak Kementerian dan Kerajaan negeri Terengganu dalam menarik minat pelaburan asing ke negeri Terengganu.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2005 hingga Mac 2012, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan sejumlah 75 proiek perkilangan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM16.1 bilion bagi negeri Terengganu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM8.8 bilion (55%) adalah pelaburan asing (FDD

dan RM7.3 bilion (45%) adalah pelaburan domestik. Pecahan mengikut industri bagi tempoh tersebut adalah:

- industri loqam asas (RM9.8 bilion);
- industri petrokimia (RM2.4 bilion); dan
- industri kimia dan produk kimia (RM2.2bilion).

Secara umumnya, Kementerian melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menarik lebih ramai pelabur asing ke Malaysia.

Antaranya adalah:

- memperkenalkan “pendekatan berfokus” atau “targeted approach”, dalam usaha menarik pelaburan di samping memberi penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D;
- menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara; dan
- menambahbaik sistem penvampaian kerajaan dan mengurangkan kos untuk menialankan perniagaan serta menangani karenah birokrasi melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH).

Pihak Kementerian melalui aqensi dan Kerajaan negeri Terengganu sentiasa bekerjasama secara erat untuk menarik minat pelabur ke negeri Terengganu. Ini dapat dilihat menerusi jawatankuasa peringkat negeri yang turut dianggotai oleh wakil Kementerian. Antaranya:

- Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penvelarasian (ICC ECER) Terengganu yang menilai dan meluluskan projek-projek pelaburan di bawah Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER);
- Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan dan Alam Sekitar yang menilai cadangan-cadangan projek pelaburan yang berpotensi tinggi untuk dilaksanakan di negeri Terengganu;
- Jawatankuasa Penilaian Laporan Kesan Alam Sekitar (EIA) Jabatan Alam Sekitar yang menilai keselamatan sesuatu projek dari segi kualiti alam persekitaran dan penilaian kesan alam sekitar; dan
- Jawatankuasa PEMUDAH Terengganu yang meneliti isu-isu berkaitan pelaksanaan projek dan memastikan sistem penyampaian kerajaan lebih efisyen dan sistematik.

Selain itu, hubungan kerjasama antara pihak Kementerian dan Kerajaan negeri Terengganu juga dijalinkan dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti penggalakan pelaburan seperti berikut:

- Misi-misi pelaburan dan perdagangan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah Kementerian ini seperti MIDA dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

untuk menarik peluang-peluang pelaburan yang baru;

- Penganjuran seminar bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, pertanian, dan sebagainya; dan
- Perkongsian maklumat dan penvelarasian program bagi pembangunan negeri.

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2012

Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan agensi apakah yang telah dilantik sebagai perunding cara proses pertukaran saham MAS-Air Asia. Berapakah kadar yuran yang telah dibayar kepada perunding tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, ketika melaksanakan pertukaran saham Malaysian Airline System Bhd (MAS) dan AirAsia Bhd (AirAsia) di antara Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Tune Air Sdn Bhd (Tune Air) pada bulan Ogos 2011, Khazanah telah melantik perunding-perunding luar bagi tujuan khusus, di antaranya khidmat rundingcara kewangan,

strategik (penyelidikan dalam sektor penerbangan), komunikasi dan perundangan.

2. Perunding-perunding tersebut terdiri dari bank pelaburan, syarikat rundingcara strategik, syarikat komunikasi dan firma perundangan. Secara ringkasnya, jumlah keseluruhan yuran rundingcara yang telah dibayar oleh Khazanah kepada syarikat-syarikat tersebut adalah 0.42% daripada nilai janji niaga atau transaksi keseluruhan. Kadar ini adalah lebih rendah berbanding kadar pasaran bagi khidmat perunding yang biasanya dibayar oleh institusi pelaburan lain iaitu antara 1.0% hingga 1.5%.

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman]

TARIKH

11 Jun 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan status projek pelaksanaan “*Rain Water Harvester*” di beberapa sekolah rendah semenjak pelaksanaannya bermula pada tahun 2006 di Parlimen Sri Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan bekalan air bersih di seluruh negeri Sarawak sejak tahun 2006. Projek bekalan air bersih ini telah dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai sumber seperti telaga tiub, tadahan air hujan hujan, sistem paip graviti, dan sistem retikulasi air awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di kawasan Parlimen Sri Aman, Sarawak sebanyak 9 buah sekolah rendah terlibat di dalam perlaksanaan projek “Rain Water Harvesting”. Sekolah-sekolah tersebut telah mempunyai sistem air dan sistem tersebut masih berfungsi. Penyelenggaraan dan pembaikan kecil bagi sistem air di sekolah-sekolah tersebut dijalankan secara berkala mengikut keperluan.

Rjm 02

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN18

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI

[SILAM]

TARIKH 11 JUN 2012

**SOALAN Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Apakah usaha berterusan Kerajaan dalam mempromosikan produk pelancongan muslim secara lebih berkesan agar dapat memberi impak kepada 1.7 bilion pelancong muslim di seluruh dunia.
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Silam, Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia secara berterusan mempromosikan produk pelancongan Muslim di Malaysia kepada pelancong Muslim dari seluruh dunia.

Di antara program-program promosi di luar negeri yang disertai oleh Tourism Malaysia adalah Arabian Travel Market (ATM) yang diadakan pada bulan Mei setiap tahun di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu untuk pameran

JAWAPAN

Timur Tengah dan pameran-pameran lain di negara Singapura, Brunei, Indonesia, China, India dan sebagai nya.

Manakala program bertaraf antarabangsa untuk mempromosikan pelancongan muslim di Malaysia pula adalah seperti World Islamic Tourism Mart (WITM) yang telah dilaksanakan dari 31 Mei hingga 2 Jun 2012 yang lalu.

Produk pelancongan Muslim di Malaysia bukan semata-mata lawatan ke masjid atau lawatan ke tempat-tempat bersejarah perkembangan Islam di Malaysia sahaja. Sebagai contoh, menikmati keindahan alam sekitar di Malaysia dan melawat tempat-tempat yang terkenal dan menjadi ikon dunia seperti KLCC yang menempatkan Menara Berkembar Petronas dan menikmati makanan tempatan Malaysia yang halal juga boleh dikira sebagai sebahagian daripada pelancongan muslim di Malaysia.

Disamping usaha promosi oleh Tourism Malaysia, pihak Kementerian Pelancongan melalui Pusat Pelancongan Islam juga telah membantu untuk membangunkan produk pelancongan muslim di Malaysia untuk kesesuaian pasaran muslim dunia.

Antara contoh pakej pelancongan Islam yang telah sedia ada ialah seperti berikut:

- i) Pakej Tilawah Al Quran peringkat Antarabangsa selama 5 hari 4 malam meliputi menonton pertandingan tilawah, mengikuti seminar anjuran JAKIM, melawat Muzium Kesenian Islam, Masjid Negara dan KLCC

serta menjamu selera di Restoran Berputar, Menara Kuala Lumpur. Selain itu, melawat Masjid Wilayah Persekutuan dengan penerangan daripada pemandu pelancong Masjid yang terlatih. Ianya telah berjaya menarik ramai pelancong muslim dari Singapura dan Thailand untuk berkunjung ke Malaysia;

- ii) Pakej pelancongan Islam 4 hari 3 malam dari Kuala Lumpur ke Melaka yang meliputi lawatan ke tempat-tempat menarik sekitar Kuala Lumpur dan Melaka seperti Masjid Wilayah Persekutuan. Terdapat agensi pelancongan dari Yunnan, China sering menghantar pelancong muslim dari China melalui penjualan pakej pelancongan Islam sebegini;
- iii) Pakej “Terengganu Islamic Delights” yang membawa pelancong ke destinasi tarikan Muslim di Terengganu seperti Taman Tamadun

Islam, Masjid Kristal, Pasar Payang, Masjid Tengku Tengah Zaharah, Noor Arfa Batik dan Kompleks Muzium Negeri Terengganu;

- iv) Pakej Qurban sempena sambutan Hari Raya Aidil Adha yang biasa dikendalikan oleh persatuan-persatuan Homestay dengan bantuan promosi oleh Tourism Malaysia. Terdapat Homestay di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang yang berjaya menarik minat pelancong muslim dari Brunei dan Indonesia untuk berkunjung ke Malaysia melalui pakej ini; dan
- v) Pakej Ramadhan telah dipakejkan oleh agensi-agensi pelancongan untuk mengetengahkan bazar-bazar Ramadhan dan solat Terawih berjemaah dengan diimamkan oleh imam-imam hafiz dari Timur Tengah seperti dari Mekah dan Madinah.

Usaha pembangunan pakej-pakej pelancongan Islam ini akan dilakukan secara berterusan ke destinasi-destinasi yang lain. Daripada 57 buah negara ahli Organisation of Islamic Countries (OIC), Tourism Malaysia memberi perhatian kepada negara-negara di Timur Tengah, Afrika dan Asia Selatan di dalam mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan berdasarkan Islam.

-NOTAUP-J

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]
TARIKH 11 JUN 2012
RUJUKAN 4749

SOALAN:

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan mempunyai kemampuan yang mencukupi dari segi undang-undang dan kemahiran PDRM untuk menguruskan demonstrasi besar-besaran yang mungkin mengancam dan merosakkan harta benda serta keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, melalui Akta Perhimpunan Aman 2012 yang telah dikuatkuasakan pada 23 April 2012 serta undang-undang lain yang berkuatkuasa diyakini mampu menguruskan demonstrasi besar-besaran. Keyakinan ini atas dasar tidak hanya bergantung kepada kemahiran PDRM sebagai penguatkuasa undang-undang, malah rakyat Malaysia secara relatif telah jauh lebih matang dan sedar akan kepentingan dan tanggungjawab memelihara keamanan ketenteraman awam, sekaligus menjadikan tugas ini dipikul

JAWAPAN
oleh semua rakyat Malaysia.

PEMBERITAHUA
N PERTANYAAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]

TARIKH 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN 20

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk menambah menara telekomunikasi di kawasan Kampung Danau, Hulu Sibuti dan Bukit Peninjau untuk penggunaan telefon selular yang lebih jelas. Apakah tindakan Kerajaan kepada syarikat telekomunikasi yang tidak meningkatkan perkhidmatan Jalur Lebar 3G bagi Maxis dan Digi ke pekan seperti Bekenu, Batu Niah dan Sepupok.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat telekomunikasi untuk meningkatkan liputan selular, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Berdasarkan inisiatif peluasan liputan selular di bawah Program Time 3, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membina enam (6) menara baru di kawasan Sibuti.

SOALAN NO: 20

Dengan pembinaan menara-menara ini, Kampung Hulu Sibuti telah berjaya diberi liputan komunikasi manakala Kampung Danau dan Bukit Peninjau tidak mendapat liputan komunikasi kerana lokasi menara-menara baru ini yang terletak agak jauh daripada kedua-dua buah kampung ini. Walau bagaimanapun, nama kampung ini telah dipanjangkan kepada syarikat pemberi perkhidmatan untuk perhatian serta tindakan selanjutnya.

SKMM mempunyai instrumen-instrumen tertentu bagi mengenakan tindakan terhadap mana-mana syarikat telekomunikasi yang tidak memberikan perkhidmatan yang memuaskan. Dalam hal ini, setiap syarikat telekomunikasi 3G memberikan jaminan bank dan pelan perniagaan terperinci kepada SKMM. Sekiranya mereka tidak mematuhi pelan perniagaan terperinci seperti yang telah dikemukakan, SKMM boleh mengenakan denda yang merupakan sebahagian daripada jaminan bank.

SOALAN NO.:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN **YB. DATUK TIONG THAI KING**
DARIPADA **LANANG**
KAWASAN **11 JUN 2012 (ISNIN)**
TARIKH

SOALAN:

YB. DATUK TIONG THAI KING (LANANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) berapa peratus dan panjang jalan raya di Lebuh Raya Pan Borneo yang masih merupakan jaian raya dua hala; dan
- (b) adakah Kerajaan merancang untuk menaik taraf kepada jalan raya berkembar dua hala. Jika ada, tempoh pelaksanaan yang diperlukan.

JAWAPAN:

(Jawapan a sc b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Kajian *Highway Network Development Plan* (HNDP), Fasa 2 untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (2010), jarak keseluruhan Jalan Persekutuan Pan Borneo ialah sepanjang 2,330 kilometer. Cadangan menaik taraf keseluruhan jalan tersebut kepada 4 lorong 2 hala (*four lane dual carriageway*) dijangka melibatkan anggaran kos keseluruhan projek sebanyak RM16 bilion, iaitu RM7.1 bilion untuk bahagian di Negeri Sabah dan RM9.3 bilion lagi di Sarawak.

Daripada jumlah itu, Kerajaan dalam RMKe-10 ini telah siap menaik taraf laluan Jalan Pan Borneo 4 lorong 2 hala sepanjang 99 kilometer melibatkan jajaran Kuching - Serian sepanjang 55 kilometer, dan dari Sibu ke Simpang Julau (30 kilometer) di Sarawak, serta laluan Kota Kinabalu - Kepayan - Petagas - Putatan sepanjang 14 kilometer di Sabah. Di samping itu, Kerajaan juga bersetuju untuk mempercepatkan pembinaan dan naik taraf jajaran Jalan Pan Borneo antara Donggongan - Papar - Spur di Sabah sepanjang 42 kilometer kepada 4 lorong 2 hala yang melibatkan anggaran kos projek sebanyak RM550 juta. Kerja-kerja pembinaan fasa awal projek itu dijangka akan dimulakan pada awal tahun hadapan (2013). Manakala untuk fasa-fasa lain Jalan Persekutuan Pan Borneo akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun

2025.

Walaupun begitu, Kerajaan sememangnya amat komited dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti jalan di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, Kerajaan juga antara lain telah meluluskan peruntukan sebanyak RM423 juta dalam RMKe-10 ini, di mana daripada jumlah tersebut sebanyak RM100 juta akan diperuntukkan pada tahun ini (2012) bagi melaksanakan projek-projek yang dapat memberikan impak kepada pengguna Jalan Pan Borneo. Skop projek tersebut ialah melibatkan pembaikan turapan jalan, membina lorong memotong, meninggikan aras jalan dan menaik taraf lokasi yang sering berlaku kemalangan (*blackspot*). Projek-projek itu sebahagiannya telah pun dimulakan dan ia dijangka akan siap selewat-lewatnya pada akhir tahun ini.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN : YB DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

DARIPADA : 11 JUN 2012 (ISNIN)

TARikh :

SOALAN :

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RC!) bagi menangani masalah pendatang tanpa izin dan isu pemberian kewarganegaraan warga asing di Sabah; dan
- (b) sekiranya ya, bila ianya akan ditubuhkan dan siapakah anggota Suruhanjaya ini.

JAWAPAM:

DATO*SER8MQHABV8EDNAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JA6ATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah pada 8 Februari 2012. Berikutan daripada itu, Kerajaan telah memulakan proses bagi menyediakan terma rujukan (*terms of reference*) Suruhanjaya Siasatan tersebut dan sekarang ini di peringkat akhir penggubalan.
2. Memandangkan bahawa antara tujuan Suruhanjaya Siasatan DiRaja ini adalah untuk memastikan masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah ini dapat diselesaikan secara komprehensif, maka terma-terma rujukan bagi Suruhanjaya tersebut perlulah menyeluruh dan akan meliputi isu pemberian kewarganegaraan kepada warga asing di Sabah.
3. Anggota Suruhanjaya ini akan dipilih daripada kalangan mereka yang berpengalaman luas dan mempunyai kefahaman yang mendalam berhubung dengan masalah pendatang asing di Sabah. Ini adalah untuk memastikan siasatan dibuat dengan menyeluruh dan syor-syor yang dikemukakan boleh dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN	<u>U</u>	LISAN
DARIPADA	<u>PERTANYAAN</u>	
	<u>DEWAN</u>	Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]
TARIKH	<u>RAKYAT</u>	11 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan langkah-langkah yang bakal diambil oleh Kementerian untuk meneruskan usaha menaik taraf bangunan sekolah seperti rumah kediaman guru, asrama murid, tandas, bilik darjah dan prasarana lain di semua sekolah luar bandar di Negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dalam pembinaan dan menaik taraf bangunan-bangunan sekolah yang merangkumi bilik darjah, asrama, rumah guru, pejabat guru, dewan, padang dan tandas serta kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan bekalan elektrik 24 jam. Pelbagai projek sedang dan telah dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kemudahan dan prasarana di sekolah-sekolah luar Bandar bukan sahaja di negeri Sarawak malah di seluruh negara.

Selain itu, terdapat projek pembinaan 70 buah sekolah yang dibina secara sistem kabin. Projek tersebut merupakan projek yang dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (RMK9). Di antara projek yang dijalankan dalam usaha menaik taraf bangunan sekolah di kawasan luar bandar Sarawak ialah projek pembinaan, pengiktirafan dan pembaikpulihan sekolah-sekolah dan

asrama di negeri Sarawak. Di samping itu, pembinaan baru blok tambahan bagi kemudahan di sekolah- sekolah seperti pejabat guru, dewan, padang dan tandas. Sebanyak 551 projek akan dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012.

Di antara prasarana asas yang disediakan di kawasan luar bandar negeri Sarawak ialah bekalan elektrik 24 jam ke 427 sekolah-sekolah di Sarawak. Tambahan pula, KPM turut membekalkan bekalan air bersih ke sekolah-sekolah luar bandar negeri Sarawak dengan menggunakan kaedah telaga tiub, tadahan hujan, *reverse osmosis* (RO), dan bekalan air awam bagi 541 buah sekolah. Projek tersebut telah memberi banyak kemudahan kepada pelajar-pelajar luar bandar di negeri ini dan ianya telah dapat merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN JAWABLISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHAMAD
 SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**

TARIKH : 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN : 24

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan Dasar Transformasi Luar Bandar yang digariskan dalam membantu masyarakat Orang Asli terutama di negeri Pahang serta setakat mana pelaksanaan dan pencapaian yang telah dirancang.

**Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN**

Kerajaan sentiasa memberikan perhatian untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli di mana ianya dapat dilihat melalui dasar-dasar semasa negara khususnya di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), yang turut mendokong inspirasi dasar IMalaysia, Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomike arah mewujudkan persekitaran rakyat yang maju dan berpendapatan tinggi. Tumpuan dan inisiatif secara khusus terhadap masyarakat Orang Asli telah digariskan dalam teras strategik ketiga (TS3) RMKe-10, iaitu "Pembangunan Sosioekonomi Secara Inklusif" bagi memastikan setiap rakyat termasuk masyarakat Orang Asli dapat menikmati kemakmuran hasil pembangunan negara.

Di bawah RMKe-10 ini, program pembangunan bersepadu dan bantuan peningkatan keupayaan khusus dilaksanakan bagi mengurangkan insiden

kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli dengan sasaran pengurangan kemiskinan daripada 50% pada tahun 2009 kepada 25% pada tahun 2015. Selaras dengan matlamat tersebut, bagi tahun 2012 *Key Milestone* telah ditetapkan bagi Pembangunan Orang Asli iaitu meliputi pengurusan tanah, peningkatan pendapatan, peningkatan pendidikan, penyediaan kemudahan perumahan yang selesa serta kemudahan bekalan air bersih.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memajukan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang, pada tahun 2011 sejumlah RM345,000 telah dibelanjakan bagi program pembangunan ekonomi yang memberi manfaat kepada 158 Ketua Isi Rumah (KIR), RM1.9 juta bagi Program Bantuan Rumah (PBR) melibatkan 237 KIR manakala untuk bantuan input pertanian sebanyak RM196,000 kepada 382 peserta. Selain itu sebanyak RM57.5 juta untuk infrastruktur sosial seperti projek jalan luar bandar dan jalan kampung (premix) dan RM1.2 juta pula untuk Program Lonjakan Kesejahteraan Orang Asli (PLKOA) 2011.

Program-program tersebut masih diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2012, di mana setakat ini untuk negeri Pahang, sejumlah RM515,000 telah disediakan bagi program pembangunan ekonomi, RM21.5 juta bagi Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan sejumlah RM1.2 juta untuk PBR.

Dalam konteks pembangunan sosioekonomi yang inklusif ini juga Kerajaan amat komited untuk meningkatkan tahap pendidikan di kalangan pelajar Orang Asli. Untuk tujuan tersebut, sepanjang tahun 2011 bagi negeri Pahang sahaja, sebanyak RM1.3 juta telah dibelanjakan untuk tujuan wang saku, RM4 juta untuk tambang pengangkutan pelajar, RM205,000 untuk Program Mesra Minda dan RM 1.4 juta lagi untuk Program Pendidikan Pelbagai seperti motivasi, yuran tusyen, pakaian seragam dan sebagainya. Manakala bagi meneruskan program-program pendidikan seperti di atas, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah dieruntukkan sebanyak RM6 juta bagi tahun 2012.

No. Soalan :
[25] PR-1252-
L50086

PEMBERITAHUA
N PERTANYAAN
BAGI JAWAB JAWAB LISAN
LISAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
DARIPADA DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI
DOLAH [IGAN]

TARIKH 11 JUN 2012

SOALAN Datuk Haji Abdul Wahab Bin Haji Dolah [
Igan] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan adakah keselamatan rakyat
Malaysia yang menyertai rombongan
anjuran Tabung Haji Travel Sdn Bhd ke

JAWAPAN:

Baitulmuqaddis Palestin terjamin
sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Igan di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada dasarnya, Kerajaan hanya membenarkan rakyat Malaysia mengadakan lawatan ke Baitulmuqaddis, Palestin bagi tujuan keagamaan sahaja. Dalam hal ini, rakyat Malaysia yang ingin mengadakan lawatan keagamaan tersebut hendaklah mendapat kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pakej perlancongan oleh Tabung Haji Travel Sdn Bhd selalunya akan mengambil kira faktor-faktor keselamatan peserta rombongan. Semua jemaah Tabung Haji Travel Sdn Bhd yang telah dan akan mengikuti pakej lawatan ke Baitulmaqdis perlu mengisi borang Perakuan Jemaah bahawa mereka memahami risiko apabila memasuki negara Israel dan tidak mempunyai sebarang penyakit kronik. Pada masa yang sama, Tabung Haji Travel Sdn Bhd akan memastikan setiap rombongan yang memasuki Baitulmaqdis akan diiringi oleh petugas-petugas yang berpengalaman.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, urusan lawatan ke Baitulmuqaddis, Palestin ini dikendalikan sepenuhnya melalui agensi

SYAIFAKAPAN Pelancongan dari Singapura iaitu Shahidah Travels & Tours Pte Ltd dan rakan kongsinya O.S Travel, Jerusalem yang berpengalaman menguruskan kemasukan pelancong ke Israel semenjak tahun 1983. Dengan sokongan dari *Israel Tourism Board*, Shahidah Travels mula membawa rakyat Malaysia ke Baitulmaqdis bermula pada tahun 2011. Pihak *Israel Tourism Board* telah memberikan jaminan keselamatan kepada semua pelancong asing yang melawat Israel yang kebanyakannya bagi tujuan ibadah.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dasar Kerajaan adalah jelas melarang rakyat Malaysia dari melawat atau memasuki Israel seperti yang termaktub di dalam paspot antarabangsa Malaysia. Namun begitu, memandangkan realiti semasa di mana wilayah di sekitar Baitulmuqaddis, Palestin adalah di bawah kawalan rejim Israel, saya ingin mengingatkan di sini bahawa warga Malaysia yang melawat ke Baitulmuqaddis harus sedar dan memahami risiko-risiko berada di sana memandangkan keadaan keselamatan yang tidak menentu dan berkemungkinan terjadi insiden-insiden di luar jangkaan.

Sekian, terima kasih.

**DARIPADA : Y.B. DATO¹ SERI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

PERTANYAAN : **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**
TARIKH : **LISAN**
TARIKH : **11.06.2012**

Y.B. DATO¹ SERI AZALINA BINTI DATO¹ OTHMAN SAID [PENGGERANG]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini Skim Rumah Pertamaku dan statistik keseluruhan senarai permohonan yang telah diluluskan permohonan dan jumlah permohonan yang telah ditolak serta berapa banyakkah kawasan yang telah dibangunkan di bawah skim ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada bulan Mac 2011. Skim ini bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja untuk memiliki rumah sendiri. Di bawah skim ini, Cagamas akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Skim ini membolehkan mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Dalam Bajet 2012, Kerajaan telah menambahbaik skim Rumah Pertamaku dengan meningkatkan had maksimum harga rumah daripada RM220 ribu kepada RM400 ribu. Penambahbaikan ini membolehkan pembelian

rumah melalui pinjaman bersama suami isteri yang masing-masing berpendapatan RM3,000 ke bawah membeli rumah kediaman bernilai sehingga RM400 ribu, dengan syarat pembayaran balik jumlah komitmen tidak boleh melebihi 60% daripada pendapatan bersih bulanan atau had pembiayaan maksimum oleh bank yang terlibat, yang mana lebih rendah, bagi mengelakkan pendedahan yang besar terhadap hutang. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang dibangunkan oleh mana-mana pemaju berlesen dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

2. Sehingga akhir Mac 2012, sejumlah 1,709 permohonan telah diterima untuk mendapatkan pembiayaan di bawah skim ini, dengan 589 permohonan tidak diteruskan disebabkan oleh permohonan berganda dengan institusi kewangan yang berlainan. Ini menjadikan jumlah permohonan sebenarskim ini sebanyak 1,120 permohonan. Daripada jumlah permohonan sebenar, sebanyak 399 (36%) permohonan telah diluluskan. Manakala, sebanyak 529 permohonan telah ditolak, sebahagian besarnya atau 397 permohonan adalah disebabkan oleh kegagalan pemohon untuk memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Sebanyak 132 permohonan lagi ditolak disebabkan pemohon tidak memenuhi kriteria skim. Pada masa yang sama, 192 permohonan lagi sedang diproses oleh institusi kewangan. Bagi permohonan yang ditolak disebabkan kegagalan pemohon memenuhi kriteria kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan, pemohon akan dirujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan kedudukan kewangan mereka.

Tuan Yang Di-pertua,

3. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, skim ini bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM400,000 layak diberikan pembiayaan perumahan. Peminjam masih lagi perlu memenuhi kriteria asas skim dan juga memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Keputusan muktamad pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat. Bagi memastikan rakyat sentiasa memperolehi maklumat yang tepat mengenai skim ini terutamanya mengenai

kriteria kelayakan, satu laman sesawang telah diwujudkan. Laman sesawang tersebut boleh dilayari di www.srp.com.my

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
 [KUALA TERENGGANU - PAS]

TARIKH 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN NO. 27

Minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan jumlah perbelanjaan setiap tahun untuk menganjurkan Piala Monsun di Terengganu dan adakah kontrak penganjuran Piala Monsun akan dilanjutkan.

SULIT

JAWAPAN

Kejohanan Piala Monsun telah dianjurkan bermula pada tahun 2005 oleh syarikat swasta dengan peruntukan Kerajaan sebanyak RM20 juta setahun. Kontrak penganjuran tersebut akan berakhir pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Mac 2011 telah bersetuju supaya mulai tahun 2013, kejohanan Piala Monsun akan diteruskan dan dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara dengan peruntukan sebanyak RM20 juta di mana RM18 juta untuk tujuan penganjuran dan RM2 juta bagi program pembangunan sukan air.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. SSTI MAR1AH BINTI MAHMUD

PEMBERITAH0AN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH : 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Siti MarSah binti Mahmud [Kota Raja] minta PEROAMA MENTERI menyatakan fungsi dan peranan Akademi Undang-undang yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN!:, DATO⁸ SER8 ILOHAIIED MAZR1 ABDUL AZIZ

MENTERI DI JAB ATAU PERDAMA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia adalah mengambil kira keperluan mewujudkan sebuah badan yang boleh mewakili anggota profesion undang-undang secara lebih menyeluruh termasuk dari kalangan anggota kehakiman, ahli akademik, pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara, bekas hakim, penasihat undang-undang syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Antara cadangan fungsi Akademi Undang-Undang Malaysia ini adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan *standard* yang tinggi dalam perlakuan dan pengetahuan anggota profesion undang-undang di Malaysia, menggalakkan peningkatan dan penyebaran pengetahuan undang-undang serta mengadakan pendidikan undang-undang yang berterusan bagi anggotanya. Selain itu, Akademi ini akan menjadi medium bagi individu yang mempunyai pengetahuan undang-undang tetapi tidak menjadi pengamal undang-undang untuk turut memberi pandangan serta berkongsi kepakaran dalam isu-isu berkaitan undang-undang. Ini secara tidak langsung akan menjadikan sumber rujukan undang-undang lebih meluas berbanding sebelum ini.

Sekian, terima kasih.



DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2012

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub (Kubang Kerian) minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan berapa banyak jumlah "exposure"
kerajaan di dalam MAS dan Penerbangan Malaysia.
PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makuman Yang Berhormat, setakat 31 Mei 2012, jumlah pendedahan (exposure) Kerajaan dalam Malaysian Airline System Bhd (MAS) dan Penerbangan Malaysia Bhd (PMB) adalah secara tidak langsung melalui Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), yang merupakan pemegang saham utama dalam kedua-dua syarikat. Jumlah pendedahan tersebut adalah kira-kira RM4.4 bilion atau 4.4% daripada jumlah Nilai Aset Boleh Direalisasikan (RAV) Khazanah yang terdiri daripada saham MAS sebanyak RM2.9 bilion dan saham PMB sebanyak RM1.5 bilion.

SOALAN NO:^

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
PERTAWAKAMAT JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]

TARIKH 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah natijah syarikat Puncak Semangat Sdn. Bhd. diberi 30MHz spektrum 4G/LTE pada blok 2.6GHz sedangkan pelesen SKMM yang lain hanya diperuntukkan blok spektrum yang jauh berkurangan. Apakah pelaburan Puncak Semangat setakat ini untuk menepati semua syarat berkaitan pemberian spektrum tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, penentuan peruntukan jalur spektrum 2.6GHz masih dalam peringkat penilaian dan belum dimuktamadkan. Syarat-syarat yang harus dipatuhi oleh syarikat-syarikat telekomunikasi masih sedang dipertimbangkan bagi penentuan mencapai matlamat dan kepentingan kepada negara.

SOALAN NO: 20

Bagi peruntukan jalur spektrum 2.6GHz, tumpuan serta penekanan adalah diberikan kepada kepentingan dan manfaat penggunaan teknologi jalur lebar mudah alih terkini kepada negara. Dalam usaha Kerajaan untuk memuktamadkan peruntukan jalur 2.6GHz, beberapa faktor penting akan diambil kira oleh Kerajaan seperti:

- (a) situasi pasaran terkini,
- (b) sumbangan-sumbangan hasil dari peruntukan-peruntukan spektrum sebelum ini kepada pertumbuhan ekonomi negara,
- (c) keperluan rakyat kepada perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar yang lebih berkualiti; dan
- (d) persaingan sedia ada dalam menyediakan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

TAN SRI DATUK SERI DR. FONG
CHAN ONN

[ALOR GAJAH]

TARIKH JAWAPAN : 11 JUN 2012 (ISNIN)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

NO. SOALAN : 32

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan berapakah kos seunit elektrik dalam mengikuti kos generasi, transmisi serta pengedaran sejak 5 tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kos seunit elektrik mengikut kos penjanaan, penghantaran dan pembahagian dari tahun 2007 hingga tahun 2011 berdasarkan TNB *Divisional Accounting*, dengan izin adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan TNB	Penjanaan (sen/kWj)	Penghantaran (sen/kWj)	Pembahagian (sen/kWj)	Jumlah (sen/kWj)
2007	16.49	1.84	4.86	23.19
2008	17.55	2.82	5.07	25.44
2009	22.44	2.81	6.05	31.30
2010	21.43	1.97	5.50	28.90
2011	25.37	1.91	5.67	32.95

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, pecahan kos-kos yang dinyatakan ini adalah secara purata dan kos sebenar bekalan elektrik ke sesuatu premis adalah tertakluk kepada jaraknya dari loji penjanaan dan talian penghantaran yang terdekat.

SOALAN NO. 32

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB DATUK HAJAH NORAH
BINTI ABD RAHMAN (TANJONG
MANIS)**

TARIKH

11 JUN 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan Program Bantuan Rumah (PBR) untuk kawasan luar bandar pedalaman Sarawak diberi bajet tambahan memandangkan kos pengangkutan agak tinggi dan kebanyakan tanah adalah tanah gambut yang teruk

JAWAPAN :

Kementerian tiada halangan untuk mempertimbangkan kos tambahan bagi projek- projek PBR di kawasan luar bandar pedalaman Sarawak. Selari dengan Garis Panduan PBR SPKR (RMKe-10) KKLW Bil. 1/2012, kos ekstrem telah disediakan sehingga maksimum tambahan RM12,000 per projek bagi bina baru. Walau bagaimanapun, permohonan kos ekstrem perlu dikemukakan untuk pertimbangan Kementerian mengikut kes sebagai langkah kawalan kos supaya peruntukan yang disediakan dapat dimaksimumkan outputnya.

Bagi projek di kawasan tanah gambut pula, Kementerian juga turut menyediakan pelan standard yang bersesuaian dengan keadaan tapak projek bagi memudahkan pelaksanaan projek.

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : JUAN ER TECK HWA

JAWAPAN:

KAWASAN : BAKRI

TARIKH : 11.06.2012 (Isnin)

NO. SOALAN : 33

TUAN ER TECK HWA minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sebab terdapat tiga plan loji penapisan petrokimia di Johor Selatan sedangkan projek di Tanjung Bin dan Tanjung Langsat masih belum mencapai tahap dunia. Mengapakah tidak difokus kepada satu kawasan sehingga mencapai tahap maksima memandang industri petrokimia mendatangkan impak tinggi kepada alam sekitar.

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, MITI telah meluluskan cadangan projek bagi dua loji penapisan minyak mentah di Selatan Johor. Projek pertama masih dalam proses penilaian bagi Laporan Penilaian Kesan Ke Atas Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment*) untuk kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS), manakala projek kedua masih dalam peringkat

perancangan. Projek-projek yang sedang beroperasi di Tanjung Bin dan Tanjung Langsat adalah bagi *tank terminal* sahaja (dengan izin) dan tidak melibatkan loji penapisan minyak mentah.

Pembangunan loji penapisan petrokimia tidak boleh memfokus kepada satu kawasan sahaja sehingga mencapai tahap maksimum kerana industri pengeluaran petrokimia adalah luas dan campuran produk adalah berbeza mengikut kawasan. Sebagai contoh, kawasan perindustrian Kerteh di Terengganu mengeluarkan produk petrokimia berasaskan *ethylene*, manakala kawasan perindustrian Gebeng di Pahang mengeluarkan produk petrokimia berasaskan *propylene* dan *butylene*. Bagi kawasan perindustrian Pasir Gudang-Tanjung Langsat pula, ia mengeluarkan produk petrokimia berasaskan *naphtha*. Oleh yang demikian, adalah penting bagi negara membangunkan loji penapisan petrokimia di kawasan-kawasan yang strategik bagi memenuhi keperluan industri.

Sekiranya Malaysia membangunkan kawasan industri ini satu persatu sehingga mencapai tahap maksimum, terdapat kemungkinan keperluan industri akan terjejas

JAWAPAN:

dan para pelabur akan menyalurkan pelaburan ke negara-negara lain yang mampu memenuhi keperluan mereka. Impak industri petrokimia kepada alam sekitar boleh dikawal melalui penguatkuasaan Akta Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
KAWASAN	TUMPAT
TARIKH	11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN:

YB. DATO¹ KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapakah cadangan pembinaan Lebuh Raya Kota Baharu - Kuala Krai tidak dilaksanakan walaupun telah dirancang dalam RMKe-9 lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Memblina jalan dari Kota Bahru ke Kuala Krai, Kelantan ialah merupakan sebahagian dari jajaran Jalan Persekutuan *Central Spine* dari Simpang Pelangai, Bentong, Pahang hingga ke Kota Bharu, Kelantan sepanjang 463.5 kilometer yang sememangnya telah dirancang untuk dinaikkan taraf sejak dari tempoh RMKe-9 lagi.

Skop projek ini melibatkan cadangan membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala (*four lane dual carriageway*) dengan reka bentuk piawaian JKR, R5. Anggaran kos keseluruhan projek ini ialah sebanyak RM5.5 bilion. Walau bagaimanapun disebabkan oleh kos projek yang tinggi, Kerajaan telah memutuskan supaya projek ini dilaksanakan secara berfasa manakala skop untuk jajaran Jalan Kota Bharu - Kuala Krai diteliti semula. Berikut itu, pembinaan projek Jalan *Central Spine* melibatkan fasa dari Simpang Pelangai, Bentong ke Kuala Krai sepanjang 390 kilometer telah dan akan dilaksanakan terlebih dahulu di mana sebahagian daripada pakej fasa tersebut sedang dalam peringkat pembinaan. Manakala bagi fasa yang melibatkan jajaran Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai pula akan dilaksanakan kemudian, iaitu pada tempoh RMKe-11 dan selanjutnya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN

NO. PEMBERITAHUAN PERTANYAAN! DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]

TARSKH : 11 JUN 2012

SOALAN:

DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah dari tuntutan oleh JK Pilihan Khas (PSC) Penambahbaikan Pilihan Raya dan 8 tuntutan Bersih 2.0 yang akan dilaksanakan oleh SPR dalam PRU ke-13 nanti.

SOALAN NO.35

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PS JAGATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 32 syor Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan

Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (Jawatankuasa) yang terdiri daripada 10 syor yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 1 Disember 2011 dan 22 syor yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 April 2012 untuk dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Berdasarkan kepada syor-syor Jawatankuasa untuk dilaksanakan pada Pilihan Raya Umum Ke-13, SPR telah mengambil tindakan-tindakan seperti yang berikut:

- (1) Mengadakan peruntukan undang-undang bagi maksud penggunaan dakwat kekal semasa pilihan raya umum dan pilihan raya kecil [Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012];

SOALAN NO.35

- (2) Mengadakan peruntukan undang-undang bagi maksud membenarkan orang yang dipercayas oleh Orang Kelainan Upaya (OKU) membantunya dalam urusan pengundian [Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012];
- (3) Mengadakan peruntukan undang-undang bagi maksud menjalankan pengundian awal; [Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 &[Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2012];
- (4) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas media;
- (5) Melaksanakan pembersihan daftar pemilih secara berterusan untuk memastikan daftar pemilih yang kemas kini dan berwibawa;
- (6) Mengadakan kerjasama erat berterusan dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Luar Negeri dalam urusan pendaftaran dan pembersihan daftar pemilih di samping kerjasama dengan pihak ketiga seperti MIMOS;
- (7) Melaksanakan urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan selama 14 hari dan serta mengadakan peruntukan undang-undang

SOALAN NO.35

memaikkam daripada 10 orang kepada 20 orang Orang Kena bantah (OKB) bagi seiiap Pembantah;

- (8) Menambah baik susun atur tempat mengundi untuk memastikan ketelusan proses pengundian dan memastikan kerahsiaan sesuatu undi;
- (9) Memansuhkan proses bantahan pada hari penamaan calon dan tempoh penarikan balik pencalonan;
- (10) Mengadakan peruntukan undang-undang iaitu menetapkan tempoh minimum sebelas hari di antara daripada hari penamaan dengan hari pengundian; dan
- (11) Memberi keutamaan pelantikan petugas pilihan raya daripada kalangan pemilih bagi kawasan berkenaan dan peruntukan undang-undang sedia ada memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas yang bertugas dan mengundi dalam kawasan pendaftaran yang berbeza.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA
BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATUK HAJI BAHARUM
BIN MOHAMED (SEKIJANG)**

TARIKH

SOALAN

11 JUN 2012

**Minta MENTERI : 36 KEMAJUAN LUAR
BANDAR DAN WILAYAH**

menyatakan bilakah pembinaaan Maktab Rendah Sains MARA akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Sekijang, memandangkan tapak pembinaannya telah lama diperolehi.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua;

MARA amat berterima kasih dan menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap pendidikan pelajar-pelajar di Parlimen Sekijang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) telah dipohon untuk dilaksanakan di dalam RMKe-10. Walau bagaimanapun projek ini tidak diluluskan untuk dilaksanakan di dalam *Second Rolling Plan* RMKe-10 (2012-2013) memandangkan Unit Perancang Ekonomi (UPE) memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek sambungan dan projek Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sahaja.

Di samping itu, Kementerian melalui MARA sedang memberi fokus dan usaha meningkatkan kapasiti institusi-institusi pendidikan sedia ada di bawah MARA khususnya MRSM termasuklah penggantian kelengkapan

yang usang dan tidak sesuai, penyelenggaraan bangunan-bangunan dan peningkatan kualiti pembelajaran. Pada masa ini, terdapat sebelas (11) institusi pendidikan MARA di negeri Johor

iaitu lima (5) buah MRSM iaitu MRSM Pontian, MRSM Batu Pahat, MRSM Mersing, MRSM Muar dan yang terbaharu MRSM Johor Bahru, dua (2) buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) di Sri Gading dan Ledang, sebuah Kolej Profesional MARA (KPM) di Bandar Penawar, sebuah Kolej Poly Tech MARA (KPTM) di Batu Pahat, sebuah Institut Kemahiran MARA (IKM) di Johor Bahru dan UniKL MITEC di Pasir Gudang. Jumlah keseluruhan pelajar adalah seramai 6,990 yang mana 3,327 adalah terdiri daripada pelajar bagi lima (5) buah MRSM tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian dan MARA tiada halangan mengemukakan cadangan bagi mendapatkan sebuah (1) MRSM di masa depan sekiranya kedudukan kewangan negara mengizinkan.

NO. SOALAN :

37

PEMBERITAHUA
N PERTANYAAN
BAGI JAWAB
PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAカン]

TARIKH 11 JUN 2012

RUJUKAN 4752

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pada tahun 2011 dan 2012 berapa ramaikah pengguna, penjual dan pembekal mercun dan bunga api haram yang sudah ditangkap, diambil tindakan dan dikenakan hukuman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pada tahun 1995, Kerajaan telah memutuskan supaya mengharamkan semua aktiviti pembakaran bagi semua jenis mercun walaupun pada musim perayaan. Larangan berkenaan masih lagi berkuat kuasa. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar berkenaan.

Pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) , Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa berusaha untuk membanteras aktiviti penyeludupan mercun.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga April 2012, sejumlah 294 kes rampasan mercun dan bunga api telah dibuat melibatkan nilai rampasan sebanyak RM 3.4 juta. Kes ini telah disiasat di bawah Seksyen 4(2) Akta Bahan Letupan 1957. Sekiranya disabit kesalahan, boleh dihukum penjara lima (5) tahun atau denda RM 10,000 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu) atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan bermain dan membakar mercun serta bunga api, boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi satu (1) bulan atau didenda sehingga RM 100 (Ringgit Malaysia Seratus) atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 3(5) Akta Kesalahan- Kesalahan Kecil 1955.

Tuan Yang di-Pertua,

Kita perlu sedar tanggungjawab membanteras pembakaran mercun bukanlah terletak di bahu Kerajaan semata-mata tetapi harus dipikul bersama oleh masyarakat setempat, ibu bapa dan keluarga. Sebagai pengguna yang bijak, rakyat harus sedar bahawa bermain mercun tidak memberi apa-apa faedah, malah merupakan suatu pembaziran dan membahayakan.

REHFIRERITAHOAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO^s HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOKSENA]

TARIKH : 11 JUN 2012

SOALAM:

DATO⁵ HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA) minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membenarkan PALAPES dijadikan satu lokaliti pengundi yang tidak perlu hadir.

JAWAPAN: YB DATO⁸ SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran anggota tentera sebagai pengundi tidak hadir dan pasangan anggota tentera yang memilih untuk mendaftar sebagai pengundi tidak hadir adalah

Pembentukan suatu kawasan pendaftaran atau bahagian pilihan raya parlimen adalah daripada beberapa bahagian pilihan raya negeri, daerah mengundi dan daerah mengundi dibentuk daripada satu atau lebih lokaliti.

Dalam penentuan kawasan pendaftaran bagi anggota tentera, SPR mewujudkan lokaliti-lokaliti berdasarkan kepada kem-kem atau formasi temtera dan salah satu lokaliti tentera yang diwujudkan ialah lokaliti Palapes di beberapa institusi-institusi pengajian awam di seluruh negara. Lokaliti Palapes ini diwujudkan hanya untuk menempatkan anggota tentera yang bertugas secara tetap sebagai jurulatih kepada pelatih-pelatih di kem-kem Palapes tersebut. Pelatih- pelatih Palapes yang merupakan pelajar di institusi-institusi awam ini tidak layak untuk mendaftar sebagai pengundi tidak hadir di kem-kem Palapes tersebut.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

JAWAPAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ 11
JUN 2012 (ISNIN)
NO. 39

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak pengurusan universiti terhadap mahasiswa yang mengadakan demonstrasi dan berkhemah di Dataran Merdeka pada April yang lalu dan sejauh mana pengaruh mereka kepada keseluruhan mahasiswa dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak terdapat seorang pun pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat dalam aktiviti berkhemah di Dataran Merdeka pada April yang lalu. Sebaliknya, Pihak PDRM menyatakan mereka yang terlibat itu adalah bekas pelajar termasuk yang gagal dalam pelajaran di Universiti termasuklah golongan penggangur dan golongan gelandangan.

Walau bagaimanapun, pihak berkuasa tata tertib Universiti telah mengambil tindakan tata tertib ke atas tiga (3) orang pelajar yang telah mengalungkan kalungan bunga kepada gambar pemimpin

Negara yang seolah-olah adat agama Hindu yang menggambarkan orang di dalam gambar tersebut telah meninggal dunia atas alasan bahawa perbuatan tersebut melampaui batas dan norma kesopanan sebagai mahasiswa yang terpelajar dan yang sepatutnya mempunyai tahap keintelektualan yang tinggi (*tindakan tatatertib bukan atas sebab berdemonstrasi atau berkhemah*).

Ketiga-tiga pelajar tersebut diambil tindakan di bawah Kaedah 3(a)(i) dan 3(a)(ii) Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999, dan pertuduhan yang dibuat adalah atas perbuatan meletakkan kalungan bunga pada gambar pemimpin negara dan yang seumpamanya yang telah memudaratkan dan merosakkan nama Universiti, kesopanan, moral dan tatatertib.

Pendengaran kes tersebut telah diadakan pada 3 Mei 2012 (Khamis) di hadapan tiga (3) orang panel Jawatankuasa Tatatertib Pelajar yang terdiri daripada tiga orang pensyarah kanan Universiti, dan telah dihadiri oleh ketiga-tiga pelajar yang dituduh dengan kesemuanya diwakili oleh seorang pensyarah kanan dari Fakulti Undang-undang Universiti Malaya. Keputusan adalah seperti berikut:-

Ketiga-tiga pelajar didapati bersalah atas pertuduhan dan dijatuhi hukuman seperti berikut:-

- a) amaran;
- b) denda sebanyak RM200.00; dan
- c) digantung pengajian selama 1 semester.

Sehingga tarikh akhir yang dibenarkan untuk membuat rayuan (28 Mei 2012), hanya dua (2) orang daripada pelajar-pelajar tersebut telah mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Universiti dan rayuan tersebut telah didengar pada 28 Mei 2012 (Isnin) jam 6.30 petang. Keputusan rayuan adalah rayuan ditolak dan hukuman dikekalkan.

Berkenaan pengaruh terhadap pelajar yang lain, didapati hanya sebilangan kecil sahaja daripada keseluruhan pelajar Universiti Malaya yang berminat dengan perkara ini. Ini adalah berdasarkan jumlah pelajar yang hadir dalam sidang media yang dibuat (tanpa kebenaran Naib Canselor) oleh ketiga-tiga orang pelajar tersebut selepas pendengaran kes mereka pada 3 Mei 2012 yang lalu, di mana hanya lebih kurang 20 orang pelajar yang hadir dan menyokong mereka.

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

**■ TUAN CHARLES ANTHONY A/L
R.SANTIAGO**

KAWASAN

: KLANG

TARIKH

: 11.06.2012 (Isnin)

JAWAPAN
NO. SOALAN

: 40

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pendirian Kerajaan dan asas untuk membolehkan sebuah syarikat Taiwan Kuokuang Petrochemical Technology Co. untuk menempatkan semula ke Malaysia memandangkan prestasi persekitaran yang tidak memuaskan.

Tuan Yang Dipertua,

Kuokuang Petrochemical Technology Co. tidak bercadang untuk menempatkan semula (dengan izin, *relocate*) loji penapisan mereka di kawasan Pengerang. Kilang yang dicadangkan di Pengerang adalah sebuah kilang baru menggunakan teknologi terkini dan standard kawalan alam sekitar yang setanding dengan projek RAPID.

Sehingga kini, MITI belum menerima sebarang permohonan rasmi daripada Kuokuang Petrochemical Technology Co., untuk menubuhkan kilang mereka di Malaysia. Pada dasarnya, sebelum sesuatu projek petrokimia diberikan kelulusan, Laporan Kesan Ke Atas Alam Sekeliling (EIA) perlu dijalankan oleh syarikat termasuk mendapatkan pandangan daripada masyarakat (public request for

**information) mengenai projek tersebut dan Laporan ini
PEMBERITAHU PERTANYAAN
perlu diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN TAN TEE BENG

TARIKH

11.6.2012 (ISNIN)

NO. SOALAN : 41

Y.B. TUAN TAN TEE BENG (Nibong Tebal) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah pandangan Kementerian mengenai sisa-sisa toksid yang dikeluarkan oleh industri pengeluaran solar panel di China dan rasionalnya Kementerian meluluskan permohonan Syarikat Bosch bagi membina kilang yang serupa di Batu Kawan.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Syarikat-syarikat utama pengeluar solar di Republik Rakyat China (PRC) telah mula mengamalkan operasi mesra alam yang tidak melibatkan pencemaran alam sekitar seperti syarikat-syarikat Trina Solar Limited, Yingli Green Energy Holding Limited dan Suntech Power Holdings Co., Limited. Walau bagaimanapun masih banyak

syarikat-syarikat pengeluar solar kecil dan sederhana di PRC yang

JAWAPAN

belum mengamalkan pengendalian sisa bahan buangan berbahaya dengan baik.

Pengurusan sisa alam sekitar di PRC adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perlindungan Alam Sekitar Republik Rakyat China tertakluk kepada Undang-Undang 1989, Perlindungan Alam Sekitar Republik Rakyat China. Syarikat-syarikat yang didapati melanggar Undang-undang tersebut melalui pencemaran alam sekitar boleh dikenakan tindakan undang-undang di dalam bentuk bayaran penalti, penggantungan operasi atau penutupan kilang. Selain itu, isu perlindungan alam sekitar juga terkandung di dalam Rancangan Lima Tahun Negara tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

Rancangan syarikat Bosch Solar Energy Malaysia Sdn. Bhd. untuk mengeluarkan modul solar di Batu Kawan, Pulau Pinang adalah masih di peringkat perbincangan. Syarikat tersebut bercadang untuk mengeluarkan *silicon ingots*, *photovoltaic wafers*, *cells*, dan *modules* di Malaysia. Aktiviti yang ingin dijalankan adalah aktiviti sama yang telah dilaksanakan oleh syarikat Bosch di Erfurt, Jerman. Bagi pengendalian bahan buangan operasi pengilangan pula, syarikat bercadang untuk membelanjakan sebanyak RM50 juta bagi membina loji rawatan air di premis syarikatnya.

Tuan Yang Di Pertua,

Tenaga yang dihasilkan melalui teknologi solar adalah merupakan sumber yang boleh diperbaharui bagi memelihara alam semulajadi berbanding bahan-bahan lain yang digunakan untuk menghasilkan

tenaga sebagai contohnya arang batu, gas asli dan bahan api. Kini, Malaysia mempunyai syarikat-syarikat di seluruh rantai nilai bagi industri solar iaitu daripada pengeluaran silikon hingga ke pengeluaran sel solar dan pemasangan modul. Namun begitu pasaran industri solar di negara masih boleh diterokai memandangkan solar hanya menyumbang kepada 0.01 peratus daripada pengeluaran tenaga global tahunan.

Pelaburan yang ingin dibuat oleh Bosch Solar Energy Malaysia Sdn. Bhd. dijangka mampu mengukuhkan lagi kedudukan industri solar di Malaysia bagi mencapai sasaran 17 peratus pasaran daripada pengeluaran dunia menjelang tahun 2020. Walaubagaimanapun, bagi memastikan sisa-sisa toksid yang dikeluarkan melalui aktiviti pengilangan solar terkawal, kelulusan lesen pengilang oleh MITI terhadap permohonan yang akan dikemukakan oleh syarikat adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan dan Jabatan Alam Sekitar.

NO. SOALAN : 42

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM
TARIKH] 11.06.2012 (ISNIN)

DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:-

- (a) jumlah harta intelek yang telah didaftar sejak tahun 2009 dan kategori pendaftaran; dan
- (b) apakah strategi pengurusan harta intelek yang dilaksanakan untuk melonjak negara ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, jumlah pendaftaran harta intelek terdiri daripada cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi yang telah didaftarkan sejak tahun 2009 hingga 31 Mei 2012 adalah sebanyak 78,458. Pecahan pendaftaran adalah seperti berikut:

Kategori /Tahun	Cap Dagangan	Paten	Rekabentuk Perindustrian	Petunjuk Geografi	JUMLAH
2009	14,972	3,468	1,596	3	20,039
2010	14,294	2,177	1,598	3	18,072
2011	23,819	2,392	1,641	8	27,860
2012 (31 Mei)	11,016	793	676	2	12,487
JUMLAH BESAR	64,101	8,830	5,511	16	78,458

(b) Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, strategi pengurusan harta intelek yang akan dilaksanakan untuk melonjak negara ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi adalah dengan cadangan pindaan ke atas perundangan harta intelek dengan memperkenalkan '*monetization*' dimana harta intelek boleh digunakan sebagai '*collateral*' kepada pihak institusi kewangan bagi pemunya harta intelek memperolehi sumber kewangan dalam bentuk pinjaman.

Di samping itu, Kementerian menerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) serta beberapa agensi seperti Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) sedang mengadakan kerjasama bagi mengenalpasti kaedah penilaian ke atas suatu harta intelek (*IP valuation*) untuk tujuan pengkomersialan.

NO SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

TARIKH: 11 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendirian dan tindakan Kerajaan terhadap amalan *union busting* yang diamalkan oleh majikan dengan penubuhan kesatuan sekerja baru serta sikap diskriminasi dan menindas terhadap kesatuan sekerja sedia ada.

PR-1252-L49755

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, mana-mana majikan yang mengamalkan *union busting* terhadap penubuhan kesatuan sekerja baru mahupun bersikap diskriminasi dan menindas kesatuan sekerja sediada adalah bermakna telah melanggar peruntukan di bawah Seksyen 4, 5 & 7 Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Seksyen ini telah memperuntukkan hak pekerja untuk menubahkan kesatuan dan juga menjadi ahli kesatuan sekerja serta menjalankan aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja yang sah dari segi undang-undang. Sekiranya terdapat penindasan mengenainya, ianya boleh dilaporkan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan di bawah Seksyen 8, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Aduan

penindasan tersebut akan disiasat melalui sesi rundingan damai dan sekiranya tiada penyelesaian dicapai, ianya akan diputuskan oleh Y.B Menteri Sumber Manusia setelah mengambil kira kehendak majoriti pekerja syarikat berkenaan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Berdasarkan statistik sepanjang tahun 2011, Jabatan Perhubungan Perusahaan telah menerima 14 kes di bawah Seksyen 8 yang melibatkan tindakan majikan melanggar Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Daripada 14 kes yang difaiklan ini, sejumlah 9 kes telah dirujukkan ke Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan manakala 3 kes lagi telah berjaya diselesaikan di peringkat Jabatan. Hanya 2 kes sahaja yang tidak dirujukkan ke Mahkamah Perusahaan.

DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM

(BERUAS)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2012

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah defisit sebenar beianjawon bagi tahun 2011 dari segi jumlah dan peratusan. Apakah pendirian Kerajaan tentang amaran yang diberikan oleh sebuah agensi kewangan antarabangsa, Standard & Poor bahawa 'rating' kewangan Malaysia akan diturunkan jika pemborosan oleh Kerajaan berterusan.

JAWAPAN

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Tuan Yang dipertua,

Defisit fiskal pada tahun 2011 berjumlah RM42.5 bilion atau 4.8% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) berdasarkan tahun asas 2005. Pada masa ini, Moody's Investors Service telah memberikan penarafan A3 (*stable*) kepada Kerajaan Persekutuan bagi *long-term foreign currency rating*. Manakala Standard and Poor's pada 7 Jun 2012 telah mengekalkan penarafan tersebut pada A- (*stable*). Ini adalah selaras dengan kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan yang baik bagi membayar balik hutang mengikut jadual. Hasil daripada perancangan dan kawalan perbelanjaan yang baik dan sikap berhemat, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah terurus pada RM456.1 bilion iaitu 51.8% daripada KDNK pada tahun 2011 (2010: RM407.1 bilion atau 51.2% daripada KDNK). Kemampuan membayar balik hutang kekal kukuh dengan bayaran khidmat hutang berada pada paras 9,6% daripada hasil dan 9,7% daripada perbeianjaan mengurus pada tahun 2011,

Kerajaan sedar dan akan terus berusaha bagi memastikan penarafan antarabangsa atau *sovereign rating* (dengan izin) Kerajaan Persekutuan kekal baik. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal dan sasaran fiskal jangka sederhana akan diberi perhatian bagi memastikan kemapanan kedudukan fiskal. Langkah pengurangan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan akan diteruskan. Defisit fiskal dijangka berkurangan kepada 4.7% daripada KDNK pada tahun 2012 dan dirancang untuk dikurangkan lagi kepada bawah 3% -~~daripada KDNK pada akhir tahun 2015~~-----

Bagi mencapai sasaran defisit fiskal, tumpuan akan terus diberikan kepada pengawalan perbeianjaan dan peningkatan sumber hasil. Perbeianjaan akan dipastikan selaras dengan kemampuan hasil Kerajaan. Penyemakan peruntukan perbeianjaan akan dilakukan dengan teliti termasuk mengurangkan perbeianjaan yang bukan kritikal. Nilai setara (*value for money*) dengan izin dalam perolehan Kerajaan akan terus diberi penekanan. Perancangan dan pelaksanaan serta penyediaan siling program dan projek di bawah Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10) secara *rolling* setiap dua

tahun dan pengurusan nilai dalam perbeianjaan pembangunan juga akan membantu memperkuuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang dipertua,

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik serta dengan penuh tanggungjawab. Pada masa akan datang, Kerajaan komited untuk terus mengurangkan defisit fiskal serta mengawal jumlah hutang pada paras yang terurus. Di samping itu, asas-asas makroekonomi negara akan diperteguhkan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mapan dipacu oleh sektor swasta. Ini seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan hasil dan memperkuuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

MO.AUM r-47

MQ^AUP-t

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

DARIPADA

11 JUN 2012

TARIKH

4753

**SOALAN:
ROJUKAN**

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah pegawai polis yang dikenalpasti melanggari tata tertib atau undang-undang pada hari perhimpunan Bersih 3.0. Nyatakan apakah mereka telah diambil tindakan yang sewajarnya. Apakah SOP terperinci yang diarahkan kepada pegawai yang bertugas untuk memastikan perhimpunan berjalan dengan selamat dan aman.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertindak melalui SOP yang telah ditetapkan bagi tujuan mengawal keadaan dari menjadi lebih ganas sehingga boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman a warn semasa perhimpunan di Dataran Merdeka pada 28 April 2012. Pada masa yang sama, pihak Polis perlu bertindak dengan cepat bagi memastikan keadaan terkawal.

Walau bagaimanapun, Kementerian memandang serius sebarang pelanggaran SOP yang telah ditetapkan dan dalam hal ini, seramai dua (2) anggota Polis telahpun didakwa di Mahkamah. Selain itu, perkara ini akan turut disiasat dengan lebih teliti melalui penubuhan Jawatankuasa Panel Penasihat Bebas yang dipengerusikan oleh Y.A.Bhg. Tun Mohammed Haniff bin Omar. Sekiranya terdapat mana-mana anggota keselamatan terbukti bersalah melanggar SOP yang telah disediakan, tindakan undang-undang akan tetap diambil terhadap anggota yang berkenaan.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)
PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN LISAN YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN]
4611 JUN 2012

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi membendung indeks peningkatan masalah jenayah siber dan terdapat cadangan untuk mengkaji undang-undang sedia ada serta penglibatan agensi-agensi berkaitan dalam menangani jenayah komersial ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memperkasakan ruang siber negara, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah melalui kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan seperti:

- (i) Melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Nasional (NCSP) yang merupakan satu inisiatif komprehensif dalam menangani ancaman-ancaman siber terutamanya dalam melindungi Prasarana Maklumat Kritikal Negara (CNII). Pelaksanaan program

di bawah dasar ini diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN);

- (ii) Membangunkan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara di bawah kawal selia MKN. Pelan ini membolehkan tindak balas terhadap ancaman siber diambil secara bersepada di peringkat nasional;
- (iii) Menggalakkan pihak Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) menyediakan aplikasi perisian *content filtering* yang boleh ----- digunakan dimroah. Aplikasiini boleh dilanggan oleh ibu bapa (secara optional) bagi mengekang kanak-kanak daripada mengakses bahan-bahan lucah di internet;
- (iv) Mengarahkan organisasi-organisasi CNII melaksanakan pensijilan ISMS bagi memperkasakan sistem jaringan ICT dan pengurusan maklumat. Pelaksanaan inisiatif ini diselaraskan oleh MKN;
- (v) Melaksanakan program kesedaran siber di peringkat nasional bagi memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan isu keselamatan siber. Program-program tersebut dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui agensinya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), MOSTI melalui agensinya, CyberSecurity Malaysia; dan Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- (vi) Mengadakan pusat pengaduan setempat berkenaan insiden siber di mana masyarakat boleh mendapatkan khidmat dan bantuan teknikal secara percuma melalui Pusat Koordinasi Cyber999 yang dikendalikan oleh MOSTI melalui agensinya, CyberSecurity Malaysia;
- (vii) Mengadakan Pasukan Petugas Mengambil Tindakan Segera

Laman Web Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) yang diterajui oleh KPKK; dan

- (viii) Memperkuuhkan kerjasama keselamatan siber di peringkat antarabangsa melalui Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer (CERT) Asia Pasifik (APCERT) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC-CERT).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui CyberSecurity Malaysia telah diberi mandat untuk membekalkan perkhidmatan kepakaran keselamatan ICT dan mengenal pasti secara berterusan bidang-bidang tersebut yang membahayakan keselamatan negara. CyberSecurity Malaysia juga merupakan sebuah badan nasional yang memantau aspek e-Keselamatan Nasional dan menawarkan pelbagai perkhidmatan kepakaran keselamatan siber kepada masyarakat termasuk sektor awam dan swasta. Sokongan teknikal juga turut diberikan dalam penyiasatan terhadap kes-kes siber yang dikendalikan oleh agensi penguatkuasa undang-undang dan badan regulatori seperti:

- (i) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (ii) Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (iii) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (iv) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (v) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Dari aspek perundangan, bagi memastikan undang-undang negara sentiasa

relevan dalam mengatasi kes siber, CyberSecurity Malaysia telah melaksanakan kajian bagi mengenalpasti kelompongan dalam undang-undang sedia ada. Kajian ini mengkaji kelompongan undang- undang negara bagi membolehkan ancaman siber ditangani dengan lebih berkesan oleh agensi-agensi penguatkuasa seperti PDRM selaku penguatkuasa undang-undang—dan—Suruhanjaya Kemumkasi—dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang turut bertindak selaku regulatori dan penguatkuasa undang-undang.

Pada 7 September 2009, hasil Kajian Kelompongan Undang-undang telah dibentangkan di Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Hasil kajian ini telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara dan kini kementerian-kementerian terbabit sedang mengkaji serta melaksanakan cadangan-cadangan yang diberikan bagi melakukan perubahan yang perlu terhadap undang-undang sedia ada.

SOALANNO..

PEBHBBRgTAHUN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUBANG]

TARIKH : 11 JUN 2012

SOALAN:

TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUBANG) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah niat Kerajaan apabila Peraturan- Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) (No.2) 2012 yang diwartakan pada 27 April 2012 tidak mewajibkan penggunaan dakwat kekal untuk pengundi awal yang telah diwajibkan untuk pengundi biasa.

SOALAN NO.46 7

JAWAPAN: YB DATO⁸ SERI HQHAHED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JA6ATAM PERDANA MENTERB

Tuan Yang Di Pertua.

~~Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan dakwat kekal adalah terpakai bagi semua pengundi yang akan mengundi pada hari diadakan pengundian awal dan hari pengundian biasa kecuali pengundi yang akan mengundi secara pos berdasarkan kepada peruntukan Peraturan 3 Peraturan-Peraturan PiSihan Raya (Pengundian Pos) 203. Penggunaan dakwat kekal ini selaras dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 yang diwartakan pada 13 Februari 2012 dan mula berkuatkasa pada 15 Februari 2012.~~

Sekian, terima kasih.

**Kitf -SoALAR[^] : 4-Sr
NO: AUM : 50**

140. AUP :-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

TARIKH : 11 JUN2012

RUJUKAN : 4755

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kadar jenayah di seluruh Negara untuk kesemua kategori (meriglkut negeri) bagi tempoh Jan 2008 - Mei 2012 serta nyatakan jumlah kes yang berjaya diselesaikan dan masih tertangguh sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua,

Say a mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi tahun 2008 ~~JAWATAN~~^{SEJUMLAH} 211,645 kes jenayah indeks telah dilaporkan. Manakala pada tahun 2009 sebanyak 209,417 kes. Pada tahun 2010 berlaku penurunan kes jenayah indeks kepada 177,520 kes, begitu juga pada tahun 2011 menu run kepada 157,891 kes dan bagi tempoh Januari hingga April 2012 sejumlah 49,881 kes jenayah indeks telah dilaporkan.

Sehubungan itu, pada tahun 2008 sejumlah 93,431 kes telah berjaya diselesaikan dan 118,214 kes tertangguh, manakala pada tahun 2009 sejumlah 99,254 kes telah diselesaikan dan kes yang tertangguh pula sejumlah 110,163 kes.

Pada 2010, kes yang telah berjaya diselesaikan adalah sebanyak 89,181 kes dan 88,339 kes tertangguh, manakala tahun 2011 sejumlah 60,401 kes telah diselesaikan dan kes yang tertangguh pula sejumlah 97,490 kes. Manakala bagi tempoh Januari hingga April 2012 sejumlah 18,132 kes telah diselesaikan dan kes yang tertangguh pula sejumlah 31,749 kes.

No SoAlAk) . -V[^] **He.**

AUM +54

NOrrAUE.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN WONG HO LENG [SIBU]**

TARIKH : **11 JUN 2012**

RUJUKAN : **4756**

SOALAN:

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes kecurian kabel telefon dan kabel elektrik yang telah dilaporkan di Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri dalam masa 5 tahun yang lalu. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kecurian.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibu yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi tempoh dari tahun 2007 hingga bulan April 2012, jumlah kes kecurian kabel elektrik dan kabel telefon bagi kawasan Kuching adalah sebanyak 205 kes, Sibu 73 kes, Miri 157 kes dan Bintulu sebanyak 28 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah yang di ambil oleh PDRM dalam usaha untuk mengurangkan kecurian kabel adalah seperti berikut:

- (1) melaksanakan operasi khas bagi menangani kes kecurian kabel di seluruh negara iaitu Ops Lusuh yang diadakan secara bersepadu melibatkan agensi penguatkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Tanah dan Qalian dan juga turut melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat utiliti awam seperti, Telekom Malaysia Bhd., DiGi Telecommunications Sdn Bhd, Celcom (M) Sdn Bhd, Maxis Communication Sdn Bhd, Tenaga Nasional Bhd.
- (2) menjalankan pemeriksaan secara berkala ke atas premis peniaga barang lusuh kerana kebanyakan kabel atau logam yang dicuri akan dijual atau dilupuskan di premis ini. Pemeriksaan akan merangkumi lesen perniagaan, pendaftaran barang belian atau jualan serta pekerja yang sah;
- (3) menubuhkan Jawatankuasa Ops Lusuh di peringkat Bukit Aman, Kontinen dan Daerah yang melibatkan ahli daripada agensi penguatkuasa GLC dan syarikat utiliti di kawasan setempat. Jawantankuasa akan membincangkan masalah kecurian kabel dan logam serta merancang operasi bagi memastikan kejayaan dalam membanteras masalah tersebut.

SOALAN(50)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PERTANYAAN : LISAN DUN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

TARIKH : 11 JUN 2012 (ISNIN)

**DARIPADA : Y.B. DATO' RASHID BIN DIN
[MERBOK]**

SOALAN

Y.B. DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bolehkah Kementerian mengubah hak milik bangunan flat PPH Paya Nahu 1, yang dimiliki oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kedah, serta memberi peruntukan untuk baik pulih supaya Kerajaan Negeri dapat menyelesaikan masalah pendudukflat PPH yang wujud sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli yang berhormat, sekiranya Kerajaan Negeri Kedah berhasrat untuk memiliki PPR Paya Nahu, pihak Kerajaan Negeri boleh mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membeli PPR tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak KPKT belum lagi menerima sebarang permohonan rasmi daripada pihak Kerajaan Negeri mengenainya.

Kerajaan Persekutuan juga sentiasa berusaha dengan mencari jalan yang terbaik untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Untuk itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diperuntukkan sebanyak RM40 juta pada tahun 2012 di bawah Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) bagi menyenggara dan membaik pulih rumah pangsa awam di seluruh negara. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan konsep geran sepadan 90:10 di mana 90% daripada kos ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan 10% ditanggung oleh pihak pengurusan iaitu pihak Kerajaan Negeri. Sehubungan dengannya, pihak Kementerian

JAWAPAN

bersedia

untuk menimbangkan permohonan untuk menyelenggara rumah pangsa awam sekiranya terdapat permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2012

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN

KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN

TARIKH : 11.06.2012 (Isnin)

PEMBERITAHU PERTANYAAN

NO. SOALAN : 51

TUAN HEE LOY SIAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- i) adakah Syarikat Kuokuang Petrochemical Technology Co. telah mendapat persetujuan dari Kerajaan Taiwan untuk melabur dalam projek RAPID di Pengerang, Johor; dan**
- ii) adakah Kementerian telah menjalankan Laporan dan Pelaksanaan Penilaian Kesan Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment) terhadap projek ini sebelum membenarkan syarikat ini melabur di Pengerang.**

Tuan Yang Di Pertua,

Persetujuan untuk Syarikat Kuokuang Petrochemical Technology Co. untuk melabur di Malaysia akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan bukan kerajaan Taiwan walaupun mereka mempunyai pegangan ekuiti sebanyak 43 peratus melalui CPC Corporation. Namun begitu, Lembaga ini telah membenarkan pihak syarikat menjalankan kajian terperinci untuk kemungkinan menubuhkan sebuah kilang petrokimia di kawasan

JAWAPAN

Pengerang.

Projek petrokimia ini masih lagi di peringkat awal dan kajian terperinci berhubung cadangan projek ini sedang dijalankan oleh syarikat. Kuokuang Petrochemical Technology Co. telah memaklumkan bahawa projek tersebut akan dipindahkan ke lokasi lain jika kajian mereka membuktikan kawasan Pengerang bukan lokasi yang sesuai. Setakat ini, MITI belum menerima permohonan rasmi daripada Kuokuang Petrochemical Technology Co., untuk melabur di Malaysia.

Pada dasarnya, sebelum sesuatu projek petrokimia diberikan kelulusan, Laporan Kesan Ke Atas Alam Sekeliling (EIA) perlu dijalankan oleh syarikat termasuk mendapatkan pandangan daripada masyarakat (public request for information) mengenai projek tersebut dan Laporan ini perlu diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Mo- SOALAM*. ^ -
MOT-AOIVI-r54^

NO. AUfi- :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 11 JUN 2012

RUJUKAN : 4972

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM

NEGERI menyatakan sama ada YB Menteri puashati terhadap cara DBKL dan polis menangani isu orang yang menjual burger dan membuat kelakuan tidak senonoh di hadapan kediaman Pengerusi Bersih, Dato Ambiga Sreenevasan. Apakah yang dilakukan oleh YB Menteri untuk memberi perlindungan kepada Ambiga dan keluarganya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahii Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak Ibupejabat Polis Daerah Brickfields sedang menjalankan siasatan terhadap kes tersebut yang berkait dengan Travers Rpt 3416/12. Siasatan dijalankan dibawah Seksyen (5) Akta Perhimpunan Aman 2012. Secara keseluruhannya pihak polis telah menjalankan tugas untuk melindungi setiap lapisan masyarakat tanpa mengira pangkat dan kedudukan bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam adalah terjamin pada setiap masa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
DARIPADA **Y.BHG. DATUK ERIC ENCHIN**
MAJIMBUN [SEPANGGAR]

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **Y.BHG. DATUK ERIC ENCHIN** **11.06.2012**

] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan dan peratusan yang berjaya memiliki Rumah Mesra Rakyat (RMR) mengikut pecahan di setiap negeri setiap rancangan ini mula dilaksanakan. Apakah tindakan Kerajaan untuk membantu mengurangkan beban pembeli rumah itu disebabkan faktor kenaikan kos binaan dan harga tanah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga April 2012, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah menerima 45,038 permohonan dan telah meluluskan sebanyak 20,308 permohonan. Jumlah dan peratusan pemohon yang telah berjaya memilik Rumah Mesra Rakyat (RMR) sejak ianya dilaksanakan mengikut pecahan negeri ialah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH PERMOHONAN YANG BERJAYA		
	PERMOHONAN DITERIMA	LULUS	PERATUS BERJAYA (%)
TERENGGANU	5,579	2,703	48.45%
KELANTAN	6,126	3,024	49.36%
PAHANG	4,197	1,284	30.59%
PERAK	4,349	2,052	47.18%
P. PINANG	542	155	28.60%
KEDAH	4,778	2,452	51.32%
PERLIS	1,002	469	46.81%
SELANGOR	2,747	1,038	37.79%
N. SEMBILAN	4,192	1,957	46.68%)
MELAKA	1,958	1,079	55.11%
JOHOR	5,854	2,515	42.96%
K.L/PUTRAJAYA	30	12	40.00%
SABAH	1,758	726	41.30%)
SARAWAK	1,721	779	45.26%)
LABUAN	205	63	30.73%
JUMLAH	45,038	20,308	45.09%

Selaras dengan slogan “Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan” dan bagi membantu mengurangkan beban pemohon rumah yang disebabkan faktor kenaikan kos binaan dan harga tanah, SPNB telah menggunakan kaedah ‘*Industrial Building System*’ (IBS) sebagai satu inisiatif yang dapat mengurangkan kos pembinaan serta

mengutamakan rekabentuk yang lebih dinamik, ekonomik serta inovatif. Melalui kaedah IBS ini, SPNB berjaya mengurangkan kos binaan dengan anggaran 7% daripada kos binaan asal. Berdasarkan inisiatif yang dilaksanakan oleh SPNB ini, SPNB berjaya mengekalkan pembayaran sebanyak RM150 sebulan oleh pemohon RMR seperti mana yang dibayar sejak tahun 2002.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNB
ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR

TARIKH : 11 JUN 2012

SOALAN:

Tan Sri Date' Seri Tengko Azlan **Ibni** Almarhum Sultan **AbuBakar** [Jerantut] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah perlu khidmat seseorang pegawai Kerajaan disambung semula apabila dia mencapai umur untuk bersara.

JAWAPAN: YB DATO* SERI MOHAMED NAZR8 BIN ABDUL AZB,

BH8ENTER1 DI JABATAN **PERDANA** IVSENTER8

Tuan Yang Di Pertua,

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Penyambungan perkhidmatan pegawai yang mencapai umur bersara hanya dibuat atas keperluan perkhidmatan mengambil kira kepakaran, penaalaman dan keupavaan **kepimpinan** peqawag,

Pelantikan pesara kerajaan untuk berkhidmat secara kontrak adalah untuk memberi ruang dan peluang serta menjadi Sandasan kepada penjawat awam yang lain untuk mempelajari dan mendapat bimbingan serta menimba pengalaman sebaik mungkin sebelum mereka mengambil alih jawatan tersebut. Di samping itu, ianya dibuat bagi memastikan peralihan pueuk pimpsnan jawatan pengurusan tertinggi Kerajaan dapat dilakukan dengan sebaiknya serta dapat memastikan kesanambungan peiaksanaan togas dan sSstesn **penvampaian** perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

Mo-so A LAW ' ^
NO. AUM-. 57

NO^AWP-:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

DARIPADA

11 JUN 2012

TARIKH

4757

ROJAKAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab mengapa Panel Penasihat Bebas ditubuh untuk menyiasat keganasan Bersih 3.0 dan bukannya satu Suruhanjaya Siasatan Diraja atau Siasatan Suhakam serta mengapakah Tun Hanif Omar dilantik sungguhpun beliau pernah membuat kenyataan yang prejudis terhadap perhimpunan Bersih 3.0.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat insiden perhimpunan di Dataran Merdeka pada 28 April 2012 kerana tindakan untuk mendakwa individu-individu yang terlibat dalam perhimpunan tersebut telahpun dilaksanakan oleh Peguam Negara. Dalam masa yang sama, sebuah Panel Penasihat Bebas yang tidak terikat dengan undang-undang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menyiasat dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai perhimpunan tersebut serta dakwaan insiden kekerasan yang dilakukan oleh pihak polis semasa mengawal perhimpunan.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai pelantikan Tun Mohammed Haniff bin Omar sebagai Pengerusi Panel, tidak perlu dipertikaikan di sini kerana penyataan yang dibuat oleh beliau sebelum ini adalah penyataan peribadi yang tiada kena mengena dengan Panel ini, lagipun ini tidak dapat mempengaruhi keputusan Panel. Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, sebarang keputusan Panel yang sedang berjalan bukanlah terletak secara mutlak ke atas beliau sendiri sebaliknya

JAWAPAN:

ianya berdasarkan kepada suara majoriti. Kerajaan melantik beliau sebagai Pengerusi Panel adalah berdasarkan pengalaman, sumbangan dan kredibiliti beliau selama ini dalam menganggotai Suruhanjaya Siasatan Diraja dan Panel-Panel Penyiasat yang ditubuhkan sebelum ini. Oleh yang demikian, maksud Ahli Yang Berhormat ini berkemungkinan lebih merupakan persepsi terhadap beliau semata-mata. Sukalah juga saya nyatakan di sini adalah wajar panel ini diberi peluang terlebih dahulu untuk menjalankan tugas mereka sepetimana yang diamanahkan.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NA6APAN

[PADANG SERAI]

TARIKH : 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Gobalakrishnan a/S Nagapan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah dan kawasan Projek Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) yang telah atau sedang dilaksanakan. Adakah wujud peruntukan oleh pihak kementerian bagi melaksanakan lebih banyak Projek Perumahan

Tuan Yang Di Pertua,

1 Malaysia (PR1MA) di masa hadapan dan kawasan kawasan yang telah dikenalpasti oleh pihak kementerian bagi melaksanakan PR1MA pada masa akan datang.

Untuk makluman YB Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan, pembangunan Perumahan dan komuniti PR1MA adalah lebih tertumpu di bandar-bandar besar di mana permintaan perumahan mampu milik berkualiti bagi golongan berpendapatan sederhana melebihi pembekalan di kawasan tersebut. Kawasan-kawasan bandar seperti Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bharu adalah di antara sebahagian dari kawasan-kawasan bandar yang telah dikenal pasti mempunyai permintaan yang tinggi.

Bagi mengenai pasti secara lebih terperinci mengenai jenis perumahan serta lokasi pembangunan, PR1MA akan menjalankan analisa permintaan. Kempen soal selidik ini akan dapat membantu PR1MA dalam menjalankan kajian dan analisa Permintaan Projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia. Dengan kaedah ini, PR1MA akan dapat membangunkan komuniti dengan lebih tepat dan tersusun di kawasan-kawasan yang

Tuan Yang Di Pertua,
strategik berdasarkan permintaan.

SOALAN NO: 57

PARL1MEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :LISAN

DARI PAD A :TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH :11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN :TUAN CHONG CHIENG JEN minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah kadar subsidi atas beras dan berapakah jumlah subsidi Kerajaan atas beras untuk negeri Sarawak dalam tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012 (hingga 31-5-2012) dan negeri-negeri lain masing-masing.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah Program Subsidi Harga Beras, kadar subsidi yang diberikan adalah sebanyak RM700 per tan metrik bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Jumlah subsidi yang telah diberikan di bawah program ini sejak tahun 2008 bagi negeri Sarawak adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah subsidi (RM)
2008	106,518,066.88
2009	63,294,958.90
2010	60,370,500.00
2011	63,595,894.60
2012	20,918,596.00
Jumlah	314,698,016.38

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A

SOALAN NO. : 58
: PUAN HAJAH ZU RAIDAH BINTI

KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH

: 11 JUN 2012

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah anggaran kos yang telah dibelanjakan untuk kempen ‘Sungaiku Hidupku’ dan sejauh manakah keberkesanan kempen tersebut dalam memastikan rakyat memahami kepentingan sungai.

Tuan Yang Dipertua,
JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kempen Cintai Sungai Kita yang telah dilaksanakan dari tahun 1992 hingga 2004 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memasuki fasa baru di mana pihak JPS telah melancarkan program “Satu Negeri Satu Sungai” (1N1S). Program ini yang mula dilaksanakan pada tahun 2004 merupakan kesinambungan kepada Kempen Cintai Sungai Kita. ‘Sungaiku Hidupku’ adalah satu slogan (tagline) bagi kempen ‘Cintailah Sungai Kita’. Slogan ini telah diperkenalkan pada tahun 2000 dan digunakan sehingga hari ini.

Di dalam program Program Satu Negeri Satu Sungai (1N1S), pihak JPS bersama dengan Kerajaan Negeri telah memilih 13 batang sungai, iaitu satu (1) batang sungai bagi setiap negeri. Antara kriteria utama pemilihan sungai ialah sungai yang tercemar yang merentasi bandar-bandar utama di seluruh negara. Matlamat pelaksanaan program 1N1S ialah ke arah pencapaian sungai yang bersih (clean), hidup (living) dan bertenaga (vibrant) dengan mencapai kualiti air pada tahap Kelas MB menjelang tahun 2015 dan mengekalkannya.

Bagi menjayakan program 1N1S, sejumlah RM 57.5 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan ia telah dibahagikan mengikut negeri.

Manakala bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), peruntukan berjumlah RM 26 juta disediakan bagi tahun 2011 dan 2012 untuk 13 batang sungai, iaitu RM 1 juta setahun bagi setiap sungai.

Berdasarkan pemantauan Program 1N1S, didapati program ini telah menunjukkan kejayaan terutama dari segi peningkatan kualiti air beberapa batang sungai seperti berikut:-

- i. Lima (5) batang sungai telah berjaya dipulihkan, dengan peningkatan Indeks Kualiti Air (IKA) dari Kelas IV ke Kelas III, iaitu Sg. Petani, Kedah; Sg. Galing, Pahang; Sg. Hiliran, Terengganu; Sg. Pinang, Pulau Pinang dan Sg. Penchala, Selangor; dan
- ii. Sg. Kinta, Perak telah berjaya mencapai peningkatan Indeks Kualiti Air (IKA) daripada kelas III kepada Kelas MB.

Pihak JPS akan terus mempergiatkan usaha dalam pelaksanaan program ini ke arah pencapaian matlamat program 1N1S seperti dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

Abdullah [
Kota Bharu]

SOALAN;

Bat[©] Hajl Wan Abd Rahim bIn Wan Abdullah [Kota Bharu] minta PERDAWA SV1EMTERI menyatakan kos perbeianjaan setiap lawatan rasmi YAB. Perdana Menteri ke negeri Kelantan sejak memegang jawatan.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDULAZSZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak memegang jawatan Perdana Menteri, beliau telah melakukan lawatan rasmi ke negeri Kelantan sebanyak 10 kali. Kos yang ditanggung oleh Pejabat Perdana Menteri bagi lawatan rasmi tersebut berjumlah RM26,476.76

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 60

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARI PADA YB. DATO' SRI ONG TEE KEAT [
PANDAN]**

TARIKH ISNIN, 11 JUN 2012

RUJUKAN 01 [PR-1252-L50597]

SOALAN

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan sama ada terdapat bantuan Kementerian dalam usaha mengecat semula bangunan rumah-rumah pangsa swasta yang uzur dan usang. Jika ada, apakah kriterianya dan berapakah kes permohonan serta jumlah peruntukan telah diluluskan setakat ini. Jika tidak, mengapa.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pandan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengambil inisiatif untuk **mewujudkan Tabung Penyelenggaraan IMalaysia mulai dari tahun 2010 yang dikenali sebagai TP-IMalaysia.**

Pada **peringkat awal ditubuhkan**, dana tabung ini digunakan **khusus untuk penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah milik swasta (harga belian asal RM42,000.00 ke bawah)** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di atas permintaan dan keperluan untuk meringankan beban penduduk di perumahan berstrata, **pada 29 Mei 2011**, permohonan telah dibuka kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Perbadanan Pengurusan (MC)/ Persatuan Penduduk **rumah pangsa kos sederhana rendah swasta (harga belian asal RM42,001.00 hingga RM80,000.00)**.

Manakala pada **20 April 2012**, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan program TP-IMalaysia diperluaskan ke seluruh bandar-bandar di Malaysia bagi penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta. Bagi maksud tersebut, Majlis Perasmian bagi peluasan TP-IMalaysia ke seluruh bandar-bandar di Malaysia telah dilaksanakan di Johor Bharu pada 4 Jun 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, skop penyelenggaraan TP-IMalaysia bukan sahaja mengecat semula bangunan rumah pangsa yang uzur dan usang. Perhatian juga dibuat bagi

- a) Penyelenggaraan atau baik pulih lif;
- b) Penyelenggaraan tangga;
- c) Penyelenggaraan bumbung;
- d) Membaiki kerosakan umum yang membahayakan penghuni;
- e) Membaiki tangki air dan Sistem Retikulasi;
- f) Penyelenggaraan Paip Sanitari;
- g) Pendawaian Semula;
- h) Kerosakan am yang melibatkan harta bersama (*common property*), dan
- i) Lain-lain kerosakan yang diputuskan wajar diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung;

Pelaksanaan TP-IMalaysia menggunakan pakai **kaedah pembiayaan geran sepadan (matching grant)** iaitu bagi **rumah pangsa kos rendah swasta adalah 90:10 (90% kos penyelenggaraan di biayai oleh dana TP-IMalaysia, 10% oleh JMB/MC/Persatuan Penduduk)** dan bagi **rumah pangsa kos sederhana rendah swasta adalah 70:30 (70% kos penyelenggaraan di biayai oleh dana TP-IMalaysia, 30% oleh JMB/MC/Persatuan Penduduk)**.

TP-IMalaysia mempunyai dana pelancaran berjumlah RM37.47 juta. **Sehingga**

bulan Mei 2012, sebanyak **86 permohonan telah diterima** dengan **73 permohonan diluluskan** dan **8 permohonan di dalam proses kelulusan.** Daripada jumlah tersebut, sebanyak **12 projek penyelenggaraan** telah siap dilaksanakan, melibatkan **10 projek bagi rumah pangsa kos rendah swasta** dan **2 projek bagi rumah pangsa kos sederhana rendah swasta** dengan kos keseluruhan berjumlah **RM5.3 juta.** Manakala, terdapat **59 projek** masih di peringkat sebut harga, pelaksanaan dan di peringkat mendapatkan sumbangan daripada penduduk.

SOALAN NO.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARI PADA

LISAN

KAWASAN

YB. TUAN DING KUONG HIING SARIKEI

TARIKH

11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN:

YB. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sebab-sebab penaiktarafan jalan Bukit Huang - Sekumang ke Tanjung Manis ditundakan ke *rolling plan* akan datang memandangkan semua rancangan adaiah disusun mengikut jadual sedangkan ia perlu dipercepatkan naik taraf. Nyatakan juga rancangan Kerajaan mengenai jaringan jalan raya dari Sarikei ke Bandar sekitarnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, cadangan projek menaik taraf Jalan Bukit Huang - Tanjung Manis ialah merupakan sebahagian daripada jajaran projek membina Jalan Penghubung Sarikei - Tanjung Manis, Sarawak sepanjang 25 kilometer yang telah dirancang oleh Kerajaan Persekutuan.

Projek dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM400 juta itu telah dikenal pasti oleh Laporan Kajian *Highway Network Development Plan* (HNDP), Fasa 2 (2010) untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe- 10. Walau bagaimanapun berikutan kos projek yang terlalu tinggi, Kementerian Kerja Raya telah memutuskan supaya projek berkenaan dilaksanakan secara berfasa di mana keutamaan akan diberikan untuk menaik taraf jajaran Jalan Bukit Huang - Tanjung Manis sepanjang 15 kilometer terlebih dahulu.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya sedang berusaha dan telah mengemukakan semula justifikasi permohonan projek ini untuk pertimbangan kelulusan dalam *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10 oleh Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.

\10-S0AIAKJ :4z
~~HB-AUM-66~~

WQr-AtfP-:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
[TANGGA BATU]
TARIKH 11 JUN 2012
RUJUKAN 4758

SOALAN:

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula berat minimum dadah untuk dikenakan hukuman. Sebagai contoh hukuman hanya dikenakan kepada pengedar heroin yang memiliki dadah lebih 15 gram di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak boleh dijamin, manakala pengedar dadah yang memiliki kurang 15 gram boleh dijamin dan ini memberi kesan berlaku ketidakpuasan hati beberapa pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tangga Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, heroin merupakan dadah yang disenaraikan di dalam Jadual ke III yang mana memiliki dadah jenis ini dalam kuantiti 15 gram ke atas dikategorikan sebagai pengedar yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952) dan boleh membawa hukuman gantung mandatori. Seseorang yang telah dikenalpasti melakukan kesalahan di bawah Seksyen tersebut adalah tidak boleh diberi jamin kerana dibimbangi kesalahan tersebut akan berulang dan boleh menjelaskan kepentingan awam.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini ingin menegaskan bahawa Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah terletak di bawah tanggung jawab Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehubungan dengan itu, sebarang kajian untuk meminda apa-apa peruntukan di bawah Akta tersebut perlu mendapatkan kelulusan dasar daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

jsjosoftLA<^ **.
£ £ NO-AUM-: 66

NOrAUP—;

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN]

TARIKH 11 JUN 2012

RUJUKAN 4759

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak polis telah bertindak ganas dengan memukul para peserta dalam himpunan Bersih 2.0 pada 28 April 2012 walaupun peserta-peserta ini telah berhimpun dan berundur secara aman setelah diarah oleh pihak berkuasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahii Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertindak melalui SOP yang telah disediakan bagi tujuan mengawal keadaan dari menjadi lebih ganas sehingga boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam semasa perhimpunan di Dataran Merdeka pada 28 April 2012. Pada masa yang sama, Polis telah bertindak cepat bagi memastikan keadaan terkawal. Sehubungan itu, Kementerian memandang serius sebarang pelanggaran SOP yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai dua (2) anggota Polis telahpun didakwa di Mahkamah. Selain itu, perkara ini akan turut disiasat dengan lebih teliti melalui penubuhan Jawatankuasa Panel Penasihat Bebas yang dipengerusikan oleh Y.A.Bhg. Tun Mohammed Haniff bin Omar. Sekiranya terdapat mana-mana anggota keselamatan terbukti bersalah melanggar SOP yang telah ditetapkan, tindakan undang-undang akan tetap diambil terhadap anggota terlibat.

1

NO. SOALAN: 64

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 11 JUN 2012 [ISNIN]

DARIPADA Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]

SOALAN :

**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta PERDANA
MENTERI**

menyatakan kesan masa depan rakyat Malaysia yang berhajat untuk menunaikan umrah dan haji berikutan perhimpunan haram BERSIH 3.0 di Tanah Suci Makkah dan Masjid Nabawi, Madinah yang tidak disenangi pemerintah Kerajaan Arab Saudi.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Makkah dan Madinah adalah merupakan dua Tanah Suci umat Islam yang suci dan tempat tumpuan beribadah umat Islam dari seluruh dunia.

Sekarang ini, kebanyakkan negara seperti Syria, Libya dan negara-negara Arab lain mempunyai masalah dalaman yang serius namun tiada pihak dari negara-negara itu yang berani membuat demonstrasi terang-terangan di kota-kota suci Makkah dan Madinah.

Kerajaan Arab Saudi amat menitikberatkan soal keselamatan dan ketenteraman awam terutamanya di Tanah Suci Makkah dan Madinah. **Tindakan keras boleh diambil ke atas sesebuah negara sekiranya rakyat negara itu didapati bersalah dalam menjalankan aktiviti yang menimbulkan huru-hara seperti demonstrasi jalanan dan sebagainya.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua persiapan menunaikan haji tahun ini seperti penyewaan kapal terbang, tempahan hotel, serta lantikan syarikat yang akan membekalkan makanan kepada jemaah, sudah diselesaikan sepenuhnya berdasarkan kuota yang diperuntukkan setiap tahun kepada rakyat Malaysia.

Risiko yang dihadapi adalah, jika sesuatu berlaku seperti tidak mendapat kuota seperti mana kebiasaan, maka impaknya bukan saja boleh menyebabkan kerugian ke atas agensi Kerajaan khasnya Tabung Haji dan syarikat pengurusan haji, tetapi paling besar ialah kesusahan umat Islam yang kebanyakannya sudah selesai menjalani kursus haji dan meletakkan harapan tinggi untuk menunaikan haji pada tahun ini.

Jemaah Menteri juga telah memutuskan bahawa YAB Perdana Menteri hendaklah dirujuk jika Kerajaan Arab Saudi memutuskan untuk mengurang atau menggantung kuota jemaah haji Malaysia supaya YAB Perdana Menteri boleh kelak membuat rayuan kepada Raja Arab Saudi.

Dalam masa terdekat, Kerajaan melalui Tabung Haji, telah menghantar surat kepada Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi bagi menjelaskan isu perhimpunan BERSIH 3.0, serta menyampaikan harapan Kerajaan Malaysia supaya Kerajaan Arab Saudi tidak mengenakan sebarang tindakan terhadap kuota atau peruntukan-peruntukan yang berkait dengan pelaksanaan ibadat haji tahun ini.

Saya juga memohon jasa baik YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, untuk berhubung dengan Kerajaan Arab Saudi khususnya Raja Arab Saudi, Raja Abdullah, untuk memaklumkan kedudukan dan permohonan kuota haji.

Kesimpulannya, perhimpunan BERSIH 3.0 jelas boleh mengundang banyak implikasi buruk kepada rakyat dan negara bukan sahaja di dalam negeri, malah di peringkat antarabangsa. Kerajaan mengambil serius perkara ini dan berusaha di peringkat tertinggi negara untuk menanganinya, demi menjaga ibadah dan kebajikan bakal haji serta jemaah umrah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE

[SETIAWANGSA]

TARIKH 11 JUN 2012

SOALAN NO.65

SOALAN

Dato' Sri Haji Zulhasnan Bin Rafique [Setiawangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

Tahap keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan SPAD di dalam menentukan perkhidmatan pengangkutan awam akan terus ditambah baik dan ditingkatkan terutama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

SOALAN NO.65

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan serta rasa tanggungjawab pihak YB terhadap aktiviti penguatkuasaan undang-undang yang berhubungkait dengan SPAD.

Diantara matlamat pengoperasian SPAD adalah bagi memastikan penumpang dan pengguna di jalanraya lebih terjamin dan selamat apabila menggunakan perkhidmatan awam. Sehingga kini, sebanyak 5,431 operasi terhadap Perkhidmatan Pengangkutan Awam Darat telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dari jumlah tersebut, sejumlah 4,380 operasi yang dilaksanakan di Kawasan Lembah Klang. Operasi yang dijalankan adalah secara bersendirian dan bersepadu dengan lain-lain agensi penguatkuasa seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Aktiviti penguatkuasaan ini akan diteruskan bagi mencapai misi SPAD iaitu untuk memastikan bahawa Sistem Pengangkutan Awam Darat adalah selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, mampu dibayar dan mampan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Untuk makluman, terdapat hampir 60 ‘hotspot’ telah dikenalpati di

SOALAN NO.65

Zon Tengah yang meliputi Kawasan Lembah Klang (Kuala Lumpur dan Selangor) yang perlu dikawal dan dipantau oleh anggota penguatkuasa. Sehingga kini, sebanyak 2,410 kes yang melibatkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam telah dicatatkan di Zon Tengah. Setiap kesalahan akan dituduh di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (Akta PAD) 2010 yang mana memerlukan Kertas Siasatan dibuat (IP-Investigation Paper) untuk dibawa ke Mahkamah bagi tujuan pendakwaan atau mohon izin Kompaun dari Pihak Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

SPAD juga mengambil pendekatan untuk berinteraksi dengan Persatuan-Persatuan Perkhidmatan Pengangkutan Awam dalam usaha untuk menyalurkan informasi dalam aspek tatacara perkhidmatan dan ketetapan perundangan bagi menyedarkan mereka tentang tanggungjawab Pengendali/Pengusaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan sekaligus menaikkan tahap keyakinan rakyat terhadap Perkhidmatan Pengangkutan Awam Negara.

Selain dari itu, kerjasama dari pihak PDRM, JPJ dan PBT amat diperlukan bagi memastikan keberkesanan dalam menguatkuasakan Akta PAD 2010.

Sekian, terima kasih.

NO.

SOALAN:66 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN

RAKYAT LISAN

DARIPADA

DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN]

TARIKH

11 JUN 2012

SOALAN

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah nilai (RM) dan peratus ekuiti mengikut warganegara/kaum pada tahun 2000, 2005, 2008 dan 2011 serta usaha-usaha konkrit untuk menambahkan ekuiti kaum Bumiputera agar selaras dengan komposisi kaum.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, maklumat pemilikan ekuiti bagi tahun 2011 mengikut warganegara/kaum tidak dapat disediakan buat masa ini kerana masih dalam proses penganalisaan data. Manakala, maklumat pemilikan ekuiti bagi tahun 2000, 2004 dan 2008 berdasarkan jumlah nilai (RM) dan peratus adalah seperti berikut:

■ Tahun ¹		Bumiputera		India	Lain-Lain	Asing ,
2000	RM juta (%)	62,976.0 (18.9%)	129,318.3 (38.9%)	5,136.8 (1.5%)	2,957.7 (0.9%)	103,909.4 (31.3%)
2004	RM juta (%)	100,037.2 (18.9%)	206,682.9 (39.0%)	6,392.6 (1.2%)	1,897.3 (0.4%)	172,279.6 (32.5%)
2008	RM juta (%)	127,407.6 (21.9%)	203,092.1 (34.9%)	9,564.6 (1.6%)	698.8 (0.1%)	220,530.8 (37.9%)

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Kerajaan amat komited untuk meneruskan usaha mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti Bumiputera menjelang tahun 2020. Dalam RMKe-10, Kerajaan telah memperluaskan takrif ekuiti sektor korporat iaitu termasuk pemilikan harta tanah

-
- 1 Dana Mudahcara yang menyediakan sokongan kepada Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) Bumiputera;
 - ii) Program TeraSbagi meningkatkan penyertaan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) Bumiputera di dalam ekonomi serta membangunkan EKS Bumiputera yang berkualiti dan berdaya saing; dan
 - iii) Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera bagi meningkatkan taraf pendidikan di kalangan Bumiputera dengan menyediakan latihan dan

dan aset perniagaan seperti ruang niaga, harta bertanah, bangunan komersil, harta intelek dan perkhidmatan lain.

Kerajaan juga telah memperkuatkan peranan institusi Bumiputera sedia ada seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji (LTH), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) bagi meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi.

Selain daripada memperkuatkan institusi sedia ada, Kerajaan juga telah menubuhkan dua institusi baru iaitu Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), khusus untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara bermakna serta berkesan dan bagi membantu menambahkan ekuiti kaum Bumiputera.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, EKUINAS akan memainkan peranan sebagai syarikat *government-linked private equity fund management* yang bukan sahaja mengurus dana daripada sumber Kerajaan malah menjana dana daripada sumber luar.

Di samping itu, TERAJU juga akan bertindak untuk menyelaras transformasi serta memperkuatkan penyertaan Bumiputera bagi merapatkan jurang ekonomi di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Antara inisiatif yang diperkenalkan di bawah TERAJU adalah seperti berikut:

pembangunan profesional dalam sektor yang menjanjikan landasan kerjaya yang berpendapatan dan berpotensi tinggi.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG

(WANGSA MAJU)

PERTANYAAN : LISAN

NO SOALAN 1/

TARIKH : 11.06.2012

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan semenjak MAS - AirAsia share swap dimansuhkan (*unwound*), apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh MAS untuk melupuskan pelantikan bekas-bekas pegawai AirAsia atau individu atau syarikat yang berkaitan dengan AirAsia terutamanya En Shane Nollan (Pemangku Pengarah Komersial), En Rozman Omar (CFO), En Azhari Dahlan (Ketua Kejuruteraan) yang kedua-duanya tidak mempunyai status "*Nominated Post Holder*"¹ oleh DCA dan/atau EASA dan PlaneConsult, konsultant AirAsia, untuk memastikan tidak terdapat sebarang unsur Percanggahan Kepentingan (*Conflict of Interest*) dalam keputusan-keputusan mereka demi mempertahankan kepentingan MAS.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setelah pertukaran saham di antara MAS dan AirAsia dibatalkan pada 2 Mei 2012, MAS telah melakukan beberapa perubahan ke atas pengurusan kanannya

termasuk pelantikan Dr. Hugh Dunleavy sebagai Pengarah Komersial berkuat kuasa 1 Jun 2012, setelah kontrak perkhidmatan Encik Shane Nollan sebagai pemangku Pengarah Komersial tamat pada akhir Mei 2012.

Pada masa ini MAS masih mengekalkan Encik Rozman Omar sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) (dilantik pada 14 Februari 2012) dan Encik Azhari Dahlan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MAS Aerospace Engineering Sdn Bhd (MAE) (dilantik pada

1 Februari 2012). Encik Rozman Omar dikekalkan kerana beliau mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan korporat dan berpengalaman luas mengendali penyusunan semula syarikat, *initial public offerings* (IPO) serta pengambil alihan dan penjualan perniagaan dan diperlukan oleh syarikat. Begitu juga dengan Encik Azhari Dahlan yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang kejuruteraan dan penyelenggaraan pesawat.

Mengikut garis panduan Aeronautical Information Services (AIC 16/2005) yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA), pengurusan dan penyeliaan dalam bidang teknikal (*technical qualification*) sahaja yang memerlukan status *Nominated Post Holder* yang diluluskan oleh DCA. Dalam hubungan ini, Encik Azhari Dahlan telah mendapat status *Nominated Post Holder* daripada DCA pada bulan April 2012 manakala Encik Rozman Omar, sebagai CFO tidak memerlukan status *Nominated Post Holder*.

Perkhidmatan Encik Azhari Dahlan dan Encik Rozman Omar dalam MAS tidak menimbulkan *conflict of interest* kerana kedua-dua mereka telah meletak jawatan daripada AirAsia sebelum menyertai

MAS. Bagi perkhidmatan perunding oleh PlaneConsult, percanggahan kepentingan tidak timbul kerana PlaneConsult hanya mengemukakan saranan/cadangan kepada pengurusan, di mana ianya akan dikaji/diteliti oleh pihak pengurusan MAS sebelum sebarang keputusan ke atas saranan berkenaan dibuat.

NO. SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. DATO' ISMAIL BIN KASIM
[ARAU]

TARIKH JAWAPAN : 11 JUN 2011 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian terhadap negeri-negeri yang masih belum berhijrah ke rejim baru untuk mengemas kini pembekalan air bersih bagi kegunaan para pengguna di negara ini.

JAWAPAN
Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, 6 buah negeri telah memuktamadkan penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Bagi yang lain, rundingan dengan kerajaan negeri masing-masing masih diteruskan. Kementerian saya bersama agensi-agensi pusat berkaitan sangat komited untuk memuktamadkan segera penstrukturran semula ini. Suka juga saya menyatakan di Dewan Yang Mulia ini bahawa telah banyak faedah diperoleh negeri-negeri yang telah menyertai Skim Penstrukturran Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air yang diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan. Antaranya, perkhidmatan bekalan air di beberapa negeri seperti Negeri Sembilan, Johor, Melaka dan Pulau Pinang dilaporkan telah meningkat kecekapannya, penurunan kadar NRW yang signifikan dan kutipan hasil yang bertambah baik.

Tuan Yang Dipertua,

Saya sangat berharap supaya faedah-faedah yang telah dinikmati oleh negeri-negeri yang telah menyertai Skim Penstrukturan Semula ini akan dapat mendorong negeri-negeri yang belum berbuat demikian. Di samping itu, Kementerian saya melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan terus mengawal selia operasi operator-operator air di semua negeri termasuk bagi negeri-negeri yang belum distrukturkan semula terutamanya dari aspek kualiti air, pemantauan kedudukan bekalan dan permintaan air serta tahap penyampaian perkhidmatan bagi memastikan perkhidmatan yang baik terus disediakan kepada pengguna. Melalui pengawalseliaan SPAN, saya juga berharap ia akan memberikan tekanan kepada negeri-negeri yang belum memuktamadkan rundingan dengan Kerajaan Persekutuan untuk menyertai Skim Penstrukturan Semula ini untuk segera berbuat demikian.

Uo.soALANJ *
MO.AUM-T-72

MA ALIP,
MoTirTOT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 11 JUN 2012

RUJUKAN : 4761

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa peluru "tear gas" telah dilepaskan pada 28.4.2012 di perhimpunan Bersih 3.0 dan kos setiap peluru "tear Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Segambut

JAWAPAN

yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya sebanyak 967 butir "tear gas" telah digunakan pada perhimpunan haram BERSIH 3.0 pada 28 April 2012 yang lalu dengan jumlah kos RM56.092.85. Ini termasuk 909 butir *shell tear smoke* dengan jumlah kos sebanyak RM47.677.05 dan 58 butir *grenade tear smoke* dengan jumlah kos sebanyak RM8.415.80.

Soalan No : 70

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 11 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sama ada tanah akan diberikan untuk Sekolah Tamil Castlefield, Puchong dan sekiranya tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mendapat makluman bahawa sebahagian ibu bapa sekolah berkenaan berharap agar sekolah tersebut kekal di situ bagi memudahkan pergerakan anak-anak mereka ke sekolah. Dalam hal ini, KPM telah mengadakan beberapa siri mesyuarat membincangkan isu berkenaan termasuklah berkaitan isu tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKT Castlefield merupakan sekolah bantuan kerajaan yang berpindah dari Ladang Castlefield pada Ogos 2005 dalam keluasan 2.78 ekar. Apabila kerajaan bercadang untuk pembinaan projek sambungan LRT laluan Kelana Jaya - Ampang, sebahagian tapak sekolah tersebut seius 0.44 ekar telah terlibat tetapi tidak menjaskan bangunan bilik darjah sedia ada. Bagi memastikan sekolah berkenaan menerima impak yang minimum, akibat dari projek berkenaan, KPM akan memastikan Syarikat Prasarana iaitu syarikat yang membangunkan projek tersebut, mengambil

langkah-langkah mitigasi yang bersesuaian supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas. Ini termasuklah membina sistem penebat bunyi, memasang ‘Parapat’ dan kelengkapan lain yang bersesuaian agar murid-murid dapat belajar dalam persekitaran yang lebih kondusif. KPM akan berusaha untuk memastikan sekolah berkenaan sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan teratur walaupun projek berkenaan dilaksanakan.

Rjm 04

KJO.CO/L/AKJ :

~~^1 NO. AUM -~~

74

NOr-AyP—.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

LISAN

DARIPADA

PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH

11 JUN 2012

RUJUKAN

4762

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah tembakan gas pemedih mata yang dilepaskan oleh anggota yang bertugas, perbelanjaan pada hari

JAWAPAN

perhimpuan Bersih 3.0.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya sebanyak 967 butir "tear gas" telah digunakan pada perhimpunan haram BERSIH 3.0 pada 28 April 2012 yang lalu. Ini termasuk 909 butir *shell tear smoke* dan 58 butir *grenade tear smoke*. Kerajaan juga telah menanggung kos keseluruhan sebanyak RM1.8 juta akibat daripada penganjuran perhimpunan haram tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RASMI SOALAN NO.: **72**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB. TUAN MANICKAVASAGAM A/L
SUNDARAM
KAWASAN KAPAR
TARIKH : 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN:

YB. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah Kerajaan berhasrat melupuskan kutipan tol di plaza tol Batu Tiga dan Sungai Rasau di lebuh raya Persekutuan. Nyatakan tempoh perlaksanaan jika ada atau sebab-sebab jika tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makfuman Ahli Yang Berhormat, struktur kadar tol bagi lebuh raya-lebuh raya di bawah syarikat konsesi PLUS Malaysia Sdn. Bhd. (termasuk Lebuh Raya Persekutuan 2) telah beberapa kali disemak semula di mana kadar tol semasa kini adalah lebih rendah berbanding struktur kadar tol mengikut perjanjian konsesi asal.

Berdasarkan kepada Perjanjian Konsesi Tambahan pada tahun 2005, kadar tol mengikut Perjanjian Konsesi untuk tahun 2012 bagi kenderaan keias 1 di Lebuh Raya Persekutuan 2, iaitu di Plaza Tol Sg. Rasau ialah sebanyak RM1.20 dan Plaza Tol Batu Tiga pula RM1.30. Namun demikian, Kerajaan atas dasar keprihatinan telah memutuskan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol di Lebuh Raya PLUS pada tahun 2008 dan sekali lagi pada tahun lalu (2011) untuk tempoh selama 5 tahun, iaitu sehingga tahun 2015. Ini bermakna kadar tol di kedua-dua plaza tol berkenaan masih lagi kekal kepada kadar semasa, iaitu RM1.00 di Plaza Tol Sg. Rasau dan RM1.10 di Plaza Tol Batu Tiga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk memansuhkan kutipan tol di Lebuh Raya Persekutuan 2 akan melibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan. Tambahan pula ia boleh mengakibatkan isu kebocoran trafik di lebuh raya berhampiran yang sedang beroperasi. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya pada masa kini masih sedang menimbangkan secara terperinci opsyen-opsyen yang

lebih praktikal untuk meringankan beban yang ditanggung oleh pengguna lebuh raya, termasuk di Lebuh Raya Persekutuan 2. Opsyen-opsyen ini perlu mengambil kira pelbagai faktor, seperti keadilan sosial dan kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhannya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAICYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. TUAN NGA KOR MING TAIPING

KAWASAN

11 JUN 2012 (ISNIN)

TARIKH

SOALAN:

YB. TUAN NGA KOR MING (TAIPING) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan secara terperinci butir-butir syarikat, berapakah jumlah kos pembinaan Lapangan Terbang Kuala Terengganu serta kos sampingan terkini termasuk *variation order* (VO) projek awam tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan pada tahun 2003 telah bersetuju untuk memilih cadangan menaik taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu yang sedia ada berbanding cadangan membina sebuah lapangan terbang yang baru di negeri tersebut. Projek menaik taraf lapangan terbang tersebut telah dimulakan pada tahun 2004 dan ia siap sepenuhnya pada buian Ogos 2010.

Projek ini dibahagikan kepada 4 pakej utama, iaitu Pakej 1: Menaik Taraf *Parking Apron* yang dilaksanakan oleh Konsortium Kontraktor Melayu Terengganu Sdn. Bhd. dengan melibatkan harga kontrak sebanyak RM10.4 juta; Pakej 2: Menaik Taraf Bangunan Terminal (WRA - BABENA ■ Syarikat Yusuf Yasin JV - RM141.7 juta); Pakej 3: Pemanjangan *Runaway* (Trans Resources Corporation Sdn. Bhd. - RM 198.8 juta); dan Pakej 4 yang terbahagi kepada 3 sub-pakej, iaitu Pemanjangan Landasan Arah Laut dan Lain-Lain Infrastruktur (Trans Resources Corporation Sdn. Bhd. - RM205.7 juta), dan Penambakan Laut dan Kawalan Hakisan Pantai yang melibatkan 2 kontrak berasingan, masing-masing bernilai RM323.2 juta dan RM6.1 juta di mana kedua- dua kontrak tersebut dilaksanakan oleh kontraktor yang sama, iaitu Inai Kiara Sdn. Bhd. - TBM Resources Sdn. Bhd. JV.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga kontrak bagi pakej-pakej di atas telah mengambil kira kos Perubahan Kerja (VO) dan kos Penyelaras Harga (VOP) berikutan daripada kenaikan harga bahan binaan di pasaran pada tahun 2008. Manakala kos bagi tujuan pengambilian batik tanah ialah sebanyak RM61.6 juta dan kos pengawasan projek pula berjumlah RM1.5 juta. Sehubungan itu, kos keseluruhan untuk projek menaik taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu ini ialah sebanyak RM949 juta.

Sekian. Terima kasih.

Uo-^ALANJ '-*74

~~NO. AUM HF-7~~

MO^AUF^{B?}

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [KOTA
BELUD]**

TARIKH 11 JUN 2012

RUJUKAN 4763

SOALAN:

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apa tindakan yang akan diambil terhadap penganjur Bersih 3.0 dan seorang senator dari Australia memandangkan mereka telah melanggar Akta Himpunan Aman.

JAWAPAN
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Belud yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kes tersebut masih di dalam siasatan. Setakat ini 10 orang telah dituduh di mahkamah kerana melakukan pelbagai kesalahan sepanjang perhimpunan haram tersebut dijalankan.

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DAT©' ABDUL HAINAN BIN SSMAIL

TARSKH : 11 JUN 2012

SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan faktor-faktor yang membolehkan FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) sebagai penjana keuntungan

kumpulan syarikat berstatus konglomerat global bagi menghasilkan dana apabila disenaraikan dalam Bursa Malaysia dan apakah status terkini mengenai firma global yang bakal menjadi rakan niaga strategik antarabangsa FGVH.

JAWAPAN : DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Paya Besar bersekali dengan Setiu (11 Jun 2012), KyaSa Krau (12 Jun 2012), Tanah derail (14 Jun 2012), Sungai Petani (18 Jun 2012), Kuala Krai (19 Jun 2012), Tanjung Maiim dan Tenggara (20 Jun 2012) Jempol (26 Jun

2012) dan Seremban (28 Jun 2012) kerana soalan-soalan tersebut adalah saling berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyenaraian FELDA Global Ventures (FGV) adalah usaha berkongsi kemakmuran FELDA kepada rakyat Malaysia di mana lebih kurang 2.19 billion saham FGV telah ditawarkan kepada pelabur tempatan dan institusi, termasuk pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MSTI) serta pelabur-pelabur runcit. FGV adalah syarikat ke 3 perladangan sawit terbesar di dunia dan pemilik saham pengeluar minyak sawit terbesar di dunia serta pengeluar gula terbesar di Malaysia.

Dari jumlah 2.19 billion yang ditawarkan, 19.8 % telah ditawarkan kepada pelabur-pelabur institusi jangka panjang (*cornerstone investors*), 12 % telah ditawarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, 11.5 % ditawarkan kepada pelabur Institusi dan Bumiputera menerusi MITI, 11 % ditawarkan kepada pelabur-pelabur institusi dan komersil melalui binaan bida (*bookbuilding*), 7.5 % kepada peneroka dan para pekerja FELDA serta pelabur runcit tempatan dan 2.5 % telah diperuntukan kepada Louis Dreyfus Commidities Asia, rakan kongsi strategik yang telah dicadangkan untuk meningkatkan keupayaan hiliran FGV. Dari 19.8 % yang telah ditawarkan kepada pelabur institusi jangka panjang, 4 peruntukan terbesar atau bersamaan dengan 16.1 % adalah kepada pelabur institusi tempatan seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tabung Haji , Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP).

Oleh kerana penglibatan Kerajaan-kerajaan negeri dan pelabur-pelabur institusi dalam penyenaraian FGV, secara tidak langsung faedah atau keuntungan yang diperoleh daripada FGV juga boleh dinikmati oleh orang ramai. Menurut data terkini, PNB dan Tabung Haji masing-masing mempunyai seramai 10.85 juta dan 7 juta pencarum, manakala KWSP mempunyai seramai 13.15 juta ahli dan KWAP seramai kira-kira 140 ribu ahli. Ini bermaksud berkongsi dividen kemakmuran FELDA kepada rakyat terbanyak. Tidak pernah saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dibahagikan kepada sebeginu ramai rakyat Malaysia.

Kepentingan para peneroka masih terjamin dan manfaat yang diberikan selama ini tidak akan terhakis kerana FELDA masih lagi memegang kira-kira 17% saham FGV dan pegangan saham terbesar dimiliki oleh para

peneroka sebanyak 22.5 % iaitu 20 % Tabung Amanah Peneroka dan 2.5% pegangan secara runcit peneroka. Peneroka mendapat unit saham yang lebih kecil berbanding petugas FELDA kerana jumlah mereka yang ramai iaitu 112,635 orang dibanding petugas. Malahan mereka akan mendapat dividen tahunan seumur hidup daripada pegangan ekuiti 20 % Tabung Amanah tersebut. Selain itu, para peneroka mendapat ‘durian runtuh’, memiliki kebun dan tapak rumah dan lain-lain yang mana petugas FELDA tidak mendapat faedah tersebut. Sedangkan tanah yang terlibat iaitu 355,000 hektar atau 880, 000 ekar bukan diurus oleh peneroka tetapi diurus oleh petugas yang memastikan FGV akan untung kerana mereka yang menguruskan pentadbiran harian. Tambahan pula, penyenaraian ini dibuat tanpa menyentuh tanah yang dimiliki oleh para peneroka dan FELDA hanya menyewakan jangka panjang tanah itu kepada FGV untuk mengusahakannya. Bayaran sewaan tanah dari FGV juga akan disaiurkan kepada FELDA dan akhirnya untuk dinikmati oleh para peneroka. Perkongsian kemakmuran dengan seluruh rakyat Malaysia walaupun mereka tiada kaitan langsung dengan FELDA, paling unik yang dilakukan kepada rakyat Malaysia melalui penyenaraian FGV ini.

Sehingga Jun 2012, penyenaraian ini merupakan yang terbesar bagi rantau Asia pada tahun ini di mana modal pasaran FGV dianggarkan melebihi RM16 billion. Berdasarkan andaian harga runcit RM4.55 sesaham, FELDA dan FGV dijangka bakal meraih dana sebanyak RM1Q.5 billion. Sebahagian daripada dana !PO ini akan digunakan untuk pembelian aset-aset ladang, peluasan aktiviti hiliran, perbelanjaan modal untuk meningkatkan kecekapan serta keupayaan dan keperluan modal kerja yang lain. Di antara inisiatif strategik untuk meningkatkan kecekapan termasuk peningkatan program tanaman semula kelapa sawit bagi meningkatkan profil usia tanaman,

menambah bank tanah dan meluaskan keupayaan hiliran bagi meningkatkan nilai produk-produk huluan.

Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan hiliran, FGV bercadang untuk menubuhkan satu perkongsian usaha niaga strategik dengan syarikat gergasi komoditi, Louis Dreyfus Commodities (LDC). Pada 14 Mei 2012, FGV telah memasuki satu memorandum persefahaman dengan LDC dengan tujuan usaha sama perdagangan dan pemasaran. Ini termasuk perjanjian komersil bagi mewujudkan rangka kerja yang menjadi asas kerjasama antara FGV dan LDC untuk meneroka peluang-peluang pelaburan dalam kegiatan hiliran berhubung dengan minyak sawit dengan tumpuan ke atas Negara China dan India.

Keputusan yang dibuat untuk menawar LDC sebagai rakan kongsi strategik dibuat setelah penyempurnaan kajian teliti, yang mengambil kira semua faktor keupayaan komersil dan sosial. Dari aspek keupayaan komersil, LDC adalah peneraju dalam pemprosesan produk pertanian dan perdagangan pelbagai jenis produk komoditi dunia termasuk benih dan produk sampingan minyak. Dari segi faktor sosial, LDC sering berurusan dengan Negara-negara yang majoriti penduduknya adalah umat Islam. Hari ini, 30 % daripada pasaran beras di Afrika dan 10 % keperluan bijiran di Asia Barat dan Afrika dibekalkan oleh LDC dan ini menunjukkan perkongsian terbuka dengan kedua-dua negara Islam dan bukan Islam.

LDC sekarang diterajui oleh Margarita Louis-Dreyfus, isteri bekas pengerusi LDC yang berketurunan Rusia. Beliau adalah pengerusi LDC dan merupakan pemegang saham terbesar LDC dengan kepentingan sebanyak 65 % dalam syarikat induk. Operasi harian LDC dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LDC, Serge Schoen seorang berketurunan Jerman. Entiti

global ini diasaskan di Eropah dan mempunyai operasi- operasi serantau yang kukuh di Amerika Utara, Amerika Selatan, Timur Tengah, Afrika dan Asia termasuk beberapa negara anggota QIC seperti Indonesia, Mesir, Cameroon, Ivory Coast dan United Arab Emirates (UAE).

Tuan Yang di-Pertua,

Menerusi perlaksanaan inisiatif-inisiatif strategik tersebut, FGV dijangka akan menjana keuntungan yang lebih tinggi dan stabil serta mampu untuk memberi pulangan yang sewajamnya kepada semua pemegang saham FGV pada selepas penyenaraianya. Di dalam perkembangan berkaitan lain, terdapat beberapa penganalisis dari bank-bank pelaburan utama menganggarkan nilai pasaran FGV boleh mencecah sehingga RM20 billion. Ini membuktikan bahawa sentimen pasaran adalah menggalakkan dan FGV akan menjadi faktor penarik di kalangan komuniti pelabur-pelabur dalam dan luar negara apabila disenaraikan pada 28 Jun 2012.

oooooooooooo

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
[SEPANG]

TARIKH :

SOALAN:

Y.B. Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sejauh manakah Kementerian telah melaksanakan 28 perakuan

Jawatankuasa Kerja Pelaksana Menangani Isu Beban Tugas Guru bagi menangani 14 isu beban tugas guru dan nyatakan bilangan Pembantu Tadbir N17 yang ditempatkan sebagai perintis pengurangan tugas perkeranian serta nyatakan impaknya

JAWAPAN

Tuan Yang dipertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menujuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG) pada Mac 2010. Jawatankuasa khas ini telah menjalankan kajian yang menyeluruh dengan mengadakan sesi perbincangan mulai Mac hingga Mei 2010 dengan pihak berkepentingan seperti kesatuan guru, pentadbir sekolah dan guru dengan berpandukan kepada Laporan Tugas dan Tanggungjawab Guru Tahun 2006, Pandangan dan Syor Kesatuan Guru dan Laporan Jawatankuasa Khas (Laporan Rahman Arshad 1996).

Hasil perbincangan tersebut satu laporan telah dikeluarkan dan didapati terdapat 14 isu sebagai penyumbang kepada beban tugas guru. Jawatankuasa ini telah

memperakuan 28 perakuan untuk dilaksanakan bagi menangani isu beban tugas guru. Daripada 28 perakuan tersebut, 18 perakuan telah diambil tindakan, termasuklah:

- i. Perancangan aktiviti hari Sabtu secara berjadual supaya tidak melebihi dua kali sebulan;
- ii. Penglibatan jurulatih luar kurikulum/sukan bertauliah bagi sekolah yang berkemampuan;
- iii. Penyelarasan bilangan pertandingan di peringkat zon/daerah/negeri;
- iv. Kajian kebolehlaksanaan sebelum satu-satu mata pelajaran baru dilaksanakan; dan
- v. Penempatan perjawatan baru sekiranya diluluskan oleh JPA seperti pembantu bengkel, warden asrama dan jurulatih utama kurikulum;

Selain itu, KPM juga masih menjalankan kajian rintis bagi penempatan membantu Tadbir N17 sehingga Jun 2012 untuk melihat impak penempatan Pembantu Tadbir secara lebih spesifik. Dapatan awal kajian menunjukkan impak yang signifikan dalam mengurangkan beban tugas perkeranian seperti memasukkan data dalam sistem, penyediaan surat-surat, pengisian borang-borang, membantu penganjuran program di sekolah, membantu tugas di Pusat Sumber Sekolah dan lain-lain tugas perkeranian.

Di samping itu, KPM akan memperkenalkan sistem pengurusan sekolah yang tunggal kemasukan data bagi menambahbaik sistem sedia ada pada masa ini yang menggunakan pelbagai sistem kemasukan data mulai tahun 2013.

Kementerian juga sedang melaksanakan program rintis simulasi penggabungan

jawatankuasa di sekolah. Program rintis tersebut dilaksanakan di 40 buah sekolah bermula 2 Mei hingga 30 Jun 2012.

Bagi mengenai kekerapan guru keluar berkursus atau bermesyuarat, KPM telah menyediakan draf surat siaran dan garis panduan pelaksanaan latihan secara *school based*.

Dalam mengurangi bilang ujian dan peperiksaan yang dilaksanakan di sekolah, surat siaran telah disediakan dan akan diedarkan kepada semua sekolah apabila mendapat kelulusan pengurusan tertinggi KPM.

Dengan usaha-usaha yang dilakukan ini, Kementerian berkeyakinan isu berkaitan beban tugas guru dapat diatasi.

Rjm 05

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
[RASAHL]

TARIKH : 11 JUN 2012

SOALAN:

TUAN LOKE SiEW FOOK (RASAHL) minta PERDANA MENTERI

QALAN NOIBCI

menyatakan status pelaksanaan oleh SPR terhadap cadangan-cadangan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkenaan Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya dan adakah proses bantahan semasa penamaan calon telah dimansuhkan seperti yang dicadangkan.

JAWAPAN: YB DATQ⁸ SERI SiOHAMBD MAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI DB JABATAN PERDAMA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada syor-syor Jawatankuasa untuk dilaksanakan pada Pilihan Raya Umum Ke-13, SPR telah mengambil tindakan-tindakan seperti yang berikut:

- (1) Mengadakan peruntukan undang-undang bagi maksud penggunaan dakwat kekal semasa pilihan raya umum dan pilihan raya kecil [Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012];
- (2) Mengadakan peruntukan undang-undang bagi maksud membenarkan orang yang dipercayai oleh Orang Kelainan Upaya (OKU) membantunya dalam urusan pengundian

QALAN NOIBCt

[Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya)

(Pindaan) 2012];

- (3) Mengadakan peruntukan undang-undang bagi maksud menjalankan pengundian awal; [Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 ^Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2012];

Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas media;

- (5) Melaksanakan pembersihan daftar pemilih secara berterusan untuk memastikan daftar pemilih yang kemas kini dan berwibawa;
 - (6) Mengadakan kerjasama erat berterusan dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Luar Negeri dalam urusan pendaftaran dan pembersihan daftar pemilih di samping kerjasama dengan pihak ketiga seperti MIMOS;
 - (7) Melaksanakan urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan selama 14 hari dan serta mengadakan peruntukan undang-undang menaikkan daripada 10 orang kepada 20 orang Orang Kena bantah (OKB) bagi setiap Pembantah;
 - (8) Menambah baik susun atur tempat mengundi untuk memastikan ketelusan proses pengundian dan memastikan kerahsiaan sesuatu undi;
 - (9) Memansuhkan proses bantahan pada hari penamaan calon dan tempoh penarikan balik pencalonan;
- SOALAN NO.8Q**
- (10) Mengadakam peruntukan undang-undang iaitu menetapkan

tempoh minimum sebelas hari di antara daripada hari penamaan dengan hari pengundian; dan

- (11) Memberi keutamaan pelantikan petugas pilihan raya daripada kalangan pemilih bagi kawasan berkenaan dan peruntukan undang-undang sedia ada memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas yang bertugas dan mengundi dalam kawasan pendaftaran yang berbeza.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan terhadap Peraturan 7 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) (No. 2) 2012 yang diwartakan pada 27 April 2012 dan mula berkuat kuasa pada 30 April 2012 memansuhkan peruntukan undang-undang membenarkan bantahan terhadap kertas penamaan semasa hari penamaan calon bagi suatu pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

\Jo- soAuAnJ NO-
AUM-:81-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN
BARU]**

TARIKH 11 JUN 2012

RUJUKAN 4764

SOALAN:

Dato¹ Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan tegas terhadap individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan yang terlibat di dalam rusuhan dan demonstrasi jalanan yang memusnahkan harta benda awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan yang terlibat di dalam rusuhan dan demonstrasi jalanan Kerajaan mempunyai undang-undang yang jelas untuk diambil tindakan ke atas mereka-mereka yang terlibat. Melalui Akta Perhimpunan Aman 2012 di bawah Seksyen(6)(2)(c)(g) dan Seksyen 7(a)(v) pihak pengajur dan peserta yang berada di perhimpunan tidak melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan tidak menyebabkan kerosakan kepada harta awam. Sekiranya sekatan dan syarat-syarat ini tidak dipatuhi, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 15(3) dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan juga boleh diambil ke atas pertubuhan-pertubuhan terlibat melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) yang menjalankan pemantauan terhadap pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan melalui pemeriksaan bernotis dan tidak bernotis yang dijalankan secara berkala demi untuk memastikan supaya pertubuhan-pertubuhan bergerak secara sihat dan berpandukan undang-undang negara, Sekiranya pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan bergerak dengan cara yang bertentangan dengan

undang-undang atau berusaha menjalankan aktiviti-aktiviti yang lain daripada tujuan-tujuan asal ia didaftarkan maka pertubuhan tersebut boleh dibatalkan pendaftarannya melalui Seksyen 13(1)(c)(iii) dan Seksyen 13(1)(c)(iv), Akta Pertubuhan 1966. Ahli Jawatankuasa pertubuhan juga boleh apabila disabitkan, penjara bagi tempoh tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya serta dilarang menganggotai sebarang pertubuhan bagi tempoh 5 tahun mengikut Seksyen 49, Akta Pertubuhan 1966.

Selain daripada itu, Y.B. Menteri Dalam Negeri boleh menggunakan peruntukan-peruntukan dalam Seksyen 5, Akta Pertubuhan untuk mengisyiharkan pertubuhan sebagai menyalahi undang-undang sekiranya pertubuhan digunakan untuk maksud yang memudaratkan atau yang bertentangan dengan kepentingan keselamatan, ketenteraman awam dan akhlak.

y0. SaAtAkJ'

~~NerAOF-rG2-~~

NerAOF-r

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH 11 JUN

2012

RUJUKAN

4765

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah tindakan yang akan diambil terhadap akhbar The New Straits Times (NST) yang baru-baru ini sengaja menyiarkan laporan palsu dan dakwaan yang tidak berasas terhadap Senator Australia, Nick Xenophon; dan
- (b) tidakkah Kerajaan merasakan tindakan NST ini akan menjaskan hubungan antara Malaysia dengan Australia.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan soalan.

Kementerian Dalam Negeri bertindak ke atas akhbar-akhbar berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Semua penerbitan berkala yang diberikan permit penerbitan sentiasa dipantau Kementerian agar tidak menyiarkan artikel atau laporan yang

~~menuduh~~ menuduh ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.

Akhbar New Straits Times telahpun menyiaran permohonan maaf secara terbuka pada 4 Mei 2012 apabila menyedari kesilapan menyiaran laporan yang tidak tepat terhadap Senator Australia, Nick Xenophon.

Tindakan permohonan maaf secara terbuka oleh akhbar ini adalah selaras dengan dasar keterbukaan media untuk memikul tanggungjawab terhadap penyiaran sesuatu artikel atau laporan serta membuat tindakan pembetulan ke atas penyiaran berita atau laporan yang tidak tepat.

PEM6ER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA T8AN CHANG
[BATU]

TARSKH : 11 JUN 2012

SOALAN:

TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU) minta PERDAMA HENTERS menyatakan

- (a) Sama ada Kerajaan bercadang membentangkan Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya baru bagi menggantikan lima pindaan yang ditarik balik pada bulan Mei; dan
- (b) Sama ada Kerajaan akan menjemput pihak pembangkang bagi membincangkan sebarang Rang Undang-undang Pilihan Raya atau pun perkara-perkara yang berkaitan selain daripada PSC.

SOALAN NO.80

JAWAPAN: YB DATO⁸ SERI HQHAMEP NAZRI ABDUL AZS2
MENTERI D§ JABATAN PERDANA MENTER8

Tuan Yang Di Pertua.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk membentangkan Rang Undang-Undang Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang telah ditarik balik

sehingga Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan datang.

- (b) Kerajaan bersedia untuk mengadakan perbincangan dengan mana-mana pihak yang berkenaan seperti parti-parti politik termasuk pihak pembangkang untuk mengadakan perbincangan berhubung peruntukan undang-undang yang berkaitan pilihantaya untuk mendapatkan sebarang pandangan dan cadangan sebelum memutuskan sebarang pindaan terhadap peraturan undang-undang sedia ada atau mengadakan peruntukan undang-undang baru untuk penambahbaikan proses pilihan raya di Malaysia.

II0. sa/IVAtf *
NQ.-MJM:-84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [
SHAH ALAM]**

DARIPADA : 11 JUN 2012

TARIKH : 4766

**RUJUKAN :
LISAN**

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa Tun Hanif Omar dipilih sebagai Penggerusi Jawatan kuasa penyiasat BERSIH 3.0 sedangkan beliau jelas berpihak dalam isu ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahii Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Pelantikan Tun Mohammed Haniff bin Omar sebagai Pengerusi Panel ini dibuat atas kepakaran dan pengalaman beliau yang luas termasuk sumbangan dan kredibiliti beliau dalam beberapa Suruhanjaya Diraja dan Panel-Panel Penyiasatan yang telah ditubuhkan sebelum ini seperti Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM pada tahun 2004 serta Panel Khas Pemantauan Siasatan Kes Kematian Aminulrasyid bin Hamzah pada tahun 2010. Hasil Suruhanjaya Diraja dan Panel Khas tersebut telah diterima baik oleh masyarakat dan ini jelas menunjukkan bahawa Y.A.Bhg. Tun tidak condong kepada mana-mana pihak dan kewibawaan beliau tidak seharusnya dipertikaikan.

Tuan Yang Dipertua,

Sukalah juga saya nyatakan di Dewan yang mulia ini, adalah wajar Y.A.Bhg. Tun serta ahli Panel yang lain diberi peluang terlebih dahulu untuk menjalankan tugas mereka sepertimana yang diamanahkan.

SOALAN NO: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 11 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tindakan majikan yang melanggar Akta Perusahaan 1967, di samping itu memberi keyakinan pada pemimpin kesatuan tentang hak mereka.

PR-1252-L49335

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Tindakan majikan yang melanggar Akta Perhubungan Perusahaan 1967 adalah di bawah Seksyen 4, 5 dan 7 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang berkaitan dengan penindasan, diskriminasi serta *union busting* dan boleh dilaporkan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan mengikut peruntukan Seksyen 8, Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

2. Berdasarkan statistik tahun 2011, Jabatan Perhubungan Perusahaan telah menerima 14 kes di bawah Seksyen 8 yang melibatkan tindakan majikan melanggar Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Daripada 14 kes yang difailkan ini, sejumlah 9 kes telah dirujukan ke Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan manakala 3 kes lagi telah berjaya diselesaikan di peringkat Jabatan. Hanya 2 kes sahaja yang tidak dirujukan ke Mahkamah Perusahaan.
3. Sekiranya terdapat perlanggaran terhadap Akta Perhubungan Perusahaan 1967, hak pemimpin kesatuan sekerja adalah melaporkannya di bawah Seksyen 8, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 kepada Pengarah Perhubungan Perusahaan. Jika telah diberhentikan kerja, pemimpin kesatuan sekerja boleh menfaillkan representasi di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dalam tempoh 60 hari daripada tarikh penamatkan.

SOALAN NO.83

PEMBERBTAHOAM PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MORAM LI
[KUALA KRAI]

TARIKH : 11 JUN 2012

SOALAN:

DR. MOHD HATTA BIN MB RAMLI (KUALA KRAI) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat apa-apa pindaan kepada peraturan pilihan raya khususnya berkaitan peraturan pengundi pos bagi membenarkan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara untuk mengundi secara pos. (Sekarang ini hanya pegawai konsulat, pelajar sepenuh masa dan isteri/suami kepada pelajar itu sahaja yang boleh mengundi secara pos).

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan

Proses Pilihan Raya ialah memberi kemudahan kepada rakyat

Malaysia di luar negara sama ada mengundi di Perwakilan Malaysia

atau secara pos. SPR telah bersetuju memberi kemudahan kepada

pengundi di luar negara yang tidak layak mendaftar sebagai

pengundi tidak hadir untuk mengundi secara pos tertakluk kepada

beberapa syarat tertentu yang ditetapkan. Bagi maksud

menetapkan syarat-syarat tersebut, SPR telah mengadakan

perbincangan lanjut dengan agensi-agensi berkenaan iaitu

Kementerian Luar Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan Poll's

DiRaja Malaysia dan sedang memuktamadkan syarat-syarat

tersebut serta snekanisme pelaksanaan syarat-syarat tersebut.

Di samping itu juga, SPR sedang melihat secara mendalam

berhubung aspek perundangan bagi membolehkan penetapan

syarat-syarat tersebut diguna pakai dan seterusnya membolehkan

pengundi-pengundi tersebut mengundi secara pos.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO SOALAN : 84

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE

TARIKH

11 JUN 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan punca wang dividen sebanyak RM1.69 bilion yang diperuntukan kepada peneroka FELDA sempena penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi fasa pertama pembayaran duit ‘durian runtuh’, ia dibiayai oleh FELDA dengan menggunakan dana dalaman sementara menerima imbuhan melalui penjualan saham FGV yang perlu disalurkan kepada FELDA selewatnya pada akhir Julai 2012. Pembayaran bagi fasa kedua dan ketiga pula akan menggunakan wang

imbuhan yang akan diterima daripada FGV yang dijangka akan mula dibayar pada Julai 2012. Pembayaran bagi fasa pertama sebanyak RM5.000 telahpun selesai dibayar pada Mei 2012.

oooooooooooooooooooo

NO SOALAN 1/

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

PERTANYAAN **Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)**
LISAN
TARikh **11.06.2012**

Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai langsung dan tidak langsung terlebih bayar yang terkumpul setakat ini dan apakah rancangan Kerajaan untuk menguruskannya dengan efisen serta masalah-masalah yang dihadapi sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai langsung yang terlebih bayar terkumpul sehingga tahun 2011 adalah sebanyak RM32 bilion. Dari jumlah ini, jumlah yang telah dibayar balik adalah sebanyak RM24 bilion. Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan cukai langsung tidak terlebih bayar adalah seperti berikut;

- i. Mendidik pembayar cukai mengemukakan amaun anggaran cukai yang perlu dibayar dengan lebih tepat dan membenarkan syarikat membuat pindaan anggaran cukai sebanyak dua kali iaitu pada bulan keenam dan bulan ke sembilan;
- ii. Memperkenalkan penggunaan kalkulator Potongan Cukai Berjadual (PCB) mulai tahun 2009 bagi pembayar cukai individu berpendapatan penggajian. Fungsi kalkulator PCB ialah membenarkan majikan mengambil kira

pelepasan-pelepasan lain yang tidak terdapat di dalam Jadual PCB; dan

iii. Membuat bayaran baiik cukai yang terlebih bayar tersebut dengan kadar segera bagi semua borang nyata cukai pendapatan yang lengkap,

3. Masalah yang dihadapi bagi menguruskan bayaran balik cukai terlebih bayar ini antaranya adalah seperti berikut:

i. Maklumat yang dikemukakan pada borang nyata cukai pendapatan tidak lengkap;

ii. Kesilapan dalam pengiraan taksiran cukai yang dikemukakan oleh pembayar cukai; dan

iii. Pembayar cukai tidak mengemukakan maklumat akaun bank dalam borang nyata cukai pendapatan bagi memudahkan pembayaran balik cukai dibuat secara *EFT (Electronic Fund Transfer)*.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, cukai tidak langsung dikutip berdasarkan kepada pengikraran yang dibuat oleh pembayar cukai dan ia adalah dianggap betul sehingga dibuktikan sebaliknya iaitu sama ada terkurang atau terlebih bayaran cukai. Antara situasi di mana cukai tidak langsung boleh menjadi terlebih bayar adalah seperti berikut:

i. Kesilapan pengikraran nilai kastam, nilai jualan bercukai atau nilai perkhidmatan bercukai;

ii. Kesilapan taksiran cukai berdasarkan kepada penjenisan ataupun penilaian yang tidak betul; dan

iii. Kesilapan pengiraan duti/cukai umpamanya penggunaan kadar pertukaran wang asing yang tidak betul.

5. Semua permohonan atau tuntutan pulangbalik cukai yang telah disahkan betul dan tepat akan dibayar kepada pihak pemohon atau penuntut. Justeru, bagi cukai tidak langsung, tidak wujudnya satu jumlah terlebih bayar yang terkumpul.

NO. SOALAN : 86

PERTANYAAN
DARIPADA

TARIKH

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA
LISAN
TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [
KUALA KEDAH]
11.06.2012 (ISNIN)

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan rasional di sebalik pelancaran kad diskaun bagi para pelajar yang disasarkan bakal disertai lebih daripada 20 syarikat:-

- (a) berapakah jumlah pelajar yang akan mendapat manfaat ini; dan
- (b) senaraikan syarikat-syarikat yang telah memberikan persetujuan untuk turut serta.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Rasional Pewujudan Kad Diskaun Pelajar

1. Kad Diskaun Pelajar merupakan idea dan permintaan yang dicetuskan oleh siswa sendiri menerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mereka. Ianya terhasil daripada Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) Bil.

2/2011 yang telah diadakan pada 21 November 2011 yang lepas dan dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Yassin, Timbalan Perdana Menteri. Menerusi pembentangan kertas kerja bertajuk "Rasionalisasi Pengurangan Subsidi" saudara Wan Ahmad Hazman, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), telah mencadangkan keperluan untuk mewujudkan kad diskaun pelajar sebagai langkah untuk meringankan beban mahasiswa akibat kenaikan harga barang.

Para pelajar akan dapat menikmati potongan harga antara 5% hingga 30% berserta terma dan syarat bagi mendapatkan barang dan perkhidmatan seperti buku, alat tulis, makanan dan minuman, produk kesihatan, barang keperluan dan lain-lain dari syarikat-syarikat yang terbabit secara sukarela. Ianya terpakai kepada pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta yang diiktiraf oleh Kerajaan dan diberikan secara percuma kepada pelajar warganegara Malaysia.

- (a) Berapakah jumlah pelajar yang akan mendapat manfaat ini; dan

Dengan wujudnya Kad Diskaun Pelajar ini, ianya dijangka akan memberikan manfaat kepada 1.5 juta pelajar IPT awam dan swasta seluruh negara.

- (b) Senaraikan syarikat-syarikat yang telah memberikan persetujuan untuk turut serta.

(i) Beberapa segmen perniagaan telah dikenalpasti dalam memastikan pelajar IPT mendapat diskaun yang menepati keperluan dan kehendak mereka. Segmen-segmen berkenaan adalah seperti perniagaan Buku dan Alat Tulis, Kelengkapan Sukan, Peralatan dan Pakaian, Makanan dan Minuman, Klinik Kesihatan, Optometri dan

Cermin Mata, Salun, Pusat dan Produk Kecantikan, Hotel, serta Kelengkapan dan Keperluan Harian.

KPDNKK masih berbincang dengan syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai program kad diskaun tersebut. Dijangkakan majlis pelancaran kad diskaun pelajar akan diadakan pada 25 Jun 2012 oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Sehingga kini terdapat 28 buah syarikat yang telah memberikan persetujuan untuk turut serta.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUABELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB
KADIR (KETEREH)**

TARIKH

11 Jun 2012

SOALAN

88

Yang Berhormat minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan cara pemberian tender membangun projek agropolitan di Kampung Gana dan rasional memperuntukkan RM60 juta kepada hanya kurang dari 3000 orang peserta untuk membangunkan penanaman getah dan kelapa sawit.

**Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) adalah merupakan satu program bersepadu dan komprehensif yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan luar bandar melalui peningkatan pendapatan, meningkatkan kualiti hidup serta mempercepatkan pembangunan di kawasan mundur, terpencil dan terbiar. Program ini juga turut berperanan sebagai salah satu program pembasmian kemiskinan dan melonjak pendapatan isi rumah di dalam kumpulan 40% terendah.

Pembangunan Projek Agropolitan Gana, Kota Marudu, Sabah, akan dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana yang akan dilantik oleh Kementerian dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah. Proses perolehan bagi setiap komponen projek pembangunan agropolitan yang akan dibangunkan adalah berasaskan tatacara perolehan kewangan semasa Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan pembangunan Projek Agropolitan Gana adalah secara

berperingkat. Antara komponen yang terlibat dalam pembangunan projek Agropolitan Gana ialah:

- i. Ladang sejahtera yang merangkumi penanaman getah seluas 491 hektar;
- ii. Ladang komersial;
- iii. Pembangunan kawasan petempatan meliputi 450 unit rumah PBR bagi 450 orang Ketua Isi Rumah (KIR);
- iv. Bengkel dan Gerai Perniagaan
- v. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB);
- vi. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB);
- vii. Projek Jalan Luar Bandar (JALB);
- viii. Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD);
- ix. Jalan Dalam Petempatan;
- x. Rumah Ibadat;
- xi. Tadika;
- xii. Dewan Orang Ramai; dan
- xiii. Gelanggang Permainan.

Memandangkan Kg. Gana terletak di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai jalan masuk yang bertar dan kawasan yang berbukit bukau, maka kos pembangunannya adalah

lebih tinggi berbanding dengan kawasan lain yang mempunyai kemudahan asas dan bentuk muka bumi yang lebih rata.

Selain itu, liputan peserta dan penduduk yang akan mendapat manfaat langsung daripada pembangunan projek ini ialah dijangka melebihi 3,000 orang termasuk ahli isi rumah miskin tegar dan penduduk yang tinggal di kawasan persekitaran. Pelaksanaan Projek Agropolitan Gana ini kelak akan memberikan impak pembangunan yang besar dan peningkatan pendapatan dan sekaligus mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan serta peningkatan kemudahan infrastruktur yang lebih baik dan selesa.

PBgV88BRITAHUAN PERTANYAAN DEWAM RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJSROL

TARIKH : 11 JUN 2012

SOALAN:

Datuk Juslie Bin AjieS [Libaran] minta PERDAMA MENTERI menyatakan jumlah pelajar Malaysia yang mendapat keputusan cemerlang di universiti luar negara dari tahun 2008 hingga 2011.

Bagi tahun 2008 hingga 2011, seramai 5,862 pelajar tajaan JPA di luar negara telah berjaya menamatkan pengajian dengan jaya

NO. SOALAN:90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]

TARIKH

11 JUN 2012

SOALAN

Y.B. Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah penduduk Bukit Gantang yang terlibat dengan Projek Lebuh Raya Pantai Changkat Jering-Klang, serta berapakah anggaran ganti rugi yang akan dibayar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat dari Taiping ke Banting yang turut melalui Changkat Jering dan Klang akan dilaksanakan secara penswastaan dan sedang dalam proses rundingan. Kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa sebarang pembangunan dan pembinaan infrastruktur memberikan kemudahan kepada Rakyat dan tidak menyusahkan Rakyat. Oleh yang demikian, sekiranya ada penduduk Bukit Gantang yang terlibat dengan pembinaan lebuhraya ini kelak maka segala langkah-langkah keselamatan akan diambil serta akan dibayar ganti rugi setimpal sekiranya terlibat dalam proses pengambilan balik tanah.

SOALAN NO: 91

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA YB. TUAN FONG KUI LUN [
BUKIT BINTANG]**

TARIKH ISNIN, 11 JUN 2012

RUJUKAN 02 [PR-1252-L49525]

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan

- (a) apakah fungsi sebenar Dataran Merdeka, permohonan-permohonan yang diterima dan ditolak untuk menggunakan dataran, sebab-sebab penolakan; dan
- (b) mengapakah permohonan pengajur Perhimpunan Bersih 3.0 Duduk Bantah ditolak sedangkan sewaktu dipohon ia dinyatakan perhimpunan aman pada 28 April 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Dataran Merdeka merupakan salah satu kawasan *iconic* di mana ramai dikunjungi oleh para pelancong samada pelancong dalam negeri ataupun luar negeri. Oleh kerana kawasan Dataran Merdeka agak luas dan berhadapan dengan Bangunan Sultan Abdul Samad yang juga merupakan bangunan bersejarah, Dataran Merdeka menjadi tempat di mana aktiviti-aktiviti yang bercorak nasional seperti sambutan Hari Kemerdekaan, sambut Hari Wilayah Persekutuan, sambutan Hari Polis dan Tentera diadakan.

Selain dari itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga membenarkan aktiviti-aktiviti yang boleh mengeratkan perpaduan kaum dalam bentuk sukan, rekreasi atau kebudayaan diadakan di Dataran Merdeka.

Dalam menguruskan Dataran Merdeka, DBKL berpandukan kepada Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka) (WPKL) 1992 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Dari bulan Januari 2012 sehingga Jun 2012 DBKL telah menerima sebanyak 23 permohonan dari pelbagai pihak. Dari jumlah tersebut, 16 permohonan diluluskan dan 7 ditolak. Sebab-sebab penolakan adalah kerana acara yang hendak dijalankan tidak selaras dengan penggunaan Dataran Merdeka yang cuma untuk acara-acara bertaraf nasional dan acara-acara kebudayaan, rekreasi dan sukan yang

bertujuan mengeratkan perpaduan dan interaksi antara kaum di Kuala Lumpur.

Berhubung dengan penganjur Perhimpunan Bersih 3.0, permohonan ditolak oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana aktiviti yang akan diadakan tidak selaras dengan penggunaan Dataran Merdeka. Dataran Merdeka hanya boleh digunakan untuk acara-acara bertaraf nasional seperti sambutan Hari Kemerdekaan, sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan lain-lain acara-acara yang boleh mengeratkan perpaduan kaum seperti kebudayaan, rekreasi dan sukan.

Soalan No : 92

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]

TARIKH 11 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan bilakah Kerajaan akan membina SK Tanjong baru untuk menggantikan yang sedia ada yang dihakis oleh Sungai Limbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan mengemukakan cadangan gantian penuh bagi SK Tanjung di tapak baru dalam *Third Rolling Plan* (3RP) RMKe-10. Cadangan projek dalam 3RP ialah gantian penuh iaitu 6 bilik darjah dan lain-lain kemudahan, Asrama 100 murid (50 Lelaki, 50 Perempuan) dan lain-lain kemudahan, rumah Guru 7 unit (Kelas F) dan lain-lain kemudahan. Walau bagaimanapun, kelulusan projek tersebut adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Rjm06

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

11 JUN 2012 [ISNIN]

DARIPADA

**Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD
TAIB [BALING]**

SOALAN :

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kuota haji setiap tahun mulai 2008 hingga 2012.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kuota jemaah haji Malaysia bagi tahun-tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti berikut:-

Tahun	Bil. Kuota
2008	26,000
2009	26,000
2010	26,000
2011	27,900
2012	27,900

Peningkatan jumlah kuota pada tahun 2011 adalah berikutan peningkatan jumlah penduduk Malaysia yang direkodkan oleh Daftar Penduduk Dunia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dari 26 juta kepada 27.9 juta penduduk.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : [94]
PR-1252-
L49552

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
JAWAB LISAN**

PERTANYAAN :

DARIPADA YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH 11 JUN 2012

SOALAN YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[Selayang] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan kesan kepada kepentingan Malaysia
yang timbul daripada pertikaian antara China dan
Filipina ke atas Kepulauan Spratlys dan cadangan
kerajaan untuk mengelakkan perang antara
kedua-dua negara.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk memberikan jawapan secara serentak kepada dua (2) pertanyaan-pertanyaan yang menyentuh mengenai isu yang sama daripada:

- Yang Berhormat Selayang bertarikh 12 jun 2012; dan
 - Yang Berhormat Tangga Batu bertarikh 14 Jun 2012;
2. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.
3. Seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, wujud tuntutan bertindih kawasan maritim dan tuntutan bertindih ke atas ciri-ciri geografi di kawasan maritim seperti pulau, terumbu dan sebagainya yang terletak di kawasan Laut China Selatan. Tuntutan bertindih di Laut China Selatan ini melibatkan Malaysia, Vietnam, Brunei Darussalam, Filipina dan Republik Rakyat China. Kawasan yang dirujuk sebagai Spratly dari segi geografinya terletak di bahagian selatan Laut China Selatan.

4. Kerajaan sentiasa peka dan memberikan perhatian yang khusus terhadap sebarang perkembangan di Laut China Selatan dan tindakan-tindakan yang bersesuaian sentiasa diambil bagi memastikan kepentingan negara di kawasan tersebut terpelihara. Berhubung dengan tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian bahawa ianya wajar diselesaikan di meja rundingan. Dalam forum-forum antarabangsa, Malaysia sentiasa menegaskan bahawa dialog secara aman (*peaceful dialogue*), saling memahami dan menghormati antara satu sama lain adalah sangat penting dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa negara-negara ASEAN dan Republik Rakyat China telah menandatangani dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Melalui Deklarasi ini, pihak-pihak yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan bertekad untuk mencari penyelesaian secara damai melalui perundingan berdasarkan peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah *United Nations Convention on the Law of the Sea* 1982. Dalam masa yang sama, usaha-usaha bagi membina keyakinan (*confidence building*) di antara negara-negara yang terlibat

turut dilaksanakan.

6. Malaysia menyokong sepenuhnya usaha-usaha ke arah mengurangkan konflik di Laut China Selatan di samping memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara dan kedaulatan wilayah negara dapat dizahirkan. Malaysia berpandangan bahawa semua pihak seharusnya berpegang kepada prinsip dan semangat DOC dan peruntukan-peruntukan undang-undang antarabangsa yang berkaitan termasuklah *United Nations Convention on the Law of the Sea* 1982 di dalam menangani sebarang perbezaan pandangan dan seterusnya mengelak situasi yang boleh menggugat keamanan di Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

KAWASAN MACHANG
TARIKH 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN:

YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) jumlah keuntungan sebenar semua syarikat konsesi tol lebuh raya di Malaysia sepanjang tempoh 2010 hingga 2012; dan

- (b) jumlah pampasan yang dibayar oleh kerajaan kepada syarikat konsesi lebuh raya ekoran penutupan beberapa tol dalam tempoh 2008 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Audit Penyata Kewangan syarikat-syarikat konsesi untuk tahun 2011 dan 2012 masih lagi belum dimuktamadkan. Sehubungan itu, berdasarkan Laporan Audit Penyata Kewangan 2010, jumlah keuntungan/(kerugian) selepas cukai untuk syarikat-syarikat konsesi lebuh raya-lebuh raya yang beroperasi di negara ini adalah seperti berikut::

NO.	LEBUHRAYA	JUMLAH KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)
1.	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN (PLUS)	1,367.5
2.	LEBUHRAYA SEREMBAN-PORT DICKSON (SPDH)	
3.	JAMBATAN PULAU PINANG (PBSB)	(12.0)
4.	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN HUBUNGAN TENGAH (ELITE)	71.9
5.	LEBUHRAYA LALUAN KEDUA MALAYSIA SINGAPURA (LINKEDUA)	(16.5)
6.	LEBUHRAYA BUTTERWORTH - KULIM (KLBK)	6.4
7.	LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - KARAK (KLK)	85.1
8.	LEBUHRAYA JALAN DAN JEJAMBAT KUALA LUMPUR (METRAMAC)	33.7
9.	LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 1 (LPT 1)	59.0
10.	LEBUHRAYA SHAH ALAM (KESAS)	40.5
11.	LEBUHRAYA CHERAS - KAJANG (GRAND SAGA)	45.2

NO.	LEBUHRAYA	KEUNTUNGAN(KERUGIAN) : TAHUN 2010 (RM' JUTA)
12.	LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BESRAYA)	17.9
13.	LEBUHRAYA DAMANSARA- PUCHONG (LITRAK)	108.5
14.	LEBUHRAYA TINGKAT AMPANG - KUALA LUMPUR (PROLINTAS)	20.0
15.	LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN TRAFIK KL- BARAT(SPRINT)	(44.6)
16.	LEBUHRAYA PINTAS SELAT KELANG UTARA BARU (NNKSB)	(47.6)
17.	LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN LINGKARAN KAJANG (SILK)	(26.2)
18.	LEBUHRAYA SHAH ALAM - KUANG (GUTHRIE)	(15.8)
19.	LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE)	40.9
20.	PROJEK PENGURUSAN TEROWONG & BANJIR (SMART)	27.4
21.	LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH (BORG)	(8.9)
22.	LEBUHRAYA KL-PUTRAJAYA (MEX)	(3-3)
23.	LEBUHRAYA KAJANG -SEREMBAN (LEKAS)	(27.5)
24.	LEBUHRAYA DUTA-ULU KELANG (DUKE)	(34.1)
25.	LEBUHRAYA SENAI - DESARU (SDE)	(24.2)
26.	LEBUHRAYA KEMUNING-SHAH ALAM (LKSA)	(28.7)
27.	LEBUHRAYA LEMBAH KELANG SELATAN (SKVE)	(11.9)

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tempoh dari tahun 2008 hingga kini, terdapat 4 lebuh raya yang terlibat dengan pemansuhan plaza tol, di mana ia melibatkan pampasan tunai sebanyak RM304.05 juta kepada Kerajaan, iaitu seperti berikut:

BIL	LEBUH RAYA	PLAZA TOL, TARikh PEMANSUHAN KUTIPAN TOL	IMPLIKASI PAMPASAN TUNAI (RM 'JUTA)
1.	LEBUH RAYA BARU PANTAI (NPE)	Plaza Tol PJS2 (Arah Kuala Lumpur), 14 Februari 2009	183.5
2.	LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BESRAYA)	Plaza Tol Salak Jaya, 24 Februari 2009	- tiada -
3.	LEBUHRAYA METRAMAC	Plaza Tol Cheras (Arah Cheras dan Petaling Jaya), 16 Mei 2011	- tiada -
4.	LEBUHRAYA CHERAS KAJANG (GRAND SAGA)	Plaza Tol Batu 9 (Arah Kuala Lumpur) & Plaza Tol Batu 11 (Arah Kajang), 2 Mac 2012	120.55
JUMLAH PAMPASAN TUNAI			304.05

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 11 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan

- (a) adakah cadangan untuk membina suatu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) baru di bandar Sg.Siput dalam tempoh RM Ke-10; dan
- (b) apakah amaun yang diperuntukkan bagi tahun 2012 untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan (repair) bagi SRKJ (T) Gandhi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan No : 92

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKT baharu di Sungai Siput, Perak adalah termasuk dalam enam buah SJKT baharu yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Buat masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengenal pasti dan mengkaji kesesuaian tapak serta kos pembinaan untuk SJKT tersebut.
- b) Di bawah Pakej Ransangan Khas (PRK) 2012, SJKT Mahathma Gandhi Kalasalai diperuntukkan sebanyak RM 50,000.00 bagi skop penyelenggaraan bangunan.

Rjm 07

NO. SOALAN" 07

PEMBERgTAHUAN PERTANYAAM DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LiSAN

DARIPADA : DATUK BUNG SVIOKTAR BIN RADEM

TARIKH : 11 JUN 2012(ISNIN)

SOALAN :

Datuk Bung **Moktar** bin Raden [Kirtabatangan] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) langkah Kerajaan dalam menghadapi reaksi Majlis Peguam yang bersikap " *unprofesional!*" dalam EGMnya pada baru-baru ini; dan

- (b) cadangan penubuhan Akademi Peguam yang bertujuan membuka keahliannya kepada pihak yang mempunyai latar belakang undang-undang dan bukannya terbatas kepada golongan peguam.

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia adalah mengambil kira keperluan mewujudkan sebuah badan yang boleh mewakili anggota profession undang-undang secara lebih menyeluruh termasuk dari kalangan anggota kehakiman, ahli akademik, pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara, bekas hakim, penasihat undang-undang syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Antara cadangan fungsi Akademi Undang-Undang Malaysia ini adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan *standard* yang tinggi dalam perlakuan dan pengetahuan anggota profession undang-undang di Malaysia, menggalakkan peningkatan dan penyebaran pengetahuan undang-undang serta mengadakan pendidikan undang-undang yang berterusan bagi anggotanya. Selain itu, Akademi ini akan menjadi medium bagi individu yang mempunyai pengetahuan undang-undang tetapi tidak menjadi pengamal undang-undang untuk turut memberi pandangan serta berkongsi kepakaran dalam isu-isu berkaitan undang-undang. Ini secara tidak langsung akan menjadikan sumber rujukan undang-undang lebih meluas berbanding sebelum ini. Penubuhan Akademi ini akan dilaksanakan melalui cadangan Rang Undang-Undang Akademi Undang-Undang Malaysia.

SOALAN 98

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH
MERAH]**

TARIKH

11 JUN 2012

SOALAN

Meminta MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:

- a) Secara terperinci jumlah pelancong yang memasuki negara ini melalui pintu masuk di Bukit Bunga dan Rantau Panjang sepanjang tahun 2008 hingga 2011; dan

- b) Apakah perancangan yang ingin dilakukan bagi meningkatkan lagi jumlah kemasukan pelancong bagi kedua-dua pintu masuk tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Tanah Merah, data ketibaan pelancong asing yang diterima oleh Kementerian Pelancongan daripada Jabatan Imigresen Malaysia adalah jumlah keseluruhan pelancong asing dari negara asal mereka dan tidak berdasarkan pintu-pintu masuk negara. Oleh itu, jumlah pelancong Thailand yang datang ke Malaysia dari 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:
- | | |
|-----------|-----------------|
| i) 2008 | 1,493,789 orang |
| ii) 2009 | 1,449,262 orang |
| iii) 2010 | 1,458,678 orang |
| iv) 2011 | 1,442,048 orang |
- b) Pihak Kementerian melalui Tourism Malaysia mempromosikan pelancongan negara secara '*macro holistic*' melalui kempen Malaysia Truly Asia yang telah berjaya menjadi penjenamaan (*branding*) pelancongan negara di peringkat global. Untuk itu, promosi-promosi pelancongan negara di Thailand termasuk di wilayah-wilayah Thailand di sempadan Kelantan, antaranya adalah seperti berikut:
- i) Menyiarkan iklan dan membuat kempen pelancongan negara secara taktikal di televisyen-televisyen di Thailand seperti Discovery Channel dan Star Channel;

- ii) Menyediakan risalah-risalah pelancongan yang mempromosikan produk-produk pelancongan tempatan khususnya Negeri Kelantan yang diedarkan di pejabat-pejabat Tourism Malaysia dan Pusat Informasi Pelancongan (TIC);
- iii) Mengadakan seminar-seminar berkenaan pelancongan negara kepada pengusaha-pengusaha pelancongan Thailand bagi memperbanyakkan lagi pakej-pakej pelancongan oleh mereka ke Malaysia;
- iv) Menganjurkan program '*Familiarization Trip*' dengan menjemput pengusaha pelancongan dan media asing dari Thailand dalam mengadakan lawatan ke tempat pelancongan yang menarik melalui program dan aktiviti pelancongan di negeri Kelantan;
- v) Mempromosi Malaysia melalui laman sesawang rasmi Tourism Malaysia (www.tourismmalaysia.gov.mv); dan
- vi) Promosi oleh Tourism Malaysia Kelantan ke atas Rantau Panjang dan Bukit Bunga sebagai destinasi membeli-belah seperti Zon Bebas Cukai. Kedua-dua lokasi ini juga sentiasa dimasukkan sebagai lokasi lawatan produk dalam itinerari yang dicadangkan.

PERTANYAAN PEMBERITAHU PERTANYAAN
DARIPADA DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
KAWASAN LISAN
TARIKH NO. YB. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING
SOALAN 11.6.2012 (ISNIN)

99

YB. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan swasta pada tahun 2011 dan kadar pertumbuhannya, berjayakah strategi yang dirancang oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat pertumbuhan pelaburan swasta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Kerajaan telah mensasarkan pelaburan purata sebanyak RM115 bilion setahun bagi tempoh 2012 hingga 2015. Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula, Kerajaan telah mensasarkan pelaburan swasta sebanyak 92% daripada RM1.4 trilion pelaburan yang diperlukan untuk 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dari tahun 2010 hingga 2020. Jumlah ini dijangka mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan baru dan menghasilkan Pendapatan Kasar Negara Perkapita sebanyak US\$15,000 untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi.

Daripada jumlah pelaburan swasta tersebut, pelaburan domestik (DDI) disasar menyumbang 73% dan 27% lagi adalah pelaburan asing (FDI).

Selaras dengan sasaran ETP dan RMKe-10, sejumlah RM154.6 bilion pelaburan telah diluluskan dalam sektor utama, sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan bagi tahun 2011 berbanding RM105.6 bilion pada tahun 2010 dan RM104.8 bilion pada tahun 2009. Jumlah pelaburan yang diluluskan adalah dalam 4,964 projek dan ianya dijangka menjana 149,496 peluang pekerjaan.

Pecahan pelaburan swasta yang diluluskan pada tahun 2011 adalah:

- RM86.5 bilion (55.9%) adalah DDL manakala RM68.1 bilion (44.1%) adalah FDI; dan
- RM87.4 bilion (56.5%) adalah daripada sektor NKEA, manakala RM67.2 bilion (43.5%) adalah daripada sektor bukan NKEA.

Pelaburan swasta yang diluluskan sebanyak RM154.6 bilion

tersebut telah mengatasi purata sasaran pelaburan tahunan RM115 bilion yang ditetapkan di bawah RMKe-10 sebanyak 34.4 peratus. Ini adalah suatu pencapaian besar bagi tahun pertama pelan *roll-out* ETP dan menunjukkan bahawa Malaysia mengikut iadual untuk mencapai sasaran pelaburan yang ditetapkan di bawah ETP menjelang 2020 yang akan mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi.

Adalah penting juga diperhatikan bahawa pelaburan sebenar swasta juga telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagi tahun 2011, pelaburan sebenar swasta telah mencecah sebanyak RM94 bilion, melangkaui sasaran tahun 2011 sebanyak RM83 bilion.

Berdasarkan prestasi pelaburan yang diluluskan dan pelaburan sebenar swasta, adalah ielas bahawa Malaysia mengikut jadual dan berada di landasan yang betul dalam usaha mencapai matlamat pelaburan swasta yang ditetapkan di bawah RMKe- **10**.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN SOALAN NO: 100

PERTANYAAN
DARIPADA

JAWAB LISAN
TUAN MANQGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]

TARIKH

11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN

100

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta
MENTERI

PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

- (a) sejak kebelakangan ini didapati program-program yang dikhkususkan untuk kaum Cina dan India makin berkurangan di saluran RTM, TV1 dan TV2. Mengapakah perkara ini berlaku; dan
- (b) jika tidak, nyatakan program-program yang disiarkan khususnya untuk kaum Cina dan India mengikut hari dan masa siaran di RTM TV1 dan TV2.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Dakwaan yang mengatakan bahawa program bagi komuniti Cina dan India semakin berkurangan di saluran TV2 Radio Televisyen Malaysia (RTM) adalah tidak benar. Pada tahun 2012, TV2 telah menyiarakan 22%

SOALAN NO: 100

rancangan berbahasa Cina dan 17% rancangan berbahasa Tamil. Peratusan ini meningkat berbanding penyiaran pada tahun 2011, 20% rancangan berbahasa Cina dan 14% rancangan berbahasa Tamil.

Pada tahun 2012, TV2 telah menyiarkan 22 peratus rancangan berbahasa Cina dan 17 peratus rancangan berbahasa India. Peratusan ini semakin meningkat berbanding 20 peratus bagi rancangan Cina dan 14 peratus bagi rancangan India pada tahun 2011. Selain itu, TVi yang bersiaran melalui saluran 180 ASTRO pula menyiarkan 1.7 peratus rancangan berbahasa Cina dan 1.7 peratus rancangan berbahasa Tamil. Ini menjadikan jumlah rancangan berbahasa Cina yang disiarkan oleh semua saluran TV RTM kepada 23.7 peratus dan rancangan Tamil sebanyak 18.7 peratus.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
 LISAN
DARIPADA YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN
 OTHMAN
KAWASAN PENDANG
TARIKH NO. 11.6.2012 (ISNIN)
SOALAN 101

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan mengikut negeri yang masuk ke dalam negara sepanjang tahun 2011 dan Q1 tahun 2012 dan senaraikan negara-negara yang melabur serta jumlah pelaburan masing-masing.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2011, sejumlah RM154.6 bilion pelaburan telah diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi negara. Pecahan mengikut sektor adalah seperti berikut:

- sektor perkhidmatan dengan pelaburan sebanyak RM70.4 bilion:
- sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM56.1 bilion; dan
- sektor utama dengan pelaburan sebanyak RM28.1 bilion:

Bagi tempoh yang sama, sejumlah 846 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM56.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM34.1 bilion (60.8%) merupakan pelaburan asing, manakala RM21.9 bilion (39.2%) adalah pelaburan domestik.

Pecahan pelaburan mengikut negeri bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

- Pulau Pinang dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9.1 bilion:
- Selangor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM8.7 bilion:
- Sarawak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM8.5 bilion:
- Johor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.6 bilion;

- Kedah dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.1 juta;
- Negeri Sembilan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.9 bilion;
- Melaka dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.4 bilion;
- Pahang dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3 bilion;
- Terengganu dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.4 bilion;
- Perak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM984.9 juta;
- Sabah dengan jumlah pelaburan sebanyak RM921.4 juta;
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah pelaburan sebanyak RM307.6 juta;
- Kelantan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM128.6 juta; dan
- Perlis dengan jumlah pelaburan sebanyak RM23.3 juta.

Bagi tahun 2011, negara sumber utama pelaburan asing adalah:

- Jepun (RM10.1 bilion);
- Republik Korea (RM5.2 bilion);
- Amerika Syarikat (RM2.5 bilion);
- Singapura (RM2.5 bilion); dan
- Arab Saudi (RM2.2 bilion).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2012 pula, sejumlah RM35.1 bilion pelaburan telah diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi negara. Pecahan mengikut sektor adalah seperti berikut:

- sektor perkhidmatan dengan pelaburan sebanyak RM17.6 bilion.
- sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM15.1; dan
- sektor utama dengan pelaburan sebanyak RM2.4 bilion: billion.

Bagi tempoh yang sama, sejumlah 184 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM15.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM5.9 bilion (39%) merupakan pelaburan asing, manakala RM9.2 bilion (61%) adalah pelaburan domestik.

Pecahan pelaburan mengikut negeri bagi tempoh Januari hingga Mac 2012 adalah seperti berikut:

- Sabah dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.6 bilion;
- Selangor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.9 bilion;
- Johor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2 bilion;
- Terengganu dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.4 bilion;
- Perak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1 bilion;

- Pulau Pinang dengan jumlah pelaburan sebanyak RM878.4 juta;
- Sarawak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM429.3 juta;
- Negeri Sembilan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM420.8 iuta;
- Pahang dengan jumlah pelaburan sebanyak RM307.7 iuta;
- Melaka dengan jumlah pelaburan sebanyak RM90.5 iuta;
- Kedah dengan jumlah pelaburan sebanyak RM84.3 iuta;
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah pelaburan sebanyak RM20.6 iuta; dan
- Kelantan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.5 iuta.

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2012, negara sumber utama pelaburan asing adalah:

- Jepun (RM1.2 bilion);
- Perancis (RM693 juta);
- Singapura (RM665.5 juta);
- Belanda (RM552.8 juta); dan
- Republik Korea (RM512.3 iuta).

•NOTAUM H-Q-7-

werOTp-r

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY IS
AMY [BATU KAWAN]
DARIPADA 11 JUN 2012
4768
TARIKH
RUJUKAN
LISAN

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik bilangan pemohon-pemohon bagi pendaftaran lewat Sijil Kelahiran serta Kad Pengenalan dan anggaran jumlah rakyat Malaysia yang masih tidak mempunyai dokumen-dokumen sah termasuk Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan mengikut kaum, jantina dan umur di Negara.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendaftaran lewat kelahiran bagi tahun 2010 hingga 31 Mei 2012 adalah sebanyak 63,031.

Manakala daftar lewat Kad pengenalan yang diterima sehingga 31 Mei 2012 adalah sebanyak 77,885.

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya menyimpan maklumat bagi individu yang mendaftar dengan JPN sahaja. Sehubungan dengan itu, maklumat bagi individu yang tidak mendaftar bukan dalam bidang kuasa JPN. Daftar-daftar yang tersimpan di JPN merupakan rekod yang dikumpul berdasarkan undang-undang semasa yang berkuatkuasa dan ditadbir oleh JPN. Sebagai contoh, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) dimana daftar tersebut merupakan rekod-rekod yang menyimpan butir-butir kelahiran dan kematian.

Sehubungan dengan itu, anggaran jumlah rakyat Malaysia yang masih tidak mempunyai dokumen-dokumen sah mengikut kaum, jantina dan umur tidak dapat dibekalkan.

Soalan No : 92

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]

TARIKH

: 11 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan berapakah jumlah kes jenayah yang melibatkan pelajar- pelajar sekolah

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Purata jumlah murid yang terlibat dengan kes jenayah dalam tempoh 5 tahun (2007 hingga 2011) adalah pada kadar 1829 (0.03%) orang. Untuk makluman, kes jenayah yang dimaksudkan adalah salah satu kategori salah laku murid di peringkat sekolah.

Rjm08

NO, SOALAN: 104

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO³ ZULKIFLI BIN NOORD1N

TARIKH : 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN :

Dat^{©5} Zulkifli bio Moordsn | Kulim Bandar Baru] minta PERDANA WSENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah badan atau badan-badan guaman berasingan yang mempunyai fungsi, kuasa dan bidang kuasa sama seperti Malaysian Bar atau Majlis Peguam seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Guaman 1976/Legal Profesional Act (Akta 186) untuk membolehkan para peguam mempunyai pilihan untuk menyertai badan guaman pilihan mereka sesuai dengan semangat demokrasi, hak memilih dan kebebasan hak asasi seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat dan lain-lain negara maju.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, bagi pengamal undang-undang, keahlian dalam Akademi Undang-Undang Malaysia bukanlah merupakan opsyen kepada keahlian dalam Majlis Peguam. Seksyen 43, Akta Profession Undang-Undang 1978 tetap menyatakan seperti berikut:

“Peguam Bela dan Peguam Cara ialah ahli Bar Tiap-tiap peguam bela dan peguam cara menjadi ahli Bar Malaysia tan

pa dipilih, dimasukkan atau dilantik dan berterusan menjadi ahli di bawah seksyen ini selama dia mempunyai suatu sijil amalan yang sah.”

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia adalah mengambil kira keperluan mewujudkan sebuah badan yang boleh mewakili anggota profession undang-undang secara lebih menyeluruh termasuk dari kalangan anggota kehakiman, ahli akademik, pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara, bekas hakim, penasihat undang-undang syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Akademi yang dicadangkan ini tidak akan menyentuh perjalanan badan-badan lain seperti Majlis Peguam yang keanggotaannya terhad kepada peguam bela dan peguam cara di Semenanjung Malaysia, mahupun Persatuan Pegawai Kehakiman dan Perundangan, Persatuan Undang-Undang Sabah atau Persatuan Peguam Bela Sarawak.

Sekian, terima kasih.

Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [SVSas Gadsng] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa rakyat Malaysia, kaum bumiputra dari Sabah dan Sarawak diiktirafkan sebagai bangsa lain-lain dalam borang-borang rasmi Kerajaan. Bolehkah mereka dikategorikan sebagai kaum bumiputera Sabah/Sarawak.

SOALAN

JAWAPAN: DATO⁸ SERIBVBOHAIVBEDNAZR1ABDULAZIZ
HEMTER1 DI JABATAN PERDANA iiENTERi

Tuan Yang di-Pertua,

Istilah ‘bumiputera’ secara spesifiknya tidak ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang di Malaysia.

Secara amnya, Kerajaan sering merujuk istilah ‘bumiputera’ sebagai wargansgera Malaysia yang terdiri daripada 3 kategori iaitu-

- (a) “Orang Melayu” yang ditakrifkan dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;
- (b) “Anak negeri” Sabah dan Sarawak yang ditakrifkan dalam FasaB (8) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan: dan
- (c) “Orang asli” yang ditakrifkan dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.

Fasal (6) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tafsiran “anak negeri” bagi Sabah dan Sarawak. Di Sarawak, anak negeri bermaksud seseorang yang merupakan warganegara yang tergolong dalam salah satu daripada ras (*races*) yang dinatakan dalam Fasal 17) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan sebaqi ras asli bagi Negeri itu atau yang berketurunan campuran yang berasal semata-mata daripada ras-ras tersebut.

Ras-ras yang dikira sebagai ras asli bagi Sarawak, seperti yang disenaraikan di bawah Fasal (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lism, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

Oleh yang demikian, mana-mana orang daripada ras-ras tersebut adalah termasuk di bawah maksud ‘anak negeri’ bagi negeri Sarawak dan pada lazimnya dianggap sebagai seorang yang berstatus bumiputera. Mana-mana orang yang tidak tergolong dalam takrif ‘anak negeri’ tidak diambil kira sebagai kaum bumiputera Sarawak.

“Anak negeri” bagi Sabah pula ditafsirkan sebagai seseorang yang

merupakan warganegara, anak atau cucu kepada seorang daripada suatu ras asli bagi Sabah dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) sama ada di Sabah atau dengan bapanya berdomisil di Sabah pada masa kelahiran tersebut (Subfasal (6)/(b) Perkara 181A Perlembagaan Persekutuan).

Oleh yang demikian, seseorang itu akan dianggap sebagai bumiputera bagi negeri Sabah hanya jika dia termasuk dalam takrif “anak negeri” seperti yang dinyatakan dalam Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, berdasarkan tafsiran “anak negeri” bagi negeri Sabah dan Sarawak seperti di atas, dapat disimpulkan bahawa hanya ras yang dinyatakan dalam tafsiran tersebut yang boleh dikategorikan sebagai anak negeri yang seterusnya dapat dikelaskan sebagai bumiputera.

Berhubung dengan bumiputera Sabah dan Sarawak yang dikategorikan sebagai “bangsa lain-lain” di dalam boring-borang rasmi Kerajaan, urusan penyediaan borang rasmi Kerajaan merupakan urusan pentadbiran bagi agensi yang berkenaan. Dalam hal ini, tiada halangan sekiranya terdapat mana-mana agensi Kerajaan yang berhasrat untuk

mengambil langkah proaktif dalam mewujudkan kategori bagi “bumiputera Sabah/Sarawak” dalam borang rasmi masing-masing.

Dalam hal ini, borang rasmi yang mengandungi kategori tersebut hendaklah mempunyai penerangan mengenai tafsiran bumiputera Sarawak dan Sabah (anak negeri) bagi memastikan tiada kekeliruan timbul kerana tafsiran bumiputera Sarawak dan Sabah (anak negeri) adalah berbeza jika dibandingkan dengan tafsiran bumiputera di Semenanjung Malaysia (Orang Melayu dan Orang Asli).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN (106)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 JUN 2012 (ISNIN)

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

SOALAN

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membina sebuah balai bomba baru di Serkat kawasan Parlimen Tanjong Piai.

|

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa meneliti semula keperluan untuk membina balai bomba baru bagi meningkatkan

keupayaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dari semasa ke semasa. Berkenaan persoalan Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menjalankan kajian di kawasan Serkat dalam Parlimen Tanjong Piai bagi menentukan keperluan untuk membina sebuah balai bomba yang baru. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian berkenaan, didapati keperluan pembinaan balai bomba bagi kawasan berkenaan masih belum mendesak kerana terdapat balai-balai bomba yang berdekatan dan juga Pasukan Bomba Sukarela Pekan Permas masih mampu untuk memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan di kawasan berkenaan.

Kementerian
Perumahan Dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

DARIPADA **PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**

TARIKH **11 JUN 2012 (ISNIN)**

SOALAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kewujudan operasi khas yang bernama Ops 2020 yang digunakan untuk mempengaruhi undi pelajar dalam pilihanraya umum di samping itu, digunakan untuk campur tangan dalam pilihan raya kampus.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat yang terdapat di Kementerian Pengajian Tinggi, kenyataan yang menyatakan wujud operasi khas iaitu Opss 2020 yang berperanan bagi memastikan pilihan raya kampus tidak memberi sebarang kebangkitan moral kepada Pakatan Rakyat sebelum menjelang PRU 13 adalah merupakan tuduhan palsu tanpa asas. Tuduhan tersebut merupakan dakwaan palsu kumpulan Pro Mahasiswa Nasional (PMN) yang mendakwa terdapat campur tangan politik Pejabat Perdana Menteri untuk melewatkhan tarikh pilihan raya kampus.

Keputusan menangguhkan pemilihan MPP ke bulan September sebenarnya adalah merupakan langkah penyelarasan di semua Universiti yang mengambil kira perubahan kalender akademik baharu IPTA yang bermula pada bulan September. Selain itu, ia adalah bagi memudahkan para ahli MPP untuk berkhidmat sepanjang satu tahun sesi pengajian selepas dipilih menjadi MPP berbanding jika pemilihan dibuat pada bulan April yang mana hampir dengan waktu peperiksaan akhir dan cuti panjang selama tiga (3) bulan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK MD. SIRAT BIN ABU
[BUKIT KATIL - BN]**

TARIKH 11 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN NO. 108

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat manakah sambutan yang diterima terhadap cadangan penubuhan Parlimen Belia. Apakah fungsi Parlimen Belia dan bagaimana kaedah pemilihan seseorang yang ingin menjadi Ahli

SULIT

Parlimen Belia.

SULIT

JAWAPAN

1. Untuk makluman, sambutan yang diterima terhadap cadangan penubuhan Parlimen Belia Malaysia amat menggalakkan. Berdasarkan kepada kajian minat yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), didapati 93% bersetuju dengan cadangan penubuhan Parlimen Belia Malaysia.
2. Parlimen Belia Malaysia berfungsi sebagai platform kepada golongan belia untuk menimba pengalaman secara praktikal dalam proses membuat undang-undang serta memahami sistem demokrasi berparlimen yang berasaskan Perlembagaan. Bagi yang berminat untuk menjadi Ahli Parlimen Belia Malaysia, kaedah permohonan dan pemilihan yang digunakan adalah melalui sistem atas talian (*online*) dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT Soalan No : 92

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH

11 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sama ada peranan dan tanggungjawab guru-guru boleh dipastikan dan lebih fokus supaya mereka boleh menumpukan perhatian terhadap masa mereka untuk digunakan lebih tepat dan efisien supaya dapat memastikan pengeluaran dan pencapaian lebih banyak murid- murid yang lebih cemerlang.

JAWAPAN

Tuan Yang dipertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG) pada Mac 2010. Jawatankuasa khas ini telah menjalankan kajian yang menyeluruh dengan mengadakan sesi perbincangan mulai Mac hingga Mei 2010 dengan pihak berkepentingan seperti kesatuan guru, pentadbir sekolah dan guru dengan berpandukan kepada Laporan Tugas dan Tanggungjawab Guru Tahun 2006, Pandangan dan Syor Kesatuan Guru dan Laporan Jawatankuasa Khas (Laporan Rahman Arshad 1996).

Hasil perbincangan tersebut satu laporan telah dikeluarkan dan didapati terdapat 14 isu sebagai penyumbang kepada beban tugas guru. Jawatankuasa ini telah memperakuan 28 perakuan untuk dilaksanakan bagi menangani isu beban tugas guru. Daripada 28 perakuan tersebut, 18 perakuan telah diambil tindakan, termasuklah:

- i. Perancangan aktiviti hari Sabtu secara berjadual supaya tidak melebihi dua kali sebulan;
- ii. Penglibatan jurulatih luar kurikulum/sukan bertauliah bagi sekolah yang berkemampuan;
- iii. Penyelarasan bilangan pertandingan di peringkat zon/daerah/negeri;
- iv. Kajian kebolehlaksanaan sebelum satu-satu mata pelajaran baru dilaksanakan; dan
- v. Penempatan perjawatan baru sekiranya diluluskan oleh JPA seperti pembantu bengkel, warden asrama dan jurulatih utama kurikulum;

Selain itu, KPM juga masih menjalankan kajian rintis bagi penempatan membantu Tadbir N17 sehingga Jun 2012 untuk melihat impak penempatan Pembantu Tadbir secara lebih spesifik. Dapatan awal kajian menunjukkan impak yang signifikan dalam mengurangkan beban tugas perkeranian seperti memasukkan data dalam sistem, penyediaan surat-surat, pengisian borang-borang, membantu penganjuran program di sekolah, membantu tugas di Pusat Sumber Sekolah dan lain-lain tugas perkeranian.

Di samping itu, KPM akan memperkenalkan sistem pengurusan sekolah yang tunggal kemasukan data bagi menambahbaik sistem sedia ada pada masa ini yang menggunakan pelbagai sistem kemasukan data mulai tahun 2013.

Kementerian juga sedang melaksanakan program rintis simulasi penggabungan jawatankuasa di sekolah. Program rintis tersebut dilaksanakan di 40 buah sekolah bermula 2 Mei hingga 30 Jun 2012.

Bagi mengenai kekerapan guru keluar berkursus atau bermesyuarat, KPM telah menyediakan draf surat siaran dan garis panduan pelaksanaan latihan secara *school based*.

Dalam mengurangi bilang ujian dan peperiksaan yang dilaksanakan di sekolah, surat siaran telah disediakan dan akan diedarkan kepada semua sekolah apabila mendapat kelulusan pengurusan tertinggi KPM.

Dengan usaha-usaha yang dilakukan ini, Kementerian berkeyakinan isu berkaitan beban tugas guru dapat diatasi.

Rjm 09

Soalan No : 92

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PER	LISAN
YAAN	TAN	Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]
TARIKH	11 JUN 2012	

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan Peruntukan Khas untuk program J-Qaf telah tidak lagi diberi sejak tahun kebelakangan ini. Keadaan ini menyebabkan program ini terpaksa bergantung kepada peruntukan asas per kapita yang sedia terhad itu. Apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan bahawa peruntukan khas untuk program j-QAF telah tidak lagi diberi sejak tahun kebelakangan ini adalah tidak benar. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan bertanggung jawab di atas setiap program dan aktiviti pendidikan yang dilaksanakan dengan menyalurkan peruntukan yang mencukupi bagi aktiviti termasuklah program j-QAF untuk gaji dan elauan guru, latihan keguruan, kem bestari solat, khatam al Quran dan Kem Bina Juara. KPM juga telah mengambil pelbagai langkah dan inisiatif bagi menampung keperluan tambahan bagi tujuan pelaksanaan program tersebut.

Soalan No: 111

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB DATUK SAPAWI BIN HAJI
AHMAD (SIPITANG)**

TARIKH

11 JUN 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan jumlah pekebun kecil di seluruh negara mendapat manfaat menerusi pelbagai skim dan program pembangunan tanaman getah yang dilaksanakan setakat ini.
Tuan Yang Di-Pertua,

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui RISDA telah membangunkan tanah-tanah pekebun kecil dengan melaksanakan program penanaman semula semenjak tahun 1953 lagi. Sepanjang tahun 1953 sehingga tahun 2011, seramai 958,392 pekebun kecil dengan keluasan 1,728,686.66 hektar telah menerima manfaat menerusi pelbagai skim yang dilaksanakan oleh RISDA.

HO- S(?AL/An):

112. ~~NO. AUM:~~

W

44Q^mP--

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK
 PULAU]

TARIKH 11 JUN 2012

RUJUKAN 4769

SOALAN:

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah dana Kerajaan yang digunakan di dalam menangani permasalahan salahguna dadah semenjak tahun 2000 sehingga 2012. Sila nyatakan keberkesanan perbelanjaan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos perbelanjaan keseluruhan yang ditanggung oleh Kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi menangani permasalahan dadah dari tahun 2000 hingga 2012 adalah sebanyak RM2 bilion.

Keberkesanan terhadap perbelanjaan diukur dari sudut penglibatan / kehadiran klien / pesakit di setiap Program Rawatan dan Pemulihan yang dilaksanakan di Pusat Pemulihan. Dari tahun 2000 sehingga April 2012 seramai 77,588 klien / pesakit telah berjaya menjalani rawatan dan pemulihan dan kembali ke masyarakat. Dalam konteks Rawatan dan Pemulihan penagihan dadah, proses kepulihan yang perlu dijalani oleh klien / pesakit adalah sepanjang hayat mereka. Kriteria kepulihan klien / pesakit adalah berasaskan kepada mereka yang dibebaskan dari Pusat Pemulihan setelah diperakui oleh Jawatankuasa Pemulihan dan Jawatankuasa Pembebasan Penghuni / Lembaga Pelawat di Pusat Pemulihan seluruh negara.

Selain itu, AADK turut menjalankan transformasi perkhidmatan dalam Rawatan, Perubatan dan Pemulihan yang mana ia dijalankan secara sukarela bagi sesiapa sahaja melalui penubuhan Klinik Cure & Care 1 Malaysia. Untuk itu juga, AADK telah menerima pelbagai pengiktirafan dan pujiannya daripada pelbagai agensi antarabangsa seperti *World Health*

Organization, United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dan banyak lagi kerana berjaya menghasilkan pendekatan baru ini.

AADK juga meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pelaksanaan Program Pencegahan dengan bekerjasama dan menjalin *smart-partnership* dengan komuniti setempat, agensi-agensi Kerajaan, pihak swasta dan badan-badan sukarela dalam memberi kesedaran dan pengetahuan mengenai bahaya dadah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan]
TARIKH	11 Jun 2011 (Isnin)
SOALAN	113

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan mengapakah pengurusan Pelabuhan Pulau Pinang Berhad yang diketuai oleh Pengurusnya iaitu ADUN Teluk Bahang daripada Parti UMNO mengambil tindakan melulu untuk merobohkan Kuil Hindu berusia sekitar 40 tahun di kawasan pelabuhan tanpa memberi tapak alternatif untuk Kuil tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Dakwaan bahawa Kuil Hindu yang terdapat di dalam kawasan berpagar kargo berbahaya Prai, Pelabuhan Pulau Pinang berusia

~~SEMASA PAPAN~~ tahun adalah tidak benar. Ini adalah kerana Pangkalan Kargo Prai berkenaan hanya dibangunkan pada 1977.

Menurut Penang Port Sdn Bhd (PPSB) berlaku insiden pencerobohan di kawasan berkenaan pada 25 Januari 2012 di mana pagar berdekatan paip-paip kargo cecair berbahaya didapati telah dipotong dan pagar berkenaan dibaiki oleh PPSB. Pada 6 Mac 2012, semasa rondaan dibuat, pagar di kawasan berkenaan sekali lagi telah didapati dipotong dan terdapat 3 struktur konkrit yang telah dibina. Semua struktur tersebut berada 2 meter jauhnya daripada saluran paip kargo berbahaya dan merupakan struktur yang baru dibina, bukan 40 tahun lalu.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, kawasan yang dicerobohi adalah kawasan larangan serta kawasan kargo berbahaya. Jika berlaku sebarang kebocoran kargo berbahaya atau letupan, impak kebocoran atau letupan tersebut boleh memberi kesan kepada kawasan seluas 5 kilometer. Atas faktor keselamatan, PPSB menetapkan bahawa tiada sebarang struktur boleh dibina dalam kawasan berkenaan.

Menurut PPSB, pada 22 Mac 2012 pihaknya telah cuba mendapatkan maklumat lanjut mengenai pembinaan struktur berkenaan daripada pekerja-pekerja kaum India akan tetapi tidak menerima sebarang maklumbalas.

Dalam pada itu, PPSB pada 16 April 2012 telah merujuk kepada pekerja-pekerja kaum India yang bertugas di Pangkalan Prai dan kawasan berhampiran mengenai rancangan merobohkan struktur

kuil berkenaan dan meminta perkakas yang ada disitu dipindahkan. Struktur tersebut telah dirobohkan pada 20 April 2012.

Sejajar di atas, dakwaan bahawa PPSB mengambil tindakan melulu merobohkan struktur Kuil Hindu di kawasan pelabuhan adalah tidak tepat.